

"TENAGA akademik tempatan juga hendaklah berazam untuk mencapai tahap yang seimbang dengan tenaga-tenaga luar di mana-mana saja universiti yang sudah 'established'." - Titah sempena Konvokesyen Ke-11 Universiti Brunei Darussalam, tahun 1999.



قلبتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

"ADAPUN orang yang takutkan keadaan semasa berdiri di Mahkamah Tuhan-nya, (untuk dihitung amal-nya) serta ia menahan diri daripada menurut hawa nafsu. Maka sesungguhnya Syurga tempat kediaman-nya." - Surah An-Naazi'at ayat 40 - 41.

TAHUN 46 BILANGAN 25 RABU 20 JUN, 2001/1422 رابو 28 ربيع الأول

PERCUMA

http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm email: pelita@brunet.bn Talian penting PELITA BRUNEI : (02) 383941/(02) 383804 Faks : (02) 381004/(02) 380507

TUNGKU, 16 Jun. - Kejayaan negara dalam usaha mencapai ekonomi mantap dan berterusan bukan hanya terletak di tangan kerajaan semata-mata tetapi hendaklah dipikul bersama oleh sektor swasta, institusi pengajian dan pendidikan dan agensi-agensi bukan kerajaan yang lain.

"Saya percaya dengan adanya gandingan erat di antara kesemua pihak tersebut bergerak sebagai satu entiti, kita akan mengatasi kekacauan dunia yang mencabar ini dengan jayanya," tegas Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama semasa berucap merasmikan 'Seminar Konsep Perniagaan Dalam Islam' berlangsung di Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Yang Berhormat menambah, untuk mempercepatkan lagi kemajuan sektor perniagaan, Majlis Ekonomi Negara Brunei Darussalam (BDEC) telah dan sedang melaksanakan program-program strategik bagi mencapai pertumbuhan ekonomi berdaya tahan.

Jelas Yang Berhormat, ia termasuklah usaha meluaskan program bantuan kewangan, memperbaiki infrastruktur kontrak kerajaan, mewujudkan Infrastruktur Teknologi Maklumat dan Perhubungan (ICT) yang bertaraf tinggi di samping meningkatkan perkembangan serta penggunaan sumber tenaga manusia.

Di negara ini, 99 peratus pengusaha terdiri daripada pe-

Oleh Sahari Akim

niaga kecil dan sederhana (SME) dan untuk mengembangkannya kerajaan telah melaksanakan skim bantuan khusus kepada mereka seperti dari segi kewangan, insentif kemudahan perniagaan dan perusahaan, selain meningkatkan kemahiran pengurusan dan teknikal yang boleh membantu keupayaan daya saing mereka.

Yang Berhormat menambah, dalam memberikan sokongan terhadap usaha-usaha BDEC itu, satu jawatankuasa juga telah ditubuhkan di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber

Semua pihak memikul tanggungjawab : MENCAPAI EKONOMI MANTAP, BERTERUSAN

Utama yang dipengerusikan oleh Setiausaha Tetapnya.

Jelas Yang Berhormat, jawatankuasa itu akan meneliti keberkesanan program-program terhadap sektor swasta dan perusahaan tempatan, di samping input yang dihadapkan oleh pihak yang berkenaan dan seterusnya membuat perundingan bersama jabatan dan kementerian lain, agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan ke arah memperbaiki mana-mana dasar atau perancangan yang didapati kurang berkesan atau menepati sasaran.

Yang Berhormat juga berharap, agar peluang-peluang yang ada itu dapat dimanfaatkan dalam perniagaan baik secara tradisi mahupun mengamalkan konsep perniagaan Islam di abad ke-21 ini.

Menyentuh mengenai seminar, Yang Berhormat menyifatkannya sebagai sangat berseesuaian dan kena pada masanya memandangkan bertambahnya keghairahan masyarakat Islam di seluruh dunia untuk menghayati ajaran-ajaran Islam.

Agama Islam menurut Yang Berhormat, merupakan agama yang universal dan meliputi kesemua aspek kehidupan seharian termasuklah juga aspek-aspek perniagaan.

"Saya percaya, dengan adanya lebih daripada 1.3 bilion umat Islam di dunia ini, amalan perniagaan berdasarkan ajaran-ajaran Islam adalah merupakan satu 'niche market' yang mana sepatutnya penganut-penganut agama Islam sendiri sahaja yang meraih keuntungan besar daripadanya.

Walau bagaimanapun, isu-isu seperti daya saing, piawai dan kecekapan perlulah diberikan perhatian bersama," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menyatakan, bagi menjamin negara serta peningkatan pengusahaan tempatan tidak terjejas daripada hasil globalisasi, pihak kerajaan sentiasa mengambil langkah positif dalam perundingan-perundingan pelbagai hala di mana kelonggaran dari segi waktu mahupun mekanis-

me komitmen berkenaan sentiasa diketengahkan.

Dalam APEC, Negara Brunei Darussalam dan ekonomi-ekonomi yang membangun diberikan tempoh sehingga tahun 2020 untuk membuka penuh pasarannya, manakala negara-negara maju diberikan tempoh sehingga tahun 2010.

Lihat muka 3

DENGAN adanya lebih daripada 1.3 bilion umat Islam di dunia ini, amalan perniagaan berdasarkan ajaran-ajaran Islam adalah merupakan satu 'niche market' yang mana sepatutnya penganut-penganut agama Islam sendiri sahaja yang meraih keuntungan besar daripadanya.

Brunei akan raih \$225 juta

Oleh Sahari Akim

BERAKAS, 11 Jun. - Negara Brunei Darussalam berharap akan menerima faedah ekonomi berjumlah \$225 juta jika berjaya menarik sasaran sejuta pelancong menjelang akhir tahun 2001 seperti yang terkandung dalam pelan induk yang telah dibuat.

Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim menyatakan demikian dalam teks ucapan yang disampaikan oleh Pengarah Promosi Perindustrian dan Kemajuan Pelancongan, Sheikh Jamaluddin di Seminar Pelancongan Jepun berlangsung di Hotel Orchid Garden.

Beliau juga menyeru para penuntut dan generasi muda di negara ini untuk menjadikan industri tersebut sebagai karier masa depan mereka yang mana salah satu objektifnya ialah untuk mempromosikan pelancongan yang dapat menyediakan peluang pekerjaan.

Dalam masa yang sama, Awang Haji Abdul Rahman juga menyarankan kepada pihak swasta untuk melangkah ke hadapan serta merebut cabaran-cabaran yang dapat diperoleh melalui industri pelancongan.

Katanya, pelancongan merupakan sektor pasaran ekonomi yang diterajui oleh pihak swasta, di samping merupakan ekonomi utama dunia yang menyediakan peluang pada ketika ini.

Lihat muka 3



DULI Yang Teramat Mulla Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolikah, Timbalan Sultan berkenan menerima Mengadap Pemerintah Angkatan Laut Ketujuh Amerika Syarikat, Laksamana Muda James W. Metzger. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Timbalan Sultan menerima mengadap Pemerintah Angkatan Laut Amerika Syarikat

Oleh Abu Bakar HAR

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Jun. - Duli Yang Teramat Mulla Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolikah, Timbalan Sultan telah berkenan menerima mengadap Pemerintah Angkatan Laut Ketujuh Amerika Syarikat, Laksamana Muda James W. Metzger.

Majlis tersebut berlangsung di Balai Penghadapan Bukit Kayangan, Jalan Tutong di sini.

Hadir sama di Majlis Mengadap itu ialah Pemerintah Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Dato Penglima Kolonel Haji Awang Abdul Jalil.

Pemerintah Angkatan Laut Ketujuh Amerika Syarikat berada di negara ini bagi lawatan selama tiga hari.



دَعْنِ نَامَ اللّٰهِ يَغْمِهَا
فَمُورُهُ دَانَ مَهَا فَيَايَغْ

Dari Sidang Pengarang

20 JUN, 2001 BERSAMAAN 1422 ربيع الأول، 28

MENUNGGU ATAU MELUNCUR

PENYERTAAN kerajaan secara aktif dalam kerjasama-kerjasama ekonomi serantau dan antarabangsa seperti dalam ASEAN, APEC dan WTO sudah mula memberikan ganjaran kepada negara dan pengusaha-pengusaha tempatan. Projek-projek bagi menyediakan infrastruktur kepada pengusaha-pengusaha tempatan boleh dikatakan begitu rancak dijalankan dan sebahagiannya telah dapat mengangkat industri tempatan dengan penghasilannya memberi sumbangan ke dalam pertumbuhan ekonomi negara. Penyeritaan, tindakan dan pemantauan kerajaan yang berterusan itu juga membuka peluang bagi industri-industri yang menghasilkan barangan di negara ini menembusi pasaran yang lebih besar di luar negeri dengan lebih mudah dan teratur pada masa yang datang.

Jadi, penyeritaan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam kerjasama-kerjasama ekonomi serantau dan antarabangsa itu mempunyai misi dan visi yang jelas iaitu untuk meningkatkan pengeluaran barangan tempatan yang berdaya saing dan membuka pasaran yang lebih besar dalam erti kata pasaran global. Usaha sedemikian itu bukan sahaja akan meningkatkan ekonomi malahan juga keupayaan negara dalam pelbagai bidang.

Namun demikian, usaha ini memang bukan mudah untuk dicapai, masih ada halangan-halangan dan cabaran-cabaran yang perlu diatasi oleh kedua-dua belah pihak iaitu kerajaan dan sektor swasta. Sebagai contoh, dalam menembusi pasaran luar, negara-negara pengimport sering mengenakan syarat-syarat yang perlu dipenuhi khususnya dari segi piawaian barangan mahupun pengurusan seperti penggunaan ISO Standard.

Syarat-syarat yang dikenakan itu memang wajar, kerana secara tidak langsung ia boleh meningkatkan mutu barangan dan menjamin keseragaman kualiti industri tempatan. Justeru itu pengusaha tempatan haruslah peka dan mengambil inisiatif untuk memenuhi standard yang dimaksudkan itu untuk memikat para pengimport.

Di samping itu, kerajaan pula akan membuat perbandingan dan mengambil contoh dasar-dasar dan prosedur negara lain yang sudah terbukti keberkesannya, seperti mengadakan prosedur yang lebih ketara dan telus, insentif yang berkesan terutama dalam menarik pelabur asing dan ke arah meningkatkan iklim perniagaan yang kondusif bagi menjana pelbagai aktiviti ekonomi yang berterusan.

Proses globalisasi sebahagiannya akan memberi hambatan kepada kemajuan negara dan peningkatan pengusaha tempatan. Kerajaan memang peka terhadap hakikat ini dan sentiasa mengambil langkah yang positif untuk menjamin dan melindungi kepentingan-kepentingan kita melalui perundingan-perundingan berbilang hala, di mana kelonggaran dari segi waktu mahupun mekanisme melaksanakan komitmen-komitmen berkenaan sentiasa diketengahkan. Jaminan mengenai perkara ini telah dijelaskan oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama baru-baru ini.

Antara jaminan yang telah diperolehi ialah dalam APEC, di mana Negara Brunei Darussalam dan ekonomi-ekonomi yang membangun diberikan tempoh sehingga tahun 2020 untuk membuka penuh pasarnya, manakala negara-negara maju diberikan tempoh sehingga tahun 2010. Tetapi sekiranya negara ini dapat meningkat lebih awal daripada tahun 2020, kita akan dapat menikmati pasaran negara-negara maju yang besar dan seterusnya meningkat maju dan berdaya saing sebelum pasaran kita sendiri dibukakan kepada pengusaha luar.

Dengan yang demikian, kita tidak boleh lari daripada proses globalisasi - kita mesti menyertainya. Kerana peluang dan kemanfaatan yang boleh diperolehi adalah lebih banyak daripada kita bersendirian. Terpulanglah kepada pengusaha tempatan sama ada hanya menunggu hambatan ombak globalisasi yang pasti akan datang ataupun mengambil kesempatan untuk meluncur ke arah kejayaan.

Bagi memenuhi keperluan perkembangan ekonomi baru

Assalamualaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir
Rahim

ALHAMDULILLAH
Rabbil 'Aalameen,
Wassalatu Was-
salamu 'Alaa Asyrafil Mur-
saleen. Sayyidina Muham-
madin, Wa'alaa Aalihie Wa-
sahbihiie Ajma'een. Waba'du.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala atas limpah rahmat-Nya mengizinkan kita hadir beramai-ramai di majlis yang mulia ini.

Terlebih dahulu saya dengan tulus ikhlas merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada jawatankuasa penganjur majlis ini kerana menjemput saya hadir ke Majlis Konvokesyen Kali Ke-10 Institut Teknologi Brunei.

Dalam kesempatan ini, ingin saya mengucapkan tahniat dan syabas kepada graduan-graduan yang bakal menerima diploma mereka, dan kepada para ibu bapa yang telah memberikan dorongan dan bimbingan bagi kejayaan anak-anak mereka.

Saya mengucapkan syabas juga kepada Institut Teknologi Brunei kerana mampu menghasilkan tenaga mahir, khususnya dalam jurusan kejuruteraan, perdagangan dan teknologi maklumat.

Sesungguhnya negara kita menaruh harapan bahawa graduan-graduan berkenaan dapat memberikan sumbangan yang besar dalam menjana pertum-

KEUPAYAAN TENAGA MANUSIA DITINGKATKAN



SABDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah sempena Majlis Konvokesyen Institut Teknologi Brunei Ke-10 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada 3 Rabiulawal, 1422/26 Mei, 2001.

buhan ekonomi negara serta memenuhi keperluan ekonomi baru dan global.

Betapa pentingnya usaha meningkatkan keupayaan tenaga manusia bagi memenuhi keperluan perkembangan ekonomi baru ini telah ditekankan oleh Kebawah Duli Yang Maha

capacity' dalam pelbagai bidang yang diperlukan dalam ekonomi baru, terutama bidang teknologi maklumat dan komunikasi, serta perdagangan dan kewangan.

Institut ini juga perlu meneliti dan mengemaskinikan program akademik dan pengurusan selaras dengan keperluan dan perkembangan masa.

Ke arah itu, latihan-latihan semula atau 'retraining' yang singkat dan bersesuaian bagi mempersiapkan para graduan dengan kemahiran yang diperlukan oleh pasaran kerja yakni 'marketable skills' dapat memberikan nilai tambah kepada program latihan yang sedia berjalan.

Perkara demikian boleh dijalankan dengan kerjasama rapat di antara agensi-agensi latihan dan pendidikan serta pihak swasta yang berkenaan.

Buat mengakhirinya, samasalah kita berdoa semoga Institut Teknologi Brunei akan sentiasa mencapai kemajuan serta meningkatkan namanya sebagai 'centre of excellence' di bidang teknikal dan vokasional di negara kita.

Kepada sekalian graduan, didoakan semoga akan sentiasa maju jaya termasuk bagi mereka yang melanjutkan pelajaran pada peringkat yang lebih tinggi dan kepada mereka yang akan menempuh alam pekerjaan nanti.

Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

SEHUBUNGAN dengan ini, adalah mustahak bagi institusi pendidikan serta institusi pengajian tinggi dan teknikal untuk membuat perancangan dan persiapan rapi dalam menyediakan tenaga manusia yang mempunyai daya maju dan daya saing di peringkat serantau dan antarabangsa.

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa baginda bertitah di Mesyuarat Peringkat Tertinggi APEC Mengenai Human Capacity Building di Beijing baru-baru ini.

Sehubungan dengan ini, adalah mustahak bagi institusi pendidikan serta institusi pengajian tinggi dan teknikal untuk membuat perancangan dan persiapan rapi dalam menyediakan tenaga manusia yang mempunyai daya maju dan daya saing di peringkat serantau dan antarabangsa.

Saya percaya, Institut Teknologi Brunei mampu untuk meningkatkan kursus-kursus di bidang teknologi dan perdagangan bagi memajukan 'human

UBD berhasrat tubuh Pusat Perbankan, Kewangan dan Pengurusan Islam

TUNGKU, 16 Jun. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) akan berperanan secara 'total' dalam melaksanakan program dan inisiatif yang termampu bersesuaian dengan fungsinya, dalam sama-sama menahkud dan membantu kerajaan menjana serta mempersiapkan diri sebagai sebuah pusat kewangan Islam.

Oleh Sahari Akim

wangan Islam.

Naib Canselor UBD, Profesor Dato Paduka Seri Setia Dr. Awang Haji Mahmud Saedon bin Awang Othman menyatakan perkara tersebut ketika berucap di Seminar Konsep Perniagaan Islam bertema 'Ke Arah Menghayati Perniagaan Dalam Islam' berlangsung di UBD.

Dalam hal tersebut, tambahnya, bantuan bukan hanya dalam menyediakan sumber tenaga manusia bagi mengisi kekosongan dalam sektor perbankan, kewangan, insurans, takaful semata-mata bahkan juga mengadakan kemudahan penyelidikan dan kajian ilmiah terhadap produk-produk baru melalui Konsep Arkitek Kewangan (Financial Architecture atau Financial Engineering), bilamana ulama fiqh dengan ahli ekonomi berpadu tenaga membongkar ilmu-ilmu Islam yang masih belum diperkenalkan.

Ke arah itu, jelasnya, UBD berhasrat menubuhkan Pusat Perbankan, Kewangan dan Pengurusan Islam yang diharapkan akan dapat menjadi tumpuan pakar, penyelidik dan ilmuwan sesuai dengan matlamat negara untuk menjadi pusat kewangan luar pantai.

"Pusat ini akan mengisi ruang kosong, ketidapastian dan kepincangan dengan menyediakan sumber dan kepakaran serta suasana bantuan akademik yang diperlukan oleh negara ini. Pada masa itulah, peranan UBD sebagai lubuk ilmu dapat direalisasikan," tegasnya.

Naib Canselor UBD seterusnya menerangkan, satu lagi usaha yang dilaksanakan ialah membantu masyarakat Brunei seperti peniaga-peniaga melalui Unit Pengembangan Keusahawanan (Entrepreneurship Development Unit - EDU).

Unit tersebut, jelas Profesor Dato Dr. kini sedang giat menyiapkan program bagi mereka yang ingin menceburi diri dalam bidang perniagaan dan dengan kepakaran dan pengalaman yang terdapat, EDU mula menawarkan pelbagai program untuk pengusaha kecil dan sederhana yang kini telah



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam, Profesor Dato Paduka Seri Setia Dr. Awang Haji Mahmud Saedon ketika berucap di Seminar Konsep Perniagaan Islam yang bertema 'Ke Arah Menghayati Perniagaan Dalam Islam'. Seminar berlangsung di UBD. - Gambar oleh Halim HS.

dihubungi oleh beberapa agensi untuk mendapatkan khidmatnya.

Terdahulu dari itu Naib Canselor UBD menyentuh mengenai beberapa usaha UBD ke arah menyokong hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam pembentukan, penyerapan dan penerapan nilai-nilai Islam dari sudut akademik, khususnya kepada para pelajar dan masyarakat Brunei umumnya.

Sejak tertubuhnya Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin (IPISHOAS) hasil percantuman Institut Pendidikan Islam UBD dua tahun lalu, telah dapat memainkan peranan yang lebih aktif dan meluas dalam konteks pembangunan negara seperti dianjurkan Seminar Fakulti Pengajian Perdagangan, Ekonomi dan Dasar.

Usaha seperti itu, kata beliau akan diteruskan bukan sahaja dalam bentuk seminar dan persidangan malah akan diadakan dalam pelbagai dimensi ke arah peranan dan tanggungjawab membantu dan menterjemahkan dasar kerajaan untuk dipraktikkan, diamalkan dan dihayati.

Menyentuh tentang seminar itu, beliau berharap sedikit sebanyak ia akan dapat membuah nilai tambah kepada pengetahuan peserta, di samping dapat mempertingkatkan lagi kefahaman masyarakat bawha Islam

memberikan alternatif terbaik kepada sistem yang bercanggah dengan ajaran Islam.

UBD kini sedang meningkatkan hubungan dua hala dengan universiti-universiti luar negara dengan menawarkan program berkembar, artikulasi, pindah kredit, selain menyediakan program pilihan kepada pelajar yang berminat dalam Islamic Banking and Finance.

Beliau menjelaskan, Fakulti Pengajian Perdagangan, Ekonomi dan Dasar dengan kerjasama IPISHOAS telah berupaya menawarkan program yang dikenali 'Minor In Islamic Banking and Finance' di mana apabila sumber tenaga mencukupi, ia akan dijadikan Program Major atau Program Ijazah B.A. dalam Islamic Banking and Finance.

Ketika ini pelajar UBD juga ditawarkan dengan kursus-kursus seperti Principle of Islamic Business Ethics, Islamic Jurisprudence, Islamic Economic, Islamic Finance, Islamic Accounting and Auditing dan sebagainya.

"Adunan kursus-kursus Dasar Perdagangan, Pemasaran dan Pengurusan Perniagaan dengan kursus yang disebutkan tadi boleh membuah pemikir, penyelidik dan pembuat dasar perdagangan yang lebih baik dan sesuai dengan

AEMC ANJUR SEMINAR 'NEW E - LEARNING MIX'

Oleh Siti Muslihat HS

GADONG, 15 Jun. - Kewujudan dan perkembangan teknologi yang semakin pantas terus memberikan sumbangan dalam pelbagai aspek kehidupan.

Kepantasan dan kecanggihan alat perhubungan melalui teknologi maklumat turut memberikan kemudahan berkomunikasi terutama dengan terciptanya teknologi komunikasi yang boleh menghubungkan satu pihak yang lain melalui persidangan video atau 'video-conferencing'.

Dalam hubungan ini, Pusat Pengurusan ASEAN-EC (AEMC) dalam usahanya untuk mendedahkan seminar sehari mengenai percambahan atau cantuman pembelajaran baru melalui pengalaman yang dikenali sebagai 'The New E-Learning Mix' yang dijangka berlangsung pada 23 Jun depan, telah mengundang perwakilan dari pihak media dalam mengongsi sedikit pengetahuan mengenai seminar berkenaan.

Melalui kesempatan yang diberikan oleh AEMC itu, pihak media diberi kesempatan untuk terus berinteraksi dengan Pengerusi Kumpulan Pakar Sumber Pengurusan yang berada di Kuala Lumpur, Malaysia, Dr. R. Palan yang juga akan mengendalikan seminar sehari itu.

Menurut Dr. Palan 'E-Learning' di sini, katanya, bukanlah semata-mata dimaksudkan dengan pembelajaran melalui elektronik tetapi katanya, 'E' yang dimaksudkan di sini lebih memfokuskan kepada 'Experience,' atau pengalaman.

'The New E-Learning Mix' ini bukan hanya memfokuskan kepada teknologi tetapi ianya merangkumi tiga rukun utama iaitu pelajar, teknologi dan alam sekitar.

Selain teknologi, kita juga perlu memberikan kepentingan kepada para pelajar dan alam sekitar di mana dua perkara ini selalunya sering tidak dikaitkan sama, tegasnya melalui interaksi video dari Kuala Lumpur.

Menyentuh mengenai perluasan penggunaan percambahan pembelajaran baru ini, ianya, katanya, sangat popular di Amerika Syarikat dan Eropah, manakala bagi kawasan Asia Tenggara, pula merupakan suatu perkara yang baru dan masih perlu pendedahan.

Mengulas mengenai faedah atau kepentingannya kepada sesebuah negara, Dr. Palan menjelaskan apa yang penting para peserta di seminar itu nanti boleh menilai mana-mana yang difikirkan baik dan seterusnya bagaimana ianya dapat memberikan hasil kepada mereka.

Antara yang hadir di sesi itu ialah Pengarah Pusat Pengurusan ASEAN-EC, Pengiran Mohd. Salleh bin Pengiran Haji Kamaluddin.

Seminar tersebut berusaha memberikan pendedahan mengenai perlunya para pekerja terus belajar walau di mana dan dalam keadaan apa jua pun, memandangkan organisasi masa ini memerlukan semua pegawai dan kakitangannya belajar secara berterusan dalam memastikan kesesuaian dan kecekapan masing-masing.

Ianya dibukakan kepada para eksekutif dari sektor awam dan swasta, para pengusaha muda dalam perusahaan kecil dan sederhana, penggubal dasar, pengamal sumber tenaga manusia dan pengurus latihan serta para akademik dan juga penuntut.

Mereka yang berminat untuk menyertai seminar berkenaan bolehlah berhubung terus kepada Pengurus Pemasaran AEMC, Dr. Ali Hammoutene melalui talian terus 02-450135 atau nombor telefon 02-445851/2 sambungan 201 atau melalui e-mel : aemc@brunei.bn.

Brunei akan raih \$225 juta

Dari muka 1

"Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara kecil dengan penduduk yang sedikit. Kita memerlukan banyak tenaga kerja untuk memenuhi keperluan-keperluan pekerjaan bagi industri tersebut.

Oleh yang demikian, kerjasama dan penglibatan generasi penuntut ke dalam industri ini adalah penting jika kita ingin berjaya dalam mencapai matlamat kita," tegasnya.

Terdahulu beliau menyatakan pengiktirafan kementerian terhadap sumbangan Pusat Promosi ASEAN-Jepun dalam pembangunan industri pelancongan di rantau ini.

Tambahnya, pusat tersebut di Jepun sememangnya memainkan

peranan utama dalam mewujudkan kesedaran masyarakat, bukan sahaja mengenai negara itu tetapi lebih penting lagi bagaimana kita boleh bekerjasama menggalakkan pelancongan di rantau ini.

Jepun jelasnya, adalah merupakan salah satu sasaran pasaran dalam pembangunan industri pelancongan negara ini, di mana dengan kerjasama Pusat Promosi ASEAN-Jepun, matlamat akan lebih mudah dapat dicapai.

Seminar dua hari itu diharapkan sedikit sebanyak akan dapat meningkatkan kefahaman mengenai industri pelancongan, di samping mencari jalan bagaimana menggalakkan pelancong-pelancong Jepun datang ke rantau ini.

Awang Haji Abdul Rahman juga menyebut dua cabaran yang dihadapi dalam pembangunan industri pelancongan iaitu bagaimana me-

ningkatkan imej Brunei dan daya tarikannya sebagai destinasi pengembaraan dan pelancongan serta bagaimana meningkatkan sumbangan sektor pengembaraan dan pelancongan kepada ekonomi Brunei.

Awang Haji Abdul Rahman dalam ucapannya juga menyentuh tentang keunikn negara ini yang kaya dengan budaya dan tradisi dengan warisan diraja sejak 500 tahun yang lalu, selain terdapatnya Kampong Ayer yang terbesar di dunia.

Negara ini juga mempunyai taman permainan berteknologi tinggi yang disediakan untuk kemudahan kanak-kanak dan orang dewasa dan yang lebih utama negara ini berkeadaan aman, yang membolehkan pelancong berjalan pada waktu malam dalam keadaan selamat.

Dalam mencapai matlamat pembangunan pelancongan, Negara Brunei Darussalam mengamalkan

strategi mengekalkan serta memelihara budaya dan cara hidup masyarakatnya.

Seminar tersebut telah mengundang Profesor Masaru Suzuki dan

Mr. Kazuhiko Sasaguchi untuk memberikan ceramah

Juga hadir di majlis pembukaan rasmi seminar itu ialah Tuan Yang Terutama Tuan Hajime Tsujimoto,

Duta Besar Jepun ke negara ini dan Mr. Pichai Raktasinha, Pengarah Bahagian Pelancongan, Pusat Promosi Pelancongan ASEAN-Jepun.



PROFESOR Masaru Suzuki ketika memberikan ceramah di Seminar Pelancongan Jepun yang berlangsung di Hotel Orchid Garden. - Gambar oleh Halim HS.

Kerjasama Brunei - Filipina bertambah kukuh

GADONG, 12 Jun. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri bersabda, hubungan erat antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina terus dipertingkatkan melalui hubungan kerjasama dalam pelbagai bidang.

Berangkat bagi mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Majlis Resepsi sempena Ulang Tahun Ke-103 Hari Kemerdekaan Republik Filipina, Yang Teramat Mulia menambah sabda, bidang-bidang kerjasama antara kedua-dua buah negara telah diperluaskan dengan penandatanganan Memorandum Persefahaman Di Bidang Teknikal dan Kerjasama Perdagangan Mengenai Perikanan yang telah ditandatangani pada bulan November tahun lalu di Bandar Seri Begawan.

Kerjasama berkenaan dengan pelbagai bidang kerjasama yang lain seperti bidang pendidikan dan pertahanan, sabda Yang Teramat Mulia lagi, akan terus menyumbang kepada hubungan yang lebih kukuh bagi kepentingan kedua-dua buah negara.

"Hubungan kenegaraan yang kukuh memberikan asas yang baik bagi hubungan dan kerjasama di semua peringkat. Perlu juga dinyatakan rasa penghargaan negara ini atas penyertaan yang berterusan daripada rakyat Republik Filipina dalam pembangunan negara ini. Kita mengiktiraf sumbangan mereka yang berharga dalam institusi-institusi pendidikan dan juga dalam sektor swasta."

Dimensi kerjasama yang lain yang telah membantu kepada hubungan rapat ialah melalui interaksi kita dalam arena berbilang hala. Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina telah berkongsi minat dan perhatian yang sama dalam pertumbuhan-pertumbuhan serantau dan antarabangsa," sabda Yang Teramat Mulia.

Dalam ASEAN, jelas Yang Teramat Mulia, kedua-dua negara bersama rakan-rakan anggota ASEAN yang lain telah bekerjasama rapat dalam meningkatkan kerjasama serantau.

"Sidang Kemuncak ASEAN yang akan diadakan November depan di Negara Brunei Darussalam akan memberikan kepada kedua-dua pemimpin untuk mengukuhkan kerjasama yang mengambil kira kepada pelbagai perubahan yang berlaku di rantau ini dan di seluruh dunia," demikian sabda Yang Teramat Mulia lagi untuk mengakhiri sabda ucapan di majlis ini.

Di majlis yang berlangsung di sebuah hotel terkemuka di sini, Yang Teramat Mulia dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz telah berangkat.

Sementara itu, Duta Besar Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Tuan Enrique A. Zaldivar

Oleh Siti Muslihat HS

dalam sembah alu-aluannya terdahulu antaranya berkata, Republik Filipina sentiasa berharap untuk terus mengukuhkan hubungan dengan Negara Brunei Darussalam terutamanya dalam rangka kerja bagi Kawasan Pertumbuhan Asia-Timur atau BIMP-EAGA dan juga dalam konteks pertumbuhan dan kemampuan ASEAN.

Tuan Yang Terutama dalam kesempatan itu juga melahirkan rasa penghargaan atas layanan baik Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia terhadap rakyat Republik Filipina di negara ini dalam memberikan peluang pekerjaan.

Di majlis itu, Yang Teramat Mulia berkenan memotong kek Hari Kemerdekaan Republik Filipina bersama dengan Tuan Yang Terutama Tuan Enrique A. Zaldivar.


Majlis diserikan dengan persembahan kebudayaan Republik Filipina.

Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina menjalin hubungan diplomatik dalam tahun 1984 dan ketika ini lebih 20 ribu rakyat Republik Filipina bekerja di negara ini dalam pelbagai bidang pekerjaan.

"HUBUNGAN kenegaraan yang kukuh memberikan asas yang baik bagi hubungan dan kerjasama di semua peringkat. Perlu juga dinyatakan rasa penghargaan negara ini atas penyertaan yang berterusan daripada rakyat Republik Filipina dalam pembangunan negara ini. Kita mengiktiraf sumbangan mereka yang berharga dalam institusi-institusi pendidikan dan juga dalam sektor swasta."



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Duta Besar Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Tuan Enrique A. Zaldivar memotong kek sempena Ulang Tahun Ke-103 Hari Kemerdekaan Republik Filipina. Berangkat sama di majlis itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz. Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



ERATKAN HUBUNGAN Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu Ba'asith ketika menerima Ketua Turus Tentera Udara, Angkatan Bersenjata Republik Singapura, Brigedier Lim Kim Choon sebagai lawatan pengenalan dan Brigedier Lim Kim Choon juga mengadakan kunjungan muhibah kepada Pemangku Pemerintah ABDB, Kolonel Dato Paduka Awang Haji Jumat. Kedua-dua majlis tersebut diadakan di Kementerian Pertahanan Bolkiah Garrison. Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

APEC KENAL PASTI LANGKAH-LANGKAH BAGI MENJAMIN DINAMISME DALAM EKONOMI BARU

REPUBLIK RAKYAT CHINA, 6 Jun. - Mesyuarat dua hari Menteri-menteri Bagi Perdagangan (Ministers Responsible for Trade - MRT) dalam Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Shanghai, Republik Rakyat China (People's Republic of China - PRC). Delegasi Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohamed Taib, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Mesyuarat telah dipengerusi oleh Tuan Yang Terutama Tuan Shi Guangsheng, Menteri Perdagangan Luar dan Kerjasama Ekonomi, Republik Rakyat China.

Menurut Yang Berhormat, tema bagi APEC tahun 2001 ialah : Mengatasi Cabaran-cabaran Baru Di Abad Baru : Mencapai Kemakmuran Bersama Menerusi Penyertaan dan Kerjasama. Dalam hubungan ini, Mesyuarat MRT kali ini telah menumpukan perhatian terhadap beberapa isu utama ke arah mencapai hasrat dalam tema tersebut.

Yang Berhormat juga memaklumkan bahawa, Mesyuarat MRT telah menumpukan perbincangan ke atas usaha bagi meneliti semula (review) Pelan Tindakan Osaka (Osaka Action Plan-OAA). Usaha meneliti semula itu adalah bagi mencerminkan dinamisme APEC bagi mencapai Wawasan Bogor APEC dalam merealisasikan perdagangan dan pelaburan bebas dan terbuka dalam rantau ini. Usaha ini akan menggariskan wawasan dan arah tuju yang lebih konkrit dan berfokus dengan mengambil kira perkembangan ekonomi global masa kini.

Rebiu ini nanti dijangka akan menjadi satu kecapaian (deliverable) bagi APEC 2001, tambah Yang Berhormat.

Sehubungan dengan itu, mesyuarat telah membincangkan

mengenai elemen yang perlu dipertimbangkan dalam usaha rebiu ini, iaitu antara lainnya :

- * Memberikan tumpuan yang lebih tepat kepada Wawasan APEC bagi Liberalisasi dan Pemudahan Perdagangan dan Pelaburan (Trade and Investment Liberalisation and Facilitation - TILF), dengan membentuk garis panduan yang lebih mencabar dalam mencapai Wawasan Bogor.

- * Mengambil tindakan konkrit ke arah memajukan lagi tercapainya Wawasan Bogor seperti mengukuhkan mekanisme rebiu sesama secara konsultatif (consultative peers review mechanism), melaksanakan prinsip-prinsip dalam peraturan yang telus dalam jangka masa pendek dan memudahkan penggunaan internet dalam ahli ekonomi APEC ke arah meraih kemantapan sepenuhnya dalam ekonomi baru (New Economy).

Mesyuarat juga mengarahkan Pegawai Kanan APEC (APEC Senior Officials - SOM) bagi mengalusi lagi elemen-elemen tersebut bagi dipertimbangkan semula oleh Mesyuarat Peringkat Menteri-menteri APEC (APEC Ministerial Meeting - AMM) pada bulan November akan datang sebelum ianya dihadapkan kepada Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi APEC.

Di samping itu juga, mesyuarat itu juga membincangkan isu-isu Kerjasama Ekonomi dan Teknikal (ECOTECH) khususnya Keputusan Mesyuarat Peningkatan Keupayaan Manusia yang telah diadakan di Beijing, PRC pada bulan Mei yang lalu, serta juga usaha terhadap melaksanakan Pelan Tindakan ECOTECH (ECOTECH Action Plan).

Para Menteri MRT juga telah mengadakan mesyuarat tidak rasmi (retreat) mereka. Turut hadir bersama Menteri-menteri MRT ialah Tuan Yang Terutama Tuan Mike Moore, Pengarah Agung WTO.

Menurut Yang Berhormat, tumpuan perbincangan adalah terhadap Pengukuhan Sistem Perdagangan Berbilang Hala khususnya sumbangan APEC kepada Persidangan Peringkat Menteri-menteri WTO Kali Keempat yang akan diadakan di Doha, Qatar pada bulan November tahun ini serta juga Pelancaran Pusingan Perundingan Baru WTO, dan Pengukuhan Keupayaan Bagi Melaksanakan Perjanjian-perjanjian WTO.

Dalam hubungan ini, mesyuarat telah sebulat suara menyokong keputusan Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi APEC di Negara Brunei Darussalam pada tahun lalu bagi pelancaran pusingan perundingan perdagangan berbilang hala diadakan pada tahun ini. Dalam perkara yang sama juga, mesyuarat menekankan bahawa bagi membolehkan pusingan perundingan baru itu nanti dilancarkan dengan jayanya, agenda perundingan perlulah mudah ditangani dan cukup meluas (manageable and sufficiently broad-based agenda) dengan mengambil kira kepentingan-kepentingan kesemua ahli WTO termasuklah negara-negara membangun dan kurang maju. Mesyuarat juga menyokong bagi proses kemasukan PRC diselesaikan dengan secepat mungkin.

Yang Berhormat mengambil kesempatan mengadakan perjumpaan dua hala bersama Tuan Yang Terutama Tuan Shi Guangsheng bagi membincangkan isu-isu yang akan diketengahkan pada Mesyuarat MRT ini serta juga harapan kecapaian PRC sebagai tuan rumah APEC 2001.

Hadir sama di Mesyuarat MRT ialah Tuan Yang Terutama Pengiran Dato Paduka Asmalee bin Pengiran Ahmad, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat China serta pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan juga beberapa pegawai dari Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Ke arah membendung penggunaan tembakau

BANDAR SERI BEGAWAN. - Orang ramai diseru untuk menguatkan lagi azam dan usaha ke arah membendung penggunaan tembakau untuk sama-sama menjadikan udara di rumah, di tempat kerja dan tempat-tempat awam sentiasa bersih dan bebas daripada asap rokok pasif.

Yang Berhormat Pemangku Menteri Kesihatan menekankan perkara tersebut dalam perutusan sempena Hari Tembakau Sedunia pada 31 Mei, 2001 lepas bertepatan 'Asap Rokok Pasif Boleh Membunuh dan Dapatkan Udara Bersih'.

Menurut siaran akhbar Kementerian Kesihatan, asap rokok pasif berlaku hasil daripada asap rokok yang dihirup oleh perokok, mengandungi lebih daripada 4,000 bahan kimia yang boleh menyebabkan pelbagai masalah kesihatan.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan, setiap tahun terdapat lebih daripada empat juta orang meninggal dunia akibat tembakau di seluruh dunia. Pendedahan kepada asap rokok pasif adalah merupakan masalah berleluasa yang berlaku

Oleh Sahari Akim

terhadap semua orang daripada pelbagai peringkat masyarakat dunia.

Mereka yang tidak merokok tetapi menghidu asap rokok pasif akan mengalami masalah-masalah kesihatan yang sama seperti mereka yang merokok, sementara kematian disebabkan oleh penyakit jantung, paru-paru dan kanser juga telah dikenal pasti mempunyai hubungan kait dengan pendedahan asap rokok pasif.

Selain dari itu, asap rokok pasif juga menyebabkan pelbagai masalah kesihatan kepada kanak-kanak seperti bronkitis, asma, radang paru-paru dan jangkitan telinga.

Sementara itu wanita mengandung jika terdedah kepada asap rokok pasif pula, boleh menjejaskan pembesaran anak dalam kandungan, dan boleh menyebabkan kematian bagi anak damit yang

baru lahir (Sudden Infant Death Syndrome-SIDS).

Di Negara Brunei Darussalam, hasil kajian Status Pemakanan Kebangsaan yang dijalankan menunjukkan satu pertiga lelaki dewasa di negara ini adalah perokok yang mana daripada kajian yang sama menunjukkan bahawa 12 peratus perokok adalah remaja dalam lingkungan 11 hingga 19 tahun.

Memahami akan seriusnya masalah tersebut, maka beberapa langkah telah dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan dan bukan kerajaan bagi membendung penggunaan tembakau.

Jawatankuasa Kebangsaan Promosi Kesihatan telah mengenal pasti Program Inisiatif Bebas Tembakau sebagai satu program utama ke arah mempromosikan kesihatan rakyat dan penduduk negara ini.

Matlamat yang akan dicapai ialah penggunaan tembakau yang berterusan melalui beberapa langkah seperti pendidikan dan penerangan, kaunseling, undang-undang dan peraturan.

Brunei - Britain buka lebih banyak peluang kerjasama

BERAKAS, 11 Jun. - Negara Brunei Darussalam dan United Kingdom mempunyai peluang-peluang yang banyak bagi bekerjasama dalam mempelabagai ekonomi masing-masing, terutama bagi menarik lebih banyak ahli perniagaan Great Britain untuk melabur di negara ini di mana baru-baru ini telah dilancarkan Forum Perniagaan Brunei-Britain.

Forum ini menjadi harapan kedua-dua negara bagi menolong memudahkan lebih banyak kontak dan kerjasama di kalangan masyarakat perniagaan di antara kedua-dua belah pihak bagi faedah bersama.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain berucap demikian mewakili kerajaan di Majlis Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Queen Elizabeth II Ke-75 Tahun di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), di sini.

Dari segi Tahun Melawat Brunei 2001, kata Yang Berhormat, peluang-peluang yang lain juga tersedia khasnya dalam kebudayaan dan pelancongan.

Yang Berhormat menjelaskan, negara sedang mempromosikan kebudayaan warisan di luar negeri dan percaya perkara ini akan menggalakkan interaksi dan pertukaran kebudayaan yang lebih meluas serta negara mengalu-alukan lebih ramai rakyat Great Britain dan pelancong lain untuk berkunjung ke negara ini.

Sementara itu, dalam ucapan Pesuruhjaya Tinggi United Kingdom ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Stuart Laing, berharap akan dapat memperkembangkan dan meluaskan hubungan komersil melalui Forum Perniagaan Brunei - Britain.

Dalam hubungan pendidikan, pertubuhan institusi Britain dan rakan mereka di ASEAN sedang memajukan satu hubungan baru dalam memperkembangkan pengajian tinggi bagi membolehkan penuntut-penun-

Oleh Abdullah Asgar

tut memperoleh ijazah tanpa meluangkan masa selama tiga tahun berada di United Kingdom.

Manakala mengenai sektor pertahanan, Tuan Yang Terutama menjelaskan, pembinaan dan penghantaran tiga buah kapal peronda luar pantai yang digunakan oleh Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei

(ATLDB) di mana kapal pertama telah dilancarkan awal tahun ini dan kapal kedua akan dilancarkan tidak lama lagi.

Katanya, kesemua kapal-kapal itu dilengkapi dengan peralatan canggih yang mengambil masa dua tahun untuk disiapkan. Kapal pertama hanya akan dihantar bermula 2003 oleh BAE System.

Dengan ini jelas Tuan Yang Terutama lagi, secara tidak langsung boleh menjamin dan mengukuhkan stabiliti serta keselamatan di rantau ini.

JPE dan JPT tandatangani MOU tingkatkan kerjasama di bidang teknikal

BERAKAS, 6 Jun. - Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik (JPE) dan Jabatan Pendidikan Teknik (JPT) telah sepakat menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) Kerjasama Teknikal bagi meningkatkan ujian ketu-

kangan bidang elektrik.

Dalam perjanjian tersebut, kedua-dua jabatan akan lebih berpeluang mengawal dan mengurus pendaftaran pekerja-pekerja yang terlibat dalam bidang elektrik di dalam JPE.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Zakaria menyaksikan pertukaran MOU antara Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik dan Jabatan Pendidikan Teknik. - Gambar oleh Masri Osman.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain ketika hadir mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Majlis Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Queen Elizabeth II yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Juga kelihatan ialah Pesuruhjaya Tinggi United Kingdom ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Stuart Laing. - Gambar oleh Masri Osman.

Oleh Abdullah Asgar

Manakala bagi pemborong, ia merupakan peluang kebaikan dan lebih menyenangkan mereka bagi menyertai pelbagai projek elektrik yang diberikan.

Majlis yang berlangsung di Bilik Bertabur, Kementerian Pembangunan disaksikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian berkenaan, Dato Paduka Awang Haji Zakaria yang juga selaku tetamu kehormat.

Selain itu, perjanjian tersebut juga menyebutkan beberapa inisiatif teknikal terpilih di bawah JPT akan menjadi pengujian ketekungan (trade testing) dan pusat latihan bagi pekerja-pekerja.

Di samping itu, JPE juga akan berperanan sebagai penyedia kepakaran bagi memastikan kurikulum teknikal yang diberikan oleh institusi teknikal itu bersesuaian dengan keperluan industri di negara ini.

Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Awang Haji Zakaria bin Haji Abdul Latif berkata, MOU ini bukanlah satu perkara baru, malah negara-negara jiran telah lama memperuntukkan kaedah ini terhadap tenaga kerja luar dan mereka diwajibkan untuk mengikutinya tanpa mengira kemahiran yang sedia ada.

Jelasnya, masalah yang dihadapi sebelum ini, di mana syarikat/pemborong yang ingin mendaftar dengan JPE tetapi gagal menepati kehendak yang dipersyaratkan.

"Dengan termeterainya MOU ini, akan memudahkan pihak syarikat/pemborong memenuhi kehendak-kehendak dan keperluan tersebut, di samping memberikan pendedahan serta meningkatkan pengetahuan dan kemahiran," tegasnya.

Pada tahun 2000, jelasnya, terdapat 520 syarikat/pemborong telah didaftarkan dalam pelbagai kategori dan menjangka bilangannya akan terus meningkat. Melalui MOU itu permasalahan akan boleh diatasi secara beransur-ansur.

Manakala itu, dalam ucapan Pengarah Pendidikan Teknik, Dato Paduka Awang Haji Mustafa bin Abu Bakar menyatakan, kerjasama strategik di antara dua jabatan ini sangatlah teratur memandangkan JPE di samping bertanggungjawab memberikan perkhidmatan, ianya juga mem-

punyai peranan yang penting sebagai sebuah agensi pengawalan.

Sementara itu, JPT katanya, bertanggungjawab menyediakan latihan profesional yang diharapkan akan membantu proses pengawalan peraturan-peraturan yang sedia ada.

Penandatanganan MOU itu jelasnya, boleh melicinkan komitmen di antara kedua-dua belah pihak dalam mana institusi-institusi latihan teknikal bersedia berkongsi kemudahan untuk tujuan ujian ketekungan pekerja baru atau pekerja yang berhajat membarui pas atau lesen bekerja.

Sebagai negara yang memanfaatkan kemajuan teknologi, peranan juruteknik adalah kritikal. Dengan masyarakat dan kegiatan ekonomi semakin bertambah bergantung pada inovasi teknologi, kemahiran teknologi tenaga kerja seharusnya diberi penekanan yang wajar, tegas beliau.

Dato Paduka berharap, agar inisiatif itu akan dapat diperkembangkan kepada bidang-bidang pekerjaan yang lain yang berkaitan dengan pemeliharaan kualiti perkhidmatan di negara ini.

Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria serta lain-lain jemputan ketika hadir di Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam anjuran Kementerian Perhubungan. - Gambar oleh Amat HM.



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Metussin bin Omar dan lain-lain jemputan ketika hadir di Majlis Sambutan Maulud Taman Noorhidayah, Unit Perkhidmatan Hal Ehwal Masyarakat. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Sambutan Maulud anjuran Taman Noorhidayah

SUNGAI AKAR, 7 Jun. - Memperingati hari keputeraan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada setiap 12 Rabiulawal merupakan salah satu atur cara hari kebesaran Islam yang di-sambut dengan laungan selawat.

Bermula dengan kedatangan bulan tersebut, masjid-masjid dan balai-balai ibadat serta surau-surau di seluruh negara setiap malam akan melaungkan ucap syukur serta selawat beramai-ramai terutama di dalam Majlis Dikir.

Mengambil sukut baik daripada peristiwa itu, pelbagai pertubuhan kerajaan mahupun swasta, malahan pihak persendirian telah mengadakan pelbagai atur cara keagamaan.

Justeru itu salah sebuah bahagian yang terdapat di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan iaitu Taman Noorhidayah, Unit Perkhidmatan Hal Ehwal Masyarakat baru-baru ini telah meng-

Oleh Abu Bakar HAR

adakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad di Dewan Gadong di kementerian tersebut.

Acara kemuncak ialah Pertandingan Dikir Syarafil Anam yang disertai oleh lapan buah pasukan dari bahagian-bahagian dan jabatan-jabatan di dalam Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Muncul pemenang dalam bahagian lelaki disandang oleh Pasukan Dikir Jabatan Belia dan Sukan, sementara Pasukan Dikir Pusat Pemulihan Akhlak muncul johan dalam bahagian perempuan.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis itu ialah Dato Paduka Awang Haji Metussin bin Omar selaku Pemangku Setiausaha Tetap kementerian berkenaan.



PERTANDINGAN Dikir Syarafil Anam menyerikan Majlis Sambutan Maulud Taman Noorhidayah. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Sambutan Maulud anjuran Kementerian Perhubungan

JALAN MENTERI BESAR, 7 Jun. - Majlis-majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam terus diadakan oleh kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan serta perseorangan di negara ini.

Sehubungan dengan itu Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya telah menganjurkan majlis berkenaan yang berlangsung di Dewan Amar Pahlawan, di kementerian tersebut.

Majlis sambutan yang bertujuan antara lainnya untuk mengeratkan hubungan silaturahmi di kalangan pegawai dan kakitangan kementerian

Oleh Bolhassan HAB

dan jabatan-jabatan di bawahnya itu telah diserikan dengan ceramah oleh Awang Haji Mail bin Haji Besar dari Pusat Da'wah Islamiah.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis itu ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria.

Pengerusi majlis, Awang Haji Suhaini bin Haji Md. Hassan, Pegawai Pentadbir Kanan dalam ucapan alu-aluannya antara lain berkata, Baginda Rasulullah merupakan contoh dan teladan serta pembawa rahmat ke seluruh alam.

BELIA BERPERANAN MEMBANTERAS JANGKITAN HIV/AIDS

Oleh Siti Muslihat HS

BERAKAS, 10 Jun. - Wabak jangkitan HIV/AIDS merupakan penyakit yang sangat bahaya dan terus diberikan perhatian oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Di merata dunia adalah dianggarkan lima orang belia dijangkiti HIV dalam setiap minit dan sejauh ini tidak ada ubat yang boleh mengubat jangkitan ini.

Melihat akan bahaya wabak ini, WHO sejak tahun 1988 lagi telah mengisytiharkan 1 Disember setiap tahun sebagai Hari AIDS Sedunia bagi meningkatkan kesedaran, komitmen serta usaha sama semua pihak dalam mencegah dan membendung wabak jangkitan HIV/AIDS di seluruh dunia.

Berlangsung di sebuah hotel penginapan di sini, Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam telah menganjurkan Seminar Rakan Sebaya selama sehari yang dihadiri oleh lebih 20 orang belia terdiri daripada ahli-ahli persatuan pakaian seragam, para sukarelawan dan wakil dari persatuan-persatuan belia di negara ini.

Ketua Unit Kawalan Penyakit di Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rahmah binti Haji Md. Said dalam taklimatnya kepada sekumpulan belia di sini menjelaskan, setakat ini sebanyak 20 kes penghidap penyakit berkenaan telah berjaya dikesan di mana kes penghidap pertama mula dikesan dalam bulan Disember 1986.

Dari jumlah tersebut, majoriti yang terkena jangkitan HIV/AIDS di negara ini adalah dalam lingkungan usia 20 hingga 29 tahun dengan jumlah 8 orang penghidap yang mula dicatatkan sejak tahun 1986 hingga Mei tahun ini.

Dari sejumlah 20 kes yang dijangkiti virus ini, 10 daripadanya telah dilaporkan meninggal dunia.

Dr. Hajah Rahmah yang juga merupakan Wakil Tetap Kementerian Kesihatan dalam

Jawatankuasa Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam juga menyeru kepada para belia supaya menjauhkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang boleh menyebabkan berlakunya jangkitan di samping berusaha menyebarkan bahaya penyakit ini.

Pada penghujung tahun ini, di Sidang Kemuncak ASEAN tambahnya, isu HIV/AIDS dijangka akan menjadi salah satu agenda perbincangan para delegasi.

Pendedahan mengenai bahaya penyakit ini difokus kepada golongan remaja memandangkan mereka sering disifatkan sebagai aset penerus kepada pembangunan serta kemajuan sesebuah negara, dan di waktu yang sama mereka berperanan dalam melindungi diri dan keluarga daripada terjebak kepada kegiatan-kegiatan antisosial.

Seminar tersebut merupakan susulan kepada Kursus Kaunseling Rakan Sebaya yang telah diadakan pada 13 hingga 15 April yang lalu.

Seminar itu antaranya bertujuan untuk memberikan para peserta peluang untuk bertukar-tukar fikiran dengan Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam di samping mengetahui kesan kursus dan membincangkan pelan tindakan seterusnya.

Dalam Majlis Pelancaran Hari AIDS Sedunia pada tahun 1998, WHO juga telah memfokuskan perhatian kepada golongan belia di mana pada tahun itu tema yang dipilih adalah 'Daya Untuk Merubah - Kempen AIDS Sedunia Bersama Belia'.

Dengan tema tersebut, jelas membuktikan bahawa golongan belia juga turut berperanan dalam membendung daripada berlakunya jangkitan penyakit yang boleh membawa maut ini.

Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam



MAJLIS Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam anjuran Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dihadiri sama Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin, ketua-ketua jabatan dan pegawai serta kakitangan jabatan-jabatan di bawah kementerian tersebut. - Gambar oleh Amat HM.

Sambutan Maulud Kementerian Kesihatan

Oleh Aliddin HM

BANDAR SERI BEGAWAN, 8 Jun. - Kementerian Kesihatan telah menganjurkan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Dewan Kompleks Sukan Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di sini.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain yang juga selaku Pemangku Menteri Kesihatan hadir di majlis tersebut.

Majlis bermula dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Haji Abdul Ghani bin Haji Hassan.

Ceramah khas disampaikan oleh Drs. Haji Ismuhadi bin Haji Abdullah, yang antara lain menyentuh mengenai sejarah keputeraan dan perjuangan kekasih Allah dalam menegakkan syiar Islam, demi kepentingan dan kebahagiaan dunia dan akhirat umat Islam keseluruhannya.

Dikir Marhaban juga diadakan bagi memperingati dan membesarkan junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang memperjuangkan syiar Islam.

Sambutan Maulud dimeriahkan dengan Pertandingan Dikir

BERAKAS, 8 Jun. - Sempena meraikan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, beberapa aktiviti keagamaan telah disusun oleh pelbagai kementerian dan jabatan di negara ini.

Salah sebuah kementerian yang meraikan sambutan tersebut ialah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Berlangsung di Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Bomba di sini, upacara sambutan dimeriahkan dengan Pertandingan Dikir Syarafil Anam yang disertai oleh tujuh buah pasukan yang mewakili jabatan-jabatan di bawah kementerian berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Menteri Hal

Oleh Siti Muslihat HS

Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin bin Orang Kaya Periwara Abdul Rashid.

Johan di pertandingan itu disandang oleh Jabatan Penjara diikuti oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di tempat kedua, sementara Jabatan Lembaga Bandar. Bandar Seri Begawan menduduki tempat ketiga.

Pertandingan tersebut merupakan kali kedua dianjurkan oleh kementerian berkenaan, dan tahun ini ianya dikelolakan oleh Jabatan Penjara.

Memberikan sumbangan kecemerlangan perkhidmatan

BERAKAS, 8 Jun. - Kejayaan dan keberkesanan di dalam sesebuah organisasi adalah terletak kepada faktor atau komponen utama, antaranya ialah kepimpinan dan tenaga manusia yang mendukung sesebuah organisasi; kedua, matlamat dan strategi serta pelan tindakan dan ketiga, pemantauan dan penilaian ke atas pencapaian dan kejayaan di dalam sebuah organisasi.

Sebagai ketua pejabat dan kakitangan dalam perkhidmatan awam, memastikan peranan yang dimainkan benar-benar menyumbang kepada peningkatan mutu dan kecemerlangan perkhidmatan.

"Hanya melalui penglibatan dan penyertaan semua anggota kakitangan, maka sesebuah organisasi dapat bergerak maju dan berkesan," kata Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair di Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam anjuran Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya di Dewan Serbaguna Bangunan Bahirah, Jalan Menteri Besar di sini.

Sambutan Maulud pada tahun ini dikendalikan oleh Jabatan Audit dan Unit Petroleum.

Oleh Haji Ahmad HS

Dato Paduka seterusnya berkata, sifat-sifat diri dan kepimpinan yang mulia dan agung yang terdapat di dalam diri Baginda Rasulullah, adalah sumber yang terulung untuk diikuti oleh segenap lapisan anggota perkhidmatan awam, sama ada kita sebagai pemimpin, pegawai dan kakitangan pendukung kepada sesebuah agensi kerajaan.

Dalam waktu yang sama jelasnya, sebagai pemimpin, ketua pejabat perlu menumpukan ke atas pemberian latihan dan kemahiran kakitangan mereka selaras dengan keperluan dan teknologi semasa. Adalah menjadi tanggungjawab kakitangan perkhidmatan untuk memahirkan diri dengan teknologi, pengetahuan dan pengalaman yang baru.

"Misi dan matlamat organisasi yang jelas dan diketahui serta difahami oleh semua peringkat kakitangan adalah amat penting dalam sesebuah organisasi. Ini perlu diikuti dengan penyediaan pelan tindakan yang merupakan panduan langkah

satu persatu untuk mencapai matlamat," katanya.

Menurut Dato Paduka, pemantauan dan penilaian ke atas pencapaian dan keberhasilan organisasi adalah juga amat penting untuk mengukur sejauh mana kita telah berhasil mencapai matlamat jabatan dan memastikan jabatan kerajaan berjalan di atas landasan yang betul.

Dato Paduka juga turut menasihati, dalam proses untuk mencapai kecemerlangan dan kemajuan dalam pemberian perkhidmatan kepada orang ramai, jangan kita sekali-kali mengabaikan nilai-nilai agama yang luhur dan akhlak yang tinggi serta kejujuran, amanah dan taat setia kerana ia penting dalam apa jua pekerjaan.

Majlis itu diselenggarakan dengan forum yang bertajuk 'Qudwah (Ikutan) Rasulullah Di Dalam Pembentukan Sahsiah Muslim Ke Arah Kesejahteraan Agama, Bangsa dan Negara'.

Dua orang ahli panel terlibat dalam forum tersebut ialah Pengarah Urusan Haji, Dr. Awang Haji Besar bin Haji Abu Bakar dan Pensyarah Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin (IPI),

Universiti Brunei Darussalam, Dr. Nik Rahim bin Nik Wajis.

Memeriahkan lagi sambutan, persembahan Dikir Syarafil Anam oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Audit dan Unit Petroleum juga diadakan.



PEMANGKU Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Dikir Syarafil Anam. - Gambar oleh Amat HM.



FORUM yang bertajuk 'Qudwah (Ikutan) Rasulullah Di Dalam Pembentukan Sahsiah Muslim Ke Arah Kesejahteraan Agama, Bangsa dan Negara' yang disampaikan oleh Pengarah Urusan Haji, Dr. Awang Haji Besar dan Pensyarah IPI, Dr. Nik Rahim bin Nik Wajis menyerikan Majlis Sambutan Maulud anjuran Jabatan Perdana Menteri.

HARI PENERANGAN HARI PENERANGAN

Hari Penerangan MEMBERI MAKLUMAT PENERANGAN MENGENAI KERAJAAN

Oleh Abd. Karim HAB

BERAKAS, 9 Jun. - Hari Penerangan yang merupakan usaha kerjasama antara Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Majlis Perundingan Mukim Berakas 'A' dan Mukim Berakas 'B' telah diadakan di Jabatan Penerangan di sini.

Menurut Pengarah Penerangan, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin, kerjasama itu diasaskan kepada kepentingan ketiga-tiga pihak dalam usaha menyebarkan maklumat penerangan kerajaan untuk kepentingan orang ramai.

"Matlamat utama Hari Penerangan ialah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai peranan dan kepentingan maklumat-maklumat penerangan yang betul sah dan berwibawa bagi kepentingan orang ramai untuk tujuan-tujuan pembangunan dan kesejahteraan," jelas beliau dalam Sekapur Sirih buku Program Hari Penerangan.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah yang hadir selaku tetamu kehormat juga mengetahui beberapa orang setiausaha-setiausaha tetap dan pegawai kanan dari pelbagai kementerian termasuk Jabatan Perdana Menteri, Ke-

menterian Hal Ehwal Dalam Negeri; Kementerian Hal Ehwal Ugama; Kementerian Pendidikan; Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama; Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam Majlis Taklimat Penerangan diikuti Sesi Dialog dan Perbincangan dengan para penduduk Mukim Berakas 'A' dan Mukim Berakas 'B'.

Hari Penerangan Daerah Brunei dan Muara yang bertemakan 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat' itu dimuakan dengan pameran yang memperlihatkan struktur dan fungsi Jabatan Penerangan secara menyeluruh meliputi Bahagian Pentadbiran, Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan/Pameran, Bahagian Hubungan Kemasyarakatan, Bahagian Brunei Darussalam Newsletter, Bahagian Penerbitan, Bahagian Latihan, Bahagian Perhubungan Awam dan Hal Ehwal Antarabangsa, Bahagian Akhbar dan Bahagian Fotografi. Hari Penerangan itu juga dimeriahkan dengan acara sukan ria dalam dewan di sebelah petang dan persembahan PENTARAMA di Dewan Kemasyarakatan II, Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan di sebelah malam.



SETIAUSAHA-SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair dan Awang Haji Abdul Wahab; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Abdul Rahman dan Pengarah Penerangan, Abd. Ghani serta pegawai kanan kerajaan di Sesi Dialog dan Perbincangan bersama para penduduk Mukim Berakas 'A' dan 'B' sempena Hari Penerangan. - Gambar oleh Hamadi HM.

Pemegang ijazah dan diploma disaran mendaftar ke J. Buruh

BERAKAS, 9 Jun. - Penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung perlu memaklumkan anak-anak kampung lepasan universiti dan pemegang diploma dalam dan luar negeri yang belum mempunyai pekerjaan, mendaftarkan diri mereka ke Jabatan Buruh bagi menyertai Skim Perantis.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah menyatakan perkara itu ketika menjawab mengenai masalah pengangguran di kalangan pemegang ijazah dan diploma semasa Sesi Dialog dan Perbincangan dengan penduduk Mukim Berakas 'A' dan 'B' di Majlis Hari Penerangan, anjuran Jabatan Penerangan.

"Jika kurang maklumat atau penjelasan, bisaitah disampaikan kepada anak-anak kampung yang memegang ijazah dan diploma dari dalam dan luar negeri itu mendaftarkan diri mereka ke Jabatan Buruh bagi menyertai Skim Perantis ini," kata Dato Paduka.

Dato Paduka menjelaskan, terdapat sejumlah 120 peluang pekerjaan terdapat dalam 64 buah syarikat dan seramai 304 orang lepasan universiti dan pemegang diploma dalam dan luar negeri telah mendaftar menyertai Skim Perantis itu.

Oleh Haji Ahat Haji Ismail

Sehubungan dengan itu, Dato Paduka menyarankan penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung supaya memberikan maklumat atau penjelasan kepada mana-mana penduduk lepasan universiti dan pemegang diploma, dalam dan luar negeri yang belum mempunyai sebarang pekerjaan akan mendaftar menyertai skim berkenaan.

Dalam perkembangan lain, Dato Paduka menyatakan bahawa mulai 1 Mei, 2001, proses penempatan telah dibuat di syarikat yang menawarkan pekerjaan dan pembayaran melalui baucar kepada para peserta skim sedang diselenggarakan.

"Dengan perkembangan ini, alhamdulillah telah memperlihatkan anak-anak tempatan yang memegang ijazah dan diploma bersama syarikat-syarikat bekerjasama menjayakannya," terang Dato Paduka.

Melalui penyertaan sektor swasta itu, pengangguran di kalangan pemegang ijazah dan diploma dapat dikurangkan dan dalam masa yang sama mengembangkan penglibatan anak tempatan menceburi pekerjaan di sektor swasta.



PARA penduduk Mukim Berakas 'A' dan 'B' ketika hadir di Sesi Dialog dan Perbincangan Taklimat bagi mukim tersebut sempena Hari Penerangan yang berlangsung di Jabatan Penerangan, Berakas. - Gambar oleh Hamadi HM.

RTB punya ciri mempertimbangkan permohonan liputan

BERAKAS, 9 Jun. - Jabatan Radio dan Televisyen Brunei (RTB) mempunyai ciri-ciri tertentu dalam mempertimbangkan permohonan liputan-liputan yang dipohonkan oleh pemohon-pemohon.

Selain dari itu, tenaga kakitangan yang terhad di bidang penggambaran juga merupakan antara faktor-faktor pihak RTB tidak dapat memenuhi kesemua permohonan bagi liputan-liputan.

Timbalan Pengarah RTB, Awang Haji Md. Yusof bin Haji Abdul Rahman ketika menyata-

Oleh Haji Ahat HI

kan perkara itu di Sesi Dialog dan Perbincangan dengan penduduk Mukim Berakas 'A' dan 'B' semasa Hari Penerangan anjuran Jabatan Penerangan.

Begitupun Awang Haji Md. Yusof menjelaskan, jika terdapat keperluan lain, adalah lebih baik disalurkan melalui rancangan 'Kampung Kita', yang secara terperinci akan dapat mendedahkan segala kegiatan-

kegiatan penduduk kampung dan kegiatan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

Menurutnya, melalui rancangan itu akan dapat memaparkan setiap aktiviti-aktiviti yang diungkapkan oleh setiap mukim dan kampung yang secara keseluruhan dapat ditonton oleh orang ramai.

Kegiatan yang berbentuk perancangan yang hanya memperlihatkan projek tertentu katanya, kurang berkesan untuk diberikan liputan di mana setiap liputan yang dibuat itu adalah tertakluk kepada keutamaannya.

Brunei hasilkan Piawaian Kebangsaan

GADONG, 12 Jun. - Negara Brunei Darussalam melalui Jawatan-kuasa Teknikal Piawaian (TECOs) yang dianggotai oleh pegawai-pegawai kerajaan dan swasta telah menghasilkan Piawaian Kebangsaan.

Piawaian yang dihasilkan adalah dalam bidang perkayuan, konkrit, besi, bahan-bahan bangunan dan binaan dan piawaian sistem Pengurusan Kualiti.

Selain itu, Unit Perancangan dan Penyelidikan Pembinaan juga telah diberi kebenaran bagi menggunakan piawaian antarabangsa dan mana-mana piawaian yang bersesuaian sebagai langkah permulaan ke arah perkembangan piawaian teknikal di negara ini.

Ini terkandung dalam ucapan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Zakaria yang dibacakan oleh Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya, Yang Amat Mulia Pengiran Dato Laila Utama Haji Kamarulzaman selaku wakil peribadi Setiausaha Tetap ketika merasmikan Simposium Industri Bagi Pengurusan Berasaskan Piawaian di Auditorium BINA, Gadong di sini.

Oleh Abdullah Asgar

Katanya, penggunaan piawaian antarabangsa akan menghasilkan keseimbangan dalam perdagangan antarabangsa.

Piawaian, jelasnya, bukan saja membantu mengurangkan kadar kemiskinan penduduk malah ianya boleh mengurangkan jurang perbezaan di antara negara membangun dan sedang membangun.

"Piawai juga menghasilkan produk dan perkhidmatan berkualiti yang boleh bersaing dengan lain-lain negara, justeru piawai akan memandu sebuah negara ke arah perkembangan ekonomi dan kebajikan sosial," jelas beliau.

Menurutnya, untuk menghasilkan sesuatu produk dan perkhidmatan yang berkualiti, sesebuah negara memerlukan perkembangan tenaga manusia dan meningkatkan kemahirannya supaya seseorang itu akan dapat menggunakan teknologi yang lebih canggih.



KETUA Pengarah Jabatan Kerja Raya, Yang Amat Mulia Pengiran Dato Laila Utama Haji Kamarulzaman selaku wakil peribadi Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan berucap merasmikan Simposium Industri Bagi Pengurusan Berasaskan Piawaian. Majlis berlangsung di Auditorium BINA, Gadong. - Gambar oleh Amat HM.

Sementara itu, dalam ucapan alu-aluan oleh Pengarah Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA), Awang Haji Razali bin Haji Mohd. Yusof antara lain menyentuh dan mengingatkan pengusaha-pengusaha kecil SME's di negara ini supaya sentiasa meningkatkan daya saing bagi menandingi produk-produk yang diimport dari negara luar.

Jelasnya, dalam era pasaran terbuka, kerajaan tidak lagi boleh selama-lamanya melindungi perusahaan-perusahaan dan produk-produk tempatan dengan menggunakan langkah kawalan import seperti permit, kuota, cukai dan lain-lain.

Ini kerana katanya, ianya bertentangan dengan peraturan-peraturan badan kawalan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) yang mana Negara Brunei Darussalam juga adalah 'signatory' kepada Perjanjian Perdagangan Bebas badan dunia ini.

"Asas utama untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti ialah dengan melalui penerapan dan pengiktirafan piawaian melalui pelaksanaan sistem pengurusan berasaskan piawaian.

Lebih-lebih lagi pengiktirafan piawaian ini diperlukan dalam bidang eksport di mana sijil-sijil piawaian seperti Good Manufacturing Practices (GMP), Hazard Analysis Critical Control Point (ACCP), British Standards (BS) dan yang lainnya adalah dikehendaki untuk membolehkan sesuatu produk memasuki pasaran antarabangsa," tegas beliau.

Sehubungan dengan itu jelasnya, dasar kerajaan melalui BINA yang berjalan masa ini memastikan produk-produk tempatan iaitu atap, simen dan bata dikehendaki mencapai tahap piawaian yang diiktiraf antarabangsa yang merupakan contoh inisiatif kerajaan dalam menggalakkan peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha meningkatkan kualiti produk barangan mereka.

Menurutnya, hanya produk-produk yang mencapai tahap piawaian yang diiktiraf saja mendapat manfaat daripada dasar ini.

Akan tetapi, tambahnya, industri-industri tempatan telah membuktikan bahawa mereka mampu bersaing malah mencapai kualiti yang lebih tinggi dan harga yang lebih murah.

Simposium sehari itu disertai oleh lebih 50 peniaga dan pengusaha daripada perusahaan kecil dan sederhana seluruh negara.

Ia dianjurkan oleh BINA dengan kerjasama dari CPRU dan Pusat Sumber dan Piawaian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Simposium ini adalah sebahagian daripada program APEC bagi SME's yang merupakan satu fasa awal program berkenaan, yang bertujuan untuk meningkatkan kepekaan dan bagi mendapatkan maklum balas daripada SME's ke arah penerapan konsep pengurusan berasaskan piawaian sebagai satu 'cara pengurusan' yang diiktiraf efektif bagi meningkatkan daya saing dan produktiviti.

Seramai lima orang penceramah dari APEC bagi Pengurusan Berasaskan Piawaian (SBM) Simposium Industri, manakala seorang dari Negara Brunei Darussalam akan menyampaikan kertas kerja masing-masing.



PARA peniaga dan pengusaha perusahaan kecil dan sederhana seluruh negara menghadiri Simposium Industri Bagi Pengurusan Berasaskan Piawaian anjuran BINA dengan kerjasama dari CPRU dan Pusat Sumber dan Piawaian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. - Gambar oleh Amat HM.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Perayaan Hari Keputeraan mempengerusikan Mesyuarat Ketiga Jawatankuasa Kebangsaan sempena sambutan itu. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Pelbagai acara menarik sepanjang sambutan Hari Keputeraan

Oleh Bolhassan HAB

BANDAR SERI BEGAWAN, 2 Jun. - Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-55 telah menyusun atur cara menarik sepanjang sambutan di keempat-empat daerah.

Sehubungan itu, jawatankuasa berkenaan telah mengadakan mesyuarat bagi meneliti persediaan-persediaan muktahir mengenai acara-acara persembahan semasa keberangkatan baginda ke Daerah-daerah Tutong, Belait, Brunei dan Muara serta Temburong.

Mesyuarat Ketiga Jawatankuasa Kebangsaan yang berlangsung di Dewan Persantapan Lapau, di ibu negara telah dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Perayaan Hari Keputeraan.

Antara agenda mesyuarat termasuklah meneliti dan mengesahkan Minit Mesyuarat Kedua serta perkara-perkara yang berbangkit mengenai sambutan tersebut.

Amal budaya proaktif dan inovatif

BERAKAS, 6 Jun. - Semua peringkat anggota Jabatan Perkhidmatan Bomba diseru supaya akan terus mengamalkan budaya proaktif dan inovatif bagi melengkapkan kemahiran dan kepakaran yang sedia ada dengan mengadakan kekerapan latihan-latihan pelbagai agensi.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin membuat seruan tersebut di Upacara Perbarisan Tamat Latihan/Tamat Kursus Bagi Kursus Asas Pegawai Kadet Skwad 1/2001, Kursus Kawad dan Pentadbiran Siri 1/2001, Kursus Pancaragam Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Kursus Asas Belantan PR24 Sk-1/2001 yang berlangsung di Padang Kawad, Pusat Latihan Perkhidmatan Bomba di sini.

Tambahnya, melalui latihan yang terancang dan teratur, beliau berkeyakinan Jabatan Perkhidmatan Bomba akan dapat meningkatkan tahap profesio-

Oleh
Abu Bakar HAR

nalisme dan kepakaran masing-masing.

Justeru itu, tegas Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, menjaga dan memelihara disiplin hendaklah ditekankan kepada semua peringkat terutama kepada peringkat pegawai-pegawai yang mana mereka ini haruslah menunjukkan contoh yang baik sebagai ikutan anggota-anggota bawahan.

"Hanya dengan tahap disiplin yang tinggi dapat menjamin kualiti kerja dan produktiviti yang diharap-harapkan serta mampu melaksanakan tugas-tugas yang rumit, susah dan berat dengan sempurna dan berkesan," tegas beliau.

Oleh itu, Yang Mulia Dato Seri Paduka juga mengingatkan agar penghayatan disiplin termasuk di dalam percakapan, sikap, kelakuan dan tingkah

laku hendaklah dijadikan satu budaya oleh semua peringkat anggota agar ia dapat mencerminkan imej jabatan yang berpakaian seragam dan sentiasa terikat dengan disiplin yang tinggi pada setiap masa, bukan sahaja semasa bekerja, malahan

selepas waktu-waktu bekerja.

Selain menanai dan memikul tanggungjawab yang diamanahkan, kerjasama daripada anggota masyarakat juga diperlukan dalam melaksanakan tugas dengan sempurna dan berkesan, di samping mempu-

nyai perhubungan awam yang baik serta mempunyai hubungan usaha sama dengan agensi-agensi keselamatan kerajaan yang lain termasuk pihak swasta dan awam.

Dalam hubungan itu, beliau sukacita menegaskan kepada

semua peringkat anggota dan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Bomba supaya meningkatkan komitmen dan tanggungjawab terhadap tugas-tugas yang diamanahkan dengan penuh dedikasi dan sensitiviti untuk memenuhi keperluan era pembangunan dalam menghadapi 'global society'.

Menyentuh mengenai kursus-kursus yang telah dijalankan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menekankan kecekapan dan keberkesanan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab, sesebuah organisasi banyak bergantung kepada sejauh mana program latihan pembangunan sumber manusia 'human resources development' terhadap para peserta yang disusun menjurus ke arah peningkatan kemahiran dan kepakaran yang seimbang dengan keperluan pembangunan semasa sesebuah negara.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin menyampaikan hadiah dan cenderamata kepada rekrut terbaik Pasukan Bomba. Majlis berlangsung di Pusat Latihan Jabatan Perkhidmatan Bomba, Berakas. - Gambar oleh Hamadi HM.



JAGA KEBERSIHAN ZAHIR DAN BATIN

MARILAH kita berusaha untuk meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan mengerjakan apa jua suruhan-Nya dan meninggalkan segala apa-apa jua larangan-Nya.

Kebersihan amatlah dituntut dalam Islam. Kebersihan itu juga bukan sahaja berbentuk zahir, bahkan meliputi kebersihan batin. Kebersihan batin itu ialah membersihkan jiwa dari kesan-kesan dosa dan perbuatan-perbuatan maksiat, iaitu dengan cara bertaubat dan membersihkan hati dari akhlak-akhlak yang tercela seperti hasad dengki, tipu daya, dendam, takbur, riyak, ujub dan seumpamanya.

Perlu kita ingat, musuh dalam diri manusia bukan hanya terdiri daripada kuman-kuman yang menyebabkan diri kita dijangkiti penyakit, tetapi adalah musuh-musuh yang tidak nampak, tidak boleh dilihat oleh mata kita dan tidak dapat dilakukan dengan kajian saintifik untuk mengesannya. Allah Subhanahu Wataala telah menegaskan hal ini dalam Al-Quran untuk memperingatkan manusia tentang musuh dalam diri manusia yang sentiasa mengajak ke arah kejahatan.

Dalam perkara ini, marilah kita renungkan tafsiran firman Allah Subhanahu Wataala iaitu dalam Surah Yusuf ayat 5:

"Bapanya berkata: Wahai anakku! Janganlah engkau ceritakan mimpi-mimpimu kepada saudara-saudaramu, kerana aku khawatir mereka akan menjalankan suatu rancangan jahat terhadapmu. Sesungguhnya syaitan adalah musuh yang nyata bagi manusia."

Dan tafsiran ayat 53: *"Dan tidaklah aku berani membersihkan diriku, sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahatan, kecuali orang-orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanmu (maka terselamatlah ia dari hasutan nafsu itu). Sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani."*

Ayat ini menegaskan mengenai dengan nafsu dan musuh yang nyata bagi manusia.

Nafsu dan syaitan bekerjasama untuk merebut tempat di hati setiap manusia. Jika hati ini sudah dikuasai, maka manusia tidak lagi ikut perintah Allah



Subhanahu Wataala dan Rasul-Nya, tetapi akan mengikut apa sahaja kehendak nafsu dan syaitan. Nafsu dan syaitan mahu mencorakkan hati-hati manusia dengan sifat-sifat jahat, sifat-sifat mazmumah.

Bila segala sifat-sifat itu bertapak pada hati manusia, maka syaitan akan memperalatkan nafsu melakukan apa sahaja

yang disukainya. Maka akan timbullah segala penyakit-penyakit hati.

Kecekapan nafsu, persediaannya, kesungguhannya, kejahatannya dan tipu dayanya itu berpuluh-puluh kali ganda lengkapnya dari peperangan senjata. Nafsu tidak tidur atau lena untuk membuat kita sentiasa lalai dan leka. Jadi, benarlah kata pepatah yang mengatakan 'memerangi nafsu itu jauh lebih besar hebatnya daripada melawan musuh yang nyata'.

Banyak cara untuk kita membersihkan diri dari penyakit-penyakit hati. Di antaranya ialah dengan bertaubat, menanamkan dalam diri sifat takut kepada Allah Subhanahu Wataala, bersifat sabar, syukur, ikhlas, bertawakal, reda dan sentiasa mengingati mati.

Untuk itu, kita mestilah mujahadah diri kita, kita kuatkan iman kita, kita lawan serangan nafsu dan kehendak syaitan yang sentiasa mengajar kita untuk menderhakai Allah Subhanahu Wataala.

UNTUK itu kita bersihkan batin kita dengan mensyukuri segala nikmat yang Allah Subhanahu Wataala berikan itu. Kita hindari segala kemungkaran dan dosa.

Inilah kebersihan hakiki yang bakal membawa para pelakunya keuntungan dunia dan akhirat.

Perlulah kita jaga kebersihan zahir dan batin ini. Jika zahir sahaja yang bersih, namun penyakit hati

masih bersarang dalam diri, maka belumlah sempurna kebersihan itu.

Bertaubat untuk membersihkan diri dari segala penyakit hati ini ialah dengan banyak memohon makfirah (keampunan) kepada Allah Subhanahu Wataala. Menyesal segala perbuatan-perbuatan dosa yang telah dilakukan. Berazam untuk tidak melakukannya lagi dan seterusnya akan kembali ke jalan Allah Subhanahu Wataala dengan sebenar-benarnya. Insya-Allah, dengan banyak bertaubat akan memperoleh makfirah dan akan mendapat limpah rahmat daripada-Nya.

Kelebihan orang yang takut kepada Allah Subhanahu Wataala, insya-Allah, Allah Subhanahu Wataala akan mengurniakan petunjuk hidayat kepadanya iaitu akan mendapat pimpinan dan bimbingan daripada Allah Subhanahu Wataala. Ini juga menjadikan seseorang itu akan sentiasa mentaati Allah Subhanahu Wataala dan akan memperoleh rahmat daripada-Nya.

Untuk itu kita bersihkan batin kita dengan mensyukuri segala nikmat yang Allah Subhanahu Wataala berikan itu.

Kita hindari segala kemungkaran dan dosa. Inilah kebersihan hakiki yang bakal membawa para pelakunya keuntungan dunia dan akhirat. Perlulah kita jaga kebersihan zahir dan batin ini. Jika zahir sahaja yang bersih, namun penyakit hati masih bersarang dalam diri, maka belumlah sempurna kebersihan itu.

Mudah-mudahan segala usaha untuk membersihkan zahir dan batin itu akan mendapat rahmat daripada Allah Subhanahu Wataala dan mudah-mudahan Allah Subhanahu Wataala menjauhkan dan menghindarkan segala hasutan nafsu dan syaitan daripada hamba-Nya yang betul-betul beriman.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah An-Naazi'at ayat 40-41 yang tafsirannya:

"Adapun orang yang takutkan keadaan semasa berdiri di Mahkamah Tuhan, (untuk dihitung amalannya) serta ia menahan dirinya dari menurut hawa nafsu. Maka sesungguhnya Syurga tempat kediamannya."

KECEKAPAN nafsu, persediaannya, kesungguhannya, kejahatannya dan tipu dayanya itu berpuluh-puluh kali ganda lengkapnya dari peperangan senjata. Nafsu tidak tidur atau lena untuk membuat kita sentiasa lalai dan leka. Jadi, benarlah kata pepatah yang mengatakan 'memerangi nafsu itu jauh lebih besar hebatnya daripada melawan musuh yang nyata'.

وقت سمیع، امساك، شوروق دات ضحی

وقت ۲ سمیع، امساك، شوروق دات ضحی باکی دایره برولی دات موارا مولاکی داری هاری رابو، 28 ربيع الاول 1422 برسمات 20 جون 2001 هفنگ كهاري ثلاث، 4 ربيع الاخير 1422 برسمات 26 جون 2001 اذاته سفرت دباوه اپت-

هجري	شهر	عمر	مغرب	عشا	امساك	صبح	شوروق	ضحی	مییحی
ربیع الاول									جون
28	12.23	3.49	6.34	7.50	4.35	4.45	6.09	6.34	20
29	12.23	3.49	6.34	7.50	4.35	4.45	6.09	6.34	21
30	12.23	3.49	6.34	7.50	4.35	4.45	6.09	6.34	22
1 ربيع الاخير	12.23	3.50	6.35	7.51	4.35	4.45	6.09	6.34	23
2	12.24	3.50	6.35	7.51	4.35	4.45	6.09	6.35	24
3	12.24	3.50	6.35	7.51	4.36	4.46	6.10	6.35	25
4	12.24	3.50	6.35	7.51	4.36	4.46	6.10	6.35	26

وقت ۲ سمیع باکی دایره توتوع لثمیه ساتو مینیت دات دایره پلا پت لثمیه لیگ مینیت، سمیع فرض جمعة دسلوروه لکارا برولی دار السلام دمولای درې فوکل 12.45 تھاری.

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa'ala Aalihie Wasabihie Waman Walah.

ALAT MUZIK YANG DIHARUSKAN

PARA ulama Mazhab As-Syafi'e telah menghukumkan bahawa alat-alat muzik itu pada umumnya haram sekalipun tidak diiringi dengan lagu, melainkan ada nash yang mengharuskannya.

Duff (kompang) diharuskan memukulnya ketika merayakan hari raya atau majlis-majlis perkahwinan. Adapun memukul rebana dalam majlis-majlis tersebut berdasarkan sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Ikhlankah pernikahan dan kamu pukullah rebana di atas pernikahan itu."

Harus juga menyanyikan lagu-lagu yang seni kata atau liriknya tidak terkeluar daripada kaedah dan adab-adab Islam dengan iringan duff itu. Namun tidak harus memukulnya selain daripada majlis pernikahan menurut pendapat yang masyhur, tetapi lawan pendapat yang masyhur, harus memukul (alat rebana) dalam semua upacara majlis kegembiraan orang Islam. (Al-Majmuk : 23/58 & Majmuk Fatawa Wa Rasail : 181-182).

NYANYIAN MENURUT HUKUM

Pada kebiasaannya nyanyian itu diiringi dengan pelbagai irama dan muzik. Di zaman ini sahaja, nyanyian itu menjadi alat penghibur hampir seluruh masyarakat kerana ramai orang meminatinya, lalu dihukumkan harus, adakah begitu?

Al-Syeikh Yusuf Al-Qardhawi dalam kitabnya 'Halal dan Haram' menyebutkan bahawa di antara hiburan yang dapat menghibur jiwa dan menenangkan hati serta menyedapkan telinga ialah nyanyian. Hiburan nyanyian ini telah diharuskan oleh Islam selama-lamanya tidak dicampur kata-kata kotor atau cabul atau yang boleh memberangsangkan kepada dosa. Dan tidak mengapa nyanyian itu disertai muzik yang tidak membangkitkan nafsu. (H. 291) Adapun hadis-hadis Nabi yang melarang nyanyian, semuanya cacat, tidak ada satupun yang selamat daripada celaan di sisi ulama hadis. (H. 293)

Sebelum kita menghuraikan pendapat dan ulasan ulama mengenai perkataan Al-Syeikh Al-Qardhawi di atas, elok juga dibe-

Bilangan 122 Bahagian Ketiga

rikan ulasan mengenai perkataan beliau iaitu "hadis-hadis Nabi yang melarang nyanyian semuanya cacat, tidak satu pun yang selamat daripada celaan di sisi ulama hadis."

Oleh yang demikian adalah wajar dibawakan salah satu hadis yang berkenaan serta pemahaman ulama mengenai iaitu hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari dalam Shahihnya membawakan hadis Abu Malik Al-Asy'ari (dirajihkan oleh Ibnu Hajar) dalam Fath Al-Bari, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Pasti akan ada golongan daripada umatku yang menghalalkan zina, sutera, arak dan al-ma'azif (alat bunyi-bunyian)." (Hadis riwayat Al-Bukhari)

Hadis ini juga disebut oleh Al-Syeikh Al-Albani dalam Al-Shahih. Beliau telah menjelaskan bahawa hadis ini hadis maushul, shahih al-isnad dan tidak seperti yang didakwakan oleh Ibnu Hazm. Ulama telah pun menolak pendapat-pendapat yang melemahkan hadis ini, seperti Imam Ibnu Al-Qayyim, Al-Hafiz dan lain-lain.

Manakala perkataan yastahillun bermakna 'mereka menghalalkan' dalam hadis ini memberi makna bahawa zina, sutera, arak dan ma'azif (alat bunyi-bunyian dan nyanyian itu) adalah tidak halal (haram) tetapi mereka menghalalkannya juga.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah pun menyebutkan zina, sutera dan arak dalam hadis ini, sedang sedia dimaklumi bahawa zina dan arak itu telah sabit haramnya dalam Al-Quran dan sunnah dengan tidak

Konsert Nyanyian Dari Sudut Hukum Islam

boleh dibantah-bantah lagi. Kemudian Baginda menyambung pula dengan menyebutkan ma'azif (sebagai penegasan) bahawa ma'azif itu juga sama hukumnya iaitu haram seperti zina, sutera dan arak.

Mengapa Baginda menyebut dan menghimpunkannya bersama dengan zina dan arak pada hal keduanya itu telah pun sabit dan dimaklumi akan haramnya? Kemudian datang lagi perkataan yastahillun (mereka menghalalkan). Mafhum daripada perkataan ini, bahawa walaupun benda-benda itu sudah jelas hukum haramnya namun akan terdapat daripada kalangan umat Baginda yang mahu menghalalkannya (bahkan ia sudah pun berlaku sekarang ini).

Berdasarkan hadis dan pemahaman ulama mengenai, apakah beliau (Al-Qardhawi) masih mempertikaikan bahawa semua hadis-hadis yang berkaitan dengan nyanyian itu adalah hadis-hadis yang cacat sedangkan Imam Al-Bukhari terkenal dan ahli dalam bidang hadis sahih dan tidak seorang pun ulama yang mempertikaikannya.

Pengarang risalah Nushh Al-'Uqala' bima Ja' fi Tahrim Alat Al-Lahw Wa Al-Ghina, Fadhlil Al-Syeikh Umar Sulaiman Al-Asyqar pula telah mengemukakan satu ulasan yang bernas lagi menarik, katanya: "Al-Syeikh Yusuf Al-Qardhawi dengan keluasan ilmu, penyediaan dan dakwahnya, namun beliau telah tersilap daripada kebenaran dalam perkara ini. Katakatanya (pendapatnya) itu adalah taqlid jua, terikut-ikut dengan pendapat orang-orang sebelumnya, seperti Al-Imam Ibnu Hazm dan lain-lain. Ia sudah dibantah dengan keterangan-keterangan berdasarkan hadis-hadis Nabi yang warid oleh ulama-ulama."

Al-Syeikh Al-Albani seorang

pakar hadis dari Syria pada abad ini juga telah memberikan jawapan yang bernilai terhadap apa yang disebutkan oleh pengarang buku Halal dan Haram. Mula-mula beliau mengulas hadis 'Aisyah seperti berikut: "Daripada 'Aisyah Radiallahuanha bahawa Abu Bakar pernah masuk menemui, sedang di sampingnya dua anak perempuan sedang menyanyi dan memukul gendang pada Hari Mina (Idul Adha), ketika itu Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam menutup wajah Baginda dengan pakaiannya. Abu Bakar menengking kedua-dua anak perempuan itu. Lalu Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam membuka wajahnya dan bersabda: "Biarkan mereka, wahai Abu Bakar kerana hari ini adalah Hari Raya." (Hadis Shahih Mutafaq 'Alaih, dikeluarkan oleh Al-Bukhari (1: 242,252), Muslim (3:22), Al-Nasa'i (1:236) dan Ahmad (6:33,84, 99,127, 134)

Al-Albani memberikan kesimpulan mengenai hadis di atas bahawa kesilapan Ibnu Hazm berpunca daripada kewahamannya, sesungguhnya Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam melarang Abu Bakar menengking dua budak perempuan itu secara mutlak bukannya daripada pengakuan (ikrar) Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam terhadap dua anak perempuan tersebut. Kerana yang demikian itu menunjukkan dalil keharusan yang berkaitan dengan menyanyi pada hari raya dan memukul duff, adapun selain daripada itu, semuanya ditegah (sebagaimana petunjuk daripada hadis-hadis yang tsabit yang mengharamkan ma'azif dan alat-alat yang dititip), dan harus menyanyi itu bagi anak-anak kecil perempuan sebagaimana yang diperjelaskan oleh para ulama. (Tahrim Alat At-Tharb: 113) Ibnu Al-Jauzi berkata: "Dan kenyataannya bahawa dua anak perempuan itu adalah anak-anak

الْإِسْیَادُ الْهَکْمُ

IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

kecil dan ketika itu Aisyah masih kecil dan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam membenarkan dua orang anak perempuan itu bermain dengannya." (Talbis Iblis : 1/239)

Dalam hal ini Al-Albani juga berkata: "Pada saya ada satu juz yang mengandungi bantahan terhadap risalah Ibnu Hazm yang mengharuskan alat-alat muzik, di mana dalam juz ini saya sertakan sama semua hadis yang warid (yang benar-benar datangnya daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam) yang mengharamkan ma'azif, dan saya juga memberikan kritikan ilmiah dan penjelasan, bahawa Ibnu Hazm telah tersilap dari kebenaran ketika melemahkan sebahagian besar dari hadis-hadis itu."

Beliau juga menjelaskan bahawa kata-kata Al-Ghazali mengenai hadis Aisyah sebagai nash yang menunjukkan nyanyian itu tidak haram, adalah kata-kata ini batal dalam pandangan ulama, kerana hadis berkenaan itu khas pada nyanyian dua kanak-kanak perempuan kecil melalui duff

pada Hari Raya. Inilah perkara yang diakui oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam. Adapun orang yang menjadikannya sebagai dalil bagi mengharuskan nyanyian secara mutlak daripada wanita-wanita ajnabi (bukan mahram) yang sudah dewasa dan mengharuskan memetik apa jua alat muzik seperti gambus dan sebagainya, maka adalah perkara ini tidak syak lagi terkeluar daripada kebenaran dan dari jalan orang-orang yang insaf serta membawa hadis ini kepada makna yang tidak tepat."

Dengan ini memberi pengertian bahawa perkara tersebut memang ianya tidak harus selain pada Hari Raya, kecuali yang dikecualikan oleh syarak melalui nash yang lain, seperti duff di majlis perkahwinan menurut qaul yang masyhur dalam Mazhab Syafi'e. (Al-Majmuk : 23/58 & Majmuk Fatawa Wa Rasail : 181-182)

Bersambung

DI DALAM agama Islam sesuatu yang tidak dilarang, bererti boleh dikerjakan. Tetapi di dalam pembolehan itu bukan bererti tidak ada batasnya. Maka ditentukan adanya hukum sunat, mubah dan makruh. Bagi orang yang menghendaki kehidupannya selalu mendapat reda Allah Subhanahu Wataala, tentunya senang memilih yang sunat daripada lainnya. Sebaliknya segala yang dimakruhkan diusahakan supaya dihindari. Walaupun makruh diperbolehkan dalam agama tetapi kalau dihindari akan mendapat pahala daripada Allah Taala.

Hidup bergaul dalam masyarakat pun demikian juga. Segala sesuatu yang berlaku dalam setiap kehidupan asal tidak dilarang boleh dikerjakan. Boleh hidup bermewah-mewah, makan berlebih-lebihan, berpakaian yang cantik dan berhias diri dengan peralatan yang merangsangkan. Semuanya boleh dilakukan asal tidak melangkah ke batas yang diharamkan.

Manusia yang telah diberi akal dalam hidupnya harus boleh mengira untung dan ruginya dalam setiap tingkah lakunya sehari-hari. Di sinilah perlu adanya langkah kebijaksanaan, sebab manusia yang hidup mempunyai hati yang tidak sama. Oleh kerana itu manusia yang tabiatnya tidak dapat hidup sendirian dituntut untuk bertindak bijaksana agar hal-hal yang tidak diinginkan tidak terjadi. Iaitu hidup dalam kesederhanaan dan bersahaja. Langkah inilah yang paling tepat bagi setiap orang yang hidupnya di dalam masyarakat yang beraneka ragam.

Telah diriwayatkan oleh Al-Imam Abu Daud bahawa pada suatu hari para sahabat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam duduk berkumpul pada suatu majlis sambil berbincang-bincang, menceritakan masalah kemewahan dunia. Pada saat mereka sedang berbincang, tiba-tiba Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menghampiri mereka seraya bersabda: "Tidakkah kalian mendengar? Tidakkah kalian mendengar? Sesungguhnya kesederhanaan itu sebahagian daripada iman?"

Hadis di atas menjelaskan bagaimana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menilai kesederhanaan itu dalam kehidupan manusia. Hidup sederhana adalah sebahagian daripada iman. Tanpa kesederhanaan kurang sempurna iman seseorang. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam kehidupan sehari-hari merupakan seorang yang sederhana dan

Hidup bersederhana

منوجوكر يضان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

bersahaja, baik dalam berpakaian, makanan ataupun keperluan lainnya. Baginda tidak pernah berlebih-lebihan, bahkan kerap kali dalam kekurangan.

Rasulullah adalah orang yang sederhana dalam berpakaian dan tempat tinggal. Baginda mengenakan pakaian seperti yang biasa dipakai orang-orang di sekitarnya, begitu pula tempat tinggalnya. Baginda selalu memenuhi undangan orang yang merdeka, budak, hamba serta orang-orang miskin. Baginda menjahit pakaiannya, memperbaiki sandal, memberi makan unta, makan bersama pembantu, memenuhi keperluan orang-orang lemah dan yang tidak mampu. Semua kerendahan dan kemurahan hati ini tumbuh daripada jiwanya yang suci, sekali gus menjadi gambaran yang sebenar tentang diri Baginda, tidak dikurangi dan tidak dilebih-lebihkan.

Diriwayatkan bahawa pada suatu hari Baginda pernah ditawarkan oleh kaum Quraisy harta kekayaan yang berlimpah ruah jika Baginda mahu berhenti dari menyebarkan agama Islam. Tetapi tawaran yang begitu menggiurkan itu sama sekali tidak dihiraukannya. Bahkan Baginda lebih senang hidup bersama-sama dengan para pengikutnya yang sebahagian besar daripada golongan masyarakat miskin. Oleh sebab itu tidak menghairankan kalau dalam sekejap sahaja agama Islam yang dibawa cepat diterima oleh masyarakat.

Demikian pula dalam masalah makanan, Baginda tidak berlebih-lebihan. Apabila kebetulan pada suatu hari Baginda mendapat kiriman atau kunjungan daripada tetangga atau sahabatnya, maka kiriman itu diberikan kepada orang miskin. Baginda lebih senang mengikatkan perutnya dengan batu daripada melihat kesengsaraan yang menimpa orang-orang miskin. Pendek kata Baginda di dalam segala hal selalu menunjukkan sifat kesederhanaan, baik dalam masalah makanan, pakaian dan lainnya. Bahkan Sayidatina Aisyah Radiallahuanha pernah berkata bahawa tempat tidur Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu berupa bantal yang berisi sabut.

Begitu pula daripada kaum bawahan, bila mereka dapat mengemukakan hidup sederhana, pasti tidak ada penyelewengan, tidak akan berbuat curang, mengganggu usaha seseorang bahkan tidak akan terjadi kecurian dan rompakan. Inilah manfaatnya kalau hidup sederhana diterapkan dalam setiap aspek kehidupan.

Ajaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam untuk hidup sederhana itu betul-betul memberi manfaat yang besar sekali. Dari itu keutamaan hidup sederhana dan bersahaja, perlu diamalkan dalam setiap aspek kehidupan agar kelak menjadi orang mulia di sisi Allah Subhanahu Wataala.

Hubungan perdagangan Brunei - United Kingdom berkembang

BANDAR SERI BEGAWAN, 5 Jun. - Terdapat pelbagai peluang bagi meluaskan lagi hubungan perdagangan antara United Kingdom dan Negara Brunei Darussalam yang boleh dikembangkan dan dimanfaatkan oleh kedua-dua belah pihak.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi, Timbalan Pengerusi Eksekutif QAF Brunei Sendirian Berhad dan Penaung Forum Perdagangan British di Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Bubungan Dua Belas, Jalan Residency.

Forum berkenaan, sabda Yang Amat Mulia, akan dapat membantu para peniaga kedua-dua buah negara memperkembangkan peluang-peluang yang ada bagi faedah semua pihak termasuk para peniaga tempatan.

"Saya percaya forum tersebut akan merupakan sebagai saluran yang sangat penting bagi meningkatkan hubungan-hubungan pelaburan dengan Great Britain," sabda Yang Amat Mulia.

Terdahulu, Pesuruhjaya Tinggi British ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Stuart Laing dalam ucapannya antara lain menyatakan, Pejabat Hal Ehwal Luar dan Jabatan Perdagangan di London ketika ini dalam proses menubuhkan forum yang sama di United Kingdom dengan nama Majlis Perdagangan Britain-Brunei.

Katanya, hubungan perdagangan dan pelaburan antara Great Britain dan Negara Brunei Darussalam adalah sangat erat di mana para pengguna, peruncit dan pemborong, sektor awam dan swasta dari negara ini masih membeli barangan dan menggunakan perkhidmatan British dalam jumlah yang besar.

Antara tujuan forum tersebut ialah untuk membolehkan para peniaga kedua-dua buah negara serta kakitangan Suruhanjaya Tinggi British mengadakan perjumpaan ke arah meluaskan kerjasama perdagangan dan pelaburan antara Great Britain dan Negara Brunei Darussalam.

Ia juga akan membantu para peniaga negara ini untuk mendapatkan rakan kongsi British bagi

Oleh Sahari Akim

meningkatkan pencapaian perdagangan kedua-dua belah pihak, di samping memberikan maklumat mengenai peluang-peluang perniagaan dengan Britain melalui komuniti peniaga tempatan.

Bagi mencapai matlamat forum tersebut, pelbagai aktiviti juga dianjurkan seperti majlis-majlis resepsi yang diadakan oleh Suruhanjaya Tinggi British serta seminar-seminar sama ada dianjurkan oleh pihak suruhanjaya atau ahli-ahli forum perdagangan.



YANG Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi, Timbalan Pengerusi Eksekutif QAF Brunei Sendirian Berhad dan Penaung Forum Perdagangan British, berkenan menerima cenderamata daripada Pesuruhjaya Tinggi British ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Stuart Laing sejurus merasmikan Forum Perdagangan British di negara ini. - Gambar oleh Abdullah HAD.

DEDAHKAN PELAJAR KUASAI ICT

Oleh Sahari Akim



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pendidikan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abu Bakar menerima buku 'Electrical Power Engineering Software Package' yang dihasilkan oleh Dr. Palanichamy dan Mr. Kumar daripada Pengetua Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR)sejurus merasmikan dan melancarkan buku tersebut. - Gambar oleh Abdullah HAD.

BERAKAS, 30 Mei. - Negara mengharapkan untuk dapat melahirkan tenaga manusia yang memiliki sikap inovatif, kreatif serta mempunyai kemahiran-kemahiran tertentu seperti kemahiran komunikasi, bekerja dalam satu pasukan, mampu menyelesaikan masalah serta mempunyai kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

Ke arah itu, penghargaan harus diberikan kepada Jabatan Pengajian Teknik yang telah menjadikan kemahiran-kemahiran iaitu 'common skills' sebagai komponen penting dalam kurikulum pengajian teknik di negara ini seperti ditetapkan oleh Majlis Pendidikan Teknik dan Vokasional Negara Brunei Darussalam.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan menekankan perkara itu di Majlis Perasmian dan Pelancaran 'Electrical Power Engineering Software Package and Laboratory Experiments In Electrical Circuits' di Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR).

Yang Dimuliakan menambah, menerusi kurikulum, sikap dan kemahiran-kemahiran para pelajar akan dapat pula dipupuk dan dipertingkatkan serta didedahkan lagi kepada teknologi maklumat dan komunikasi.

Penyediaan peralatan teknologi maklumat dan komunikasi, jelas Yang Dimuliakan bukan sahaja untuk kemudahan mendapatkan maklumat semata-mata, tetapi sewajarnya digunakan dalam bidang aplikasi.

Dalam melaksanakan rancangan ICT di sekolah-sekolah pada masa ini, kita menghadapi beberapa cabaran yang perlu dihadapi dengan perancangan.

"Penyediaan peralatan komputer dan melatih guru-guru menggunakan teknologi ini adalah suatu bidang tugas. Menyediakan latihan guru dengan harapan supaya semua guru-guru akan dapat menguasai dan menggunakan teknologi ini adalah juga satu cabaran," ujar Yang Dimuliakan.

Yang Dimuliakan menyatakan daripada bukti yang ada, para pelajar sudah mampu menggunakan daya kreativiti dan inovatif mereka dalam teknologi maklumat dan komunikasi terutamanya pelajar-pelajar dari institusi teknik, di mana dalam Pertandingan Informa 2000 ternyata yang peringkat 4, para pelajar dari MTSSR dan Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkuah telah dapat menghasilkan software yang mana enam daripadanya terpilih ke peringkat akhir.

Sungguhpun demikian, jelas Yang Dimuliakan, pada masa ini negara belum lagi mempunyai syarikat-syarikat ataupun agensi-agensi software yang dapat memajukan penyelidikan dan memperingkatkan lagi hasil ciptaan atau inovasi mereka itu untuk dijadikan bahan komersil.

Yang Dimuliakan berkata, jika peluang itu dapat diwujudkan, maka ia akan memberikan keyakinan kepada para pelajar untuk lebih bergiat dalam bidang tersebut dan akan dapat pula membuka peluang-peluang pekerjaan atau menambah pendapatan kepada mereka.

Tambah Yang Dimuliakan, salah satu cara untuk melahirkan pelajar-pelajar yang inovatif dan kreatif ialah dengan menyediakan persekitaran yang kondusif yang dapat menyuburkan lagi suasana kreatif dan inovatif.

"Ini termasuklah keperluan supaya guru-guru sendiri yang menjadi fasilitator kepada pembelajaran selain menjadi contoh dan membuktikan bahawa mereka juga mengamalkan daya inovatif dan kreatif dalam pengajaran mereka yakni menggunakan kaedah pengajaran yang kreatif dan inovatif," saran Yang Dimuliakan.

Di majlis itu Yang Dimuliakan juga mengucapkan penghargaan kepada Dr. C. Palanichamy dan Awang Haji Aji bin Haji Abdullah dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik MTSSR, kerana berjaya menghasilkan buku 'Laboratory Experiments In Electric Circuits Measurements'.

Sebuah lagi buku yang dilancarkan ialah 'Electrical Power Engineering Software Package' yang dihasilkan oleh Dr. C. Palanichamy dan Mr. Kumar.

Terdahulu Pengetua MTSSR dalam ucapan alu-aluannya antara lain berkata, adalah menjadi harapan maktab itu agar usaha sama dalam 'transfer of know how and transfer of technology' dapat dijadikan satu budaya kerja di kalangan guru-guru dan para pengajar.

Katanya, adalah penting bagi pengajar-pengajar tempatan dan luar negeri untuk sentiasa bergandeng bahu dalam menyediakan bahan-bahan pengajaran dan pelajaran.

Beliau juga merakamkan penghargaan kepada Syarikat Paul dan Elizabeth atas sokongan yang diberikan dalam usaha mencetak buku tersebut, sambil berharap ia akan dapat menguntungkan syarikat tersebut.

Penyampaian sijil Kursus Hadrah dan Dabaie

Oleh Dk. Hj. Saidah PHOA

LUMUT, 28 Mei. - Seramai 47 guru dan kakitangan sekolah-sekolah rendah, menengah dan maktab di Daerah Belait yang mengikuti Kursus Hadrah dan Dikir Dabaie telah menerima sijil masing-masing.

Tetamu kehormat, Ketua Bahagian Kegiatan dan Pertandingan Unit Rohani Jabatan Ko-Kurikulum, Awang Haji Zailani bin Haji Abdul Ghaffar menyampaikan sijil-sijil berkenaan yang diadakan di Dewan Sekolah Ugama Sungai Taring di sini.

Kursus yang diadakan secara serentak itu merupakan kali pertama diungkuayahkan dalam satu masa. Kursus berkenaan diadakan selama empat hari dianjurkan oleh Jabatan Ko-Kurikulum Daerah Belait bertujuan bagi memberi peluang membina kemahiran dan mempelbagaikan kebolehan guru-guru.

Di samping membina ilmu ianya juga dihasratkan melalui bakat bakal-bakal pakar itu akan dapat mengasah generasi baru dalam memperkembangkan ilmu sebagai satu amal kebajikan dan khidmat terutama sekali kepada pelajar-pelajar bakal penerus, dengan harapan ilmu dan amal yang diturunkan itu tidak lenyap ditelan zaman.

Pengerusi majlis, Penyelia Kegiatan Luar (Rendab), Awang Haji Hamid bin Haji Mumin dalam ucapan alu-aluannya menyarankan kepada setiap peserta kursus supaya akan mengunakuyahkan dengan membina kelah seperti Dikir Dabaie dan hadrah bagi pelajar-pelajar di sekolah masing-masing sebagai titik tolak hasrat dan matlamat mereka bagi masa akan datang.

Pengendali kursus kesenian bmain hadrah, Awang Haji Junaidi bin Jafar berpendapat kursus

tersebut terlalu singkat kerana dalam tempoh tersebut, beliau hanya sempat mengajar pukulan satu hingga empat sahaja.

Dari itu beliau berharap kursus tersebut akan dapat diteruskan di masa akan datang dalam dua bulan sekali.

Kursus berkenaan dikendalikan oleh tiga orang tenaga pengajar, Sheikh Ahmad Syed Abdun bahagian dikir manakala Awang Haji Junaidi bin Jaafar dan Awang Haji Nasir bin Timbang mengendalikan bahagian hadrah.



KETUA Bahagian Kegiatan dan Pertandingan Unit Rohani, Jabatan Ko-Kurikulum, Awang Haji Zailani bin Haji Abdul Ghaffar menyampaikan sijil kepada seorang peserta yang mengikuti Kursus Dikir Dabaie. - Gambar oleh Dk. Hj. Saidah PHOA.

PENDAPAT PEMBACA PENDAPAT PEMBACA PENDAPAT PEMBACA

Bersikap positif berwawasan tinggi

BELIA merupakan golongan muda baik ia lelaki mahupun perempuan. Ada sesetengah pendapat mengatakan bahawa umur belia pada lazimnya dalam lingkungan 12 hingga 31 tahun.

Belia merupakan aset negara yang amat penting dalam menani dan mencorakkan negara pada masa ini mahupun pada masa-masa yang akan datang. Oleh itu belia dianggap sebagai kumpulan pelapis yang akan mewarisi dan mewarnai pentadbiran dan pengurusan negara. Di tangan belialah juga kemajuan, kejayaan dan kehebatan bangsa, agama dan

PENDAPAT yang terpilih minggu ini dari tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Belia - Aset Penting Negara.' Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut :

Jangan jadi generasi yang lemah

TANGGAPAN mengenai definisi belia ini ialah golongan muda-mudi iaitu lingkungan umur setelah tahap kanak-kanak. Definisi ini menerangkan belia adalah golongan remaja. Sesuai dengan itu umur yang dikatakan belia itu ialah mereka yang berumur dalam lingkungan 15 tahun hingga 25 tahun. Jadi umur yang segini adalah umur yang dikatakan cukup kritikal dalam mengharungi pancaroba dunia seagat.

Dalam membangun negara yang maju dan sejahtera, perlu adanya golongan belia dalam menerajui segala hal yang berkaitan dengan kenegaraan. Memang ada istilah yang diberikan kepada golongan belia ini iaitu pemuda harapan bangsa dan pemuda tiang negara. Pernyataan ini lebih menggerakkan jati diri dan kewibawaan setiap yang bergelar belia dalam memimpin masa hadapan dan seterusnya menjadi tunggak kepada kekuatan identiti kebangsaan. Adalah tidak berlebihan mengatakan bahawa belia hari ini akan menjadi pemimpin masa hadapan.

Justeru itu, untuk menjadi pemimpin seharusnya mempunyai ciri-ciri, tingkah laku, pegangan dan wawasan diri dalam menegakkan aspirasi negara yang berlandaskan konsep Melayu Islam Beraja. Jangan hendaknya di kalangan mereka ini leka dengan arus dunia globalisasi. Jadi pastikan bahawa identiti dan jati diri itu penting sebagai panduan kesejahteraan bersama.

Belia masa kini seharusnya bersiap siaga dengan apa jua dalam menanggapi cabaran abad ke-21 ini. Dalam mengharungi cabaran ini perlu adanya kekuatan dan kebijaksanaan agar setiap usul, cadangan dan pengaruh dapat ditanggapi dengan sentiasa. Apa tidaknya belia adalah generasi harapan dan penyambung perjuangan dan pembangunan generasi akan datang. Dengan itu belia perlu ada penghayatan dan pemahaman dari segi pengetahuan yang telah disalurkan sejak dibangku sekolah lagi. Jadi adalah terbahak mengatakan jika dalam diri belia itu tertanam hasrat dan aspirasi negara dalam ingin berusaha memperkembangkan kemajuan yang dicapai, dan seterusnya sebagai nadi pejuang kepada generasi seterusnya.

Peranan belia dalam pembangunan negara adalah cukup penting. Jadilah belia yang berilmu dan berpengetahuan tinggi agar akan tercapai nilai-nilai murni kerajaan. Maka dengan itu belia hendaklah mempergunakan ilmu mereka dalam hal-hal yang berkaitan. Apabila belia penggerak ketahanan dan perpaduan nasional, maka jadilah negara yang berdaya tahan, berdaya saing dan berdaya maju. Lebih-lebih lagi mereka ini adalah asas kepada perpaduan ummah dan sebagai contoh perpaduan ummah dalam semua jurusan.

Pada pandangan Islam pun ada menggariskan bahawa belia sentiasa menuntut ilmu agar dapat melahirkan generasi yang kuat, mantap dan berwibawa dari semua aspek. Janganlah ada generasi yang lemah, 'zurriyatan dhufa'. Jadinya, janganlah hanya kita berpeluk tubuh dan leka akan kemajuan dunia tanpa mematai-matai kerenah anak-anak khususnya generasi muda supaya berpegang teguh kepada prinsip ajaran Islam dan terelak dari terlibat dengan gejala sosial. Keimanan dan ketakwaan adalah penting dalam diri belia itu sendiri sebagai ummah dan insan yang kamil.

Harus juga diingat bahawa kelalaian dan ketidakjujuran dalam kehidupan memudahkan diri belia itu sendiri terpengaruh kepada anasir-anasir dari luar yang menyeleweng. Jadi tanamkanlah rasa kekuatan dalam diri di kalangan belia dengan agama Islam yang diredai dan juga maruah diri dan bangsa wajib dijaga agar sentiasa bersih dan suci selalu. Dalam apa pun juga memang belia itu aset penting bagi negara dan sentiasa bergerak menyusur arus semasa.

Hajah Ostinah binti Haji Othman,
No. 9, Simpang 14, Jalan Padnunuk Kampong Lamunin,
Tutong TG 2343,
No. k/p: 271949.

negara, dapat diserlahkan di mata dunia. Belia adalah penentu bagi hidup atau mati serta maju atau mundurnya sesebuah negara itu. Peranan belia dalam membentuk dan mencorakkan bangsa, agama dan negara tidak dapat dipertikaikan lagi. Oleh kerana itulah mereka perlu melengkapkan diri dengan pelbagai persediaan supaya harapan bangsa, agama dan negara tidak akan musnah begitu saja.

Disebabkan golongan belia merupakan golongan yang paling ramai dalam negara kita, maka mereka mestilah diberikan perhatian dan bimbingan dalam pelbagai aspek rancangan pembangunan negara supaya dapat mengukuhkan ketahanan nasional dalam diri mereka. Belia merupakan generasi harapan dan penyambung perjuangan dan pembangunan generasi akan datang. Mereka adalah generasi yang berpotensi, berkongnitif, aktif, bertenaga, produktif serta kuat di samping diharapkan akan menjadi pemimpin pada masa hadapan.

Memandangkan negara kita masih lagi kekurangan sumber tenaga mahir dalam bidang-bidang yang tertentu seperti dalam bidang sains dan teknologi, maka perlulah kita berusaha untuk menjadikan belia pada hari ini sebagai sumber tenaga manusia yang dapat meneruskan wawasan dan hasrat negara bagi menjamin kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan. Demi untuk menuju ke arah atau matlamat itu, falsafah dan nilai negara iaitu Melayu Islam Beraja (MIB) perlu disemai ke dalam sanubari diri setiap belia, agar ia dapat dijadikan sebagai asas kukuh untuk melahirkan sebuah bangsa yang berdaya tahan, berdaya saing dan berdaya maju.

Walaupun belia terdiri daripada golongan muda, ia tidak menghalang mereka untuk memegang peranan dalam membantu, merencana dan melaksanakan wawasan negara. Belia Islam mestilah bersedia untuk mengambil peranan dalam menghadapi kemajuan, perkembangan dan pembangunan bersepadu di samping penyambung tugas Nabi dan para ulama dalam mengembangkan Islam sesuai dengan keadaan, masa dan tempat masing-masing berdasarkan kebijaksanaan mereka.

Jika mereka sanggup memikul segala tanggungjawab yang dibebankan dan dapat membuat persiapan yang rapi bagi menghadapi segala gelora permasalahan yang akan datang serta memiliki wawasan

yang terancang bagi pembangunan negara, bermakna mereka akan mampu dan berkemungkinan besar akan berjaya menanganinya. Walaupun begitu, belia juga harus sentiasa bersedia untuk belajar, mengambil iktibar daripada peristiwa-peristiwa yang berlaku, berkeinginan untuk memajukan diri dan sanggup tampil ke hadapan untuk membuat pembaharuan yang tidak bercanggah dengan nilai-nilai agama dan ketahanan nasional, iaitu sejajar dengan perkembangan dunia semasa. Dengan cara inilah negara kita akan terus berkembang maju dan bertahan sebagai sebuah negara yang unik, dinamik dan tidak statik dari segi ekonomi, politik, sosial dan budaya, serta dapat mengukuhkan identitinya yang tersendiri iaitu berlandaskan MIB.

Oleh yang demikian belia di negara ini diharapkan supaya tidak terjebak dengan anasir-anasir yang tidak baik yang boleh menyebabkan mereka terpesong dan lalai terhadap tanggungjawab sebagai pemegang amanah negara. Begitu juga setiap belia seharusnya tidak mengamalkan sifat-sifat negatif yang boleh merosakkan nama baik diri sendiri, bangsa, agama dan negara. Mereka hendaklah bersikap positif dan proaktif terhadap perkara-perkara yang membangun serta membawa kepada kemajuan dan kemakmuran bangsa, agama dan negara. Untuk menjadi belia yang berpotensi, ada tiga perkara penting yang perlu dimiliki oleh setiap belia dengan memastikan mereka bertanggungjawab serta mantap untuk menjadi harapan bangsa dan negara dengan memiliki ilmu pengetahuan, akhlak yang mulia dan beriman.

Dengan itu, dapatlah disimpulkan bahawa belia sudah sententunya merupakan aset penting atau pemangkin bagi negara. Belia perlu mempunyai sikap positif dan berwawasan demi untuk mencapai pembangunan negara dan menghindarkan sikap negatif yang boleh merosakkan diri dan negara.

Zulhili bin Haji Jaidin,
No. 21, Jalan 64, Lot 1433,
Kampong Perpindahan, Lambak Kanan BC 3115,
No. k/p: 265513.

BELIA - TUNGGAK, KEKUATAN SEBUAH NEGARA

BELIA merupakan aset penting bagi pembangunan dan perkembangan negara. Ini kerana merekalah yang akan menjadi harapan untuk memegang dan memimpin negara di masa akan datang. Tanpa adanya para belia yang berwawasan dan berpendidikan serta berketrampilan dalam pelbagai bidang ilmu dan teknologi, maka sesebuah negara itu bolehlah dikatakan tidak mempunyai masa depan.

Golongan belia umumnya dilihat sebagai tunggak dan kekuatan masa depan dalam sesebuah negara. Golongan ini biasanya merupakan komposisi terbesar dalam masyarakat. Disebabkan oleh usia dan tenaga muda yang mereka miliki, sumbangan dan bakti yang boleh diberikan kepada masyarakat dan negara amatlah besar sekali.

Belia merupakan harapan dalam membangun umat. Mereka-

lah yang akan mengambil alih tugas generasi tua untuk memimpin bangsa dan umat pada masa akan datang.

Peranan mereka amat penting dalam kehidupan masyarakat kerana watak dan buah fikiran mereka amat diperlukan untuk membangun sesebuah negara. Kemajuan sesebuah negara memerlukan belia yang cergas dan berpendidikan.

Memandangkan kepentingan para belia dalam pembangunan negara, maka mereka ini haruslah dibimbing dengan menerapkan asas keseimbangan antara keperluan fizikal, material dengan keperluan mental, spiritual. Dengan ini, kelak akan dapat melahirkan belia beriman sekali gus berkemampuan tinggi dalam penguasaan pelbagai pengetahuan dan teknologi serta ketrampilan lain yang berguna.

Untuk dapat mengembangkan kualiti remaja dan pemuda yang kuat, berbudi pekerti luhur, berilmu, trampil dan bermental kuat, maka perlulah diserapkan dan dikembangkan motivasi, pengetahuan agama dan umum, ketrampilan, penggunaan waktu luang dengan kegiatan serta pendidikan dan berinteraksi dengan keluarga dan masyarakat.

Mereka juga perlu dibimbing dengan bijaksana dan penuh timbang rasa, serta diserapkan nilai-nilai murni ke dalam jiwa mereka kerana mereka adalah aset atau golongan yang berfungsi besar dalam pembangunan negara di masa hadapan.

Para belia harus mempunyai akhlak yang mulia untuk menjadi sumber inspirasi kepada generasi

yang akan datang, bersifat siddiq (benar), bertaqwa, adil, tabligh (berkesanggupan dalam menyebarkan dakwah Islamiah), fatanah dan pintar dan lain-lain.

Mereka harus pandai mengisi waktu lapang dengan melakukan kerja yang berfaedah dan bermanfaat kepada agama, bangsa dan negara. Pandai hidup berdikari kerana di zaman inilah yang sebaik-baiknya bagi para belia dan remaja berdikari.

Mereka juga harus menyiapkan diri dengan ciri-ciri kepimpinan yang baik kerana mereka adalah harapan bangsa dan pewaris kepimpinan yang akan datang.

Para belia kelak akan menjadi manusia dewasa adalah merupakan calon-calon pemimpin yang akan mengisi seluruh kehidupan di masa akan datang. Masa depan sesebuah negara adalah di tangan mereka.

Sebagai kesimpulan bolehlah dinyatakan bahawa para belia adalah merupakan salah satu sumber daya manusia serta aset nasional yang memiliki potensi yang amat besar dalam menentukan masa depan kehidupan suatu bangsa. Pada pundak mereka inilah, yang merupakan penerus generasi terpelik tugas dan tanggungjawab yang amat besar untuk memajukan kehidupan bangsa dan negara sesuai dengan cita-cita serta harapan bangsa itu sendiri.

Nonitahani binti Johan,
No. 109, Kampong Lumapas,
BJ 3324, Bandar Seri Begawan,
No. k/p: 209534.

TAJUK-TAJUK PENDAPAT PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Menjaga Harta Benda Awam Tanggungjawab Bersama'. Tarikh tutup 23 Jun, 2001.
2. 'Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Merupakan Manifestasi Negara'. Tarikh tutup 30 Jun, 2001.
3. 'Bersama Rakyat - Eratkan Institusi Raja dan Rakyat'. Tarikh tutup 7 Julai, 2001.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Pendapat Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>
email: pelita@brunet.bn



PENGARAH Sekolah-Sekolah, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam menerima poster-poster dan risalah-risalah sempena Hari Alam Sekitar Sedunia dan Hari Bumi daripada Duta Besar Amerika Syarikat ke negara ini, Puan Yang Terutama Puan Sylvia G. Stanfield. Majlis berlangsung di Kementerian Pendidikan. - Gambar oleh Harun HR.

Penuntut diseru lindungi alam sekitar

Oleh Sahari Akim

BERAKAS, 7 Jun. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan melaksanakan pelbagai usaha dan program bagi meningkatkan kesedaran penuntut terhadap masalah alam sekitar yang melanda dunia.

Pengarah Sekolah-Sekolah, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam binti Pengiran Haji Matarsat berucap demikian di Penyampaian Poster-poster dan Risalah-risalah sempena Hari Alam Sekitar Sedunia dan Hari Bumi daripada Duta Besar Amerika Syarikat, Puan Yang Terutama Puan Sylvia G. Stanfield di Kementerian Pendidikan.

Hari Alam Sekitar Sedunia

(PBB) diraikan setiap tahun pada 5 Jun dengan tumpuan ke arah penjagaan planet bumi bagi generasi akan datang yang merupakan dasar Bangsa-Bangsa Bersatu dan Hari Bumi bagi mendorong kesedaran antarabangsa terhadap alam sekitar dengan memperluaskan perhatian dan tindakan.

Pengiran Datin Paduka ketika berucap menekankan, golongan pelajar di negara ini perlu lebih peka terhadap alam persekitaran mereka serta berusaha melindungi daripada kepupusan dan pencemaran.

Mereka perlu ingat hubungan manusia dengan tumbuh-tumbuhan, binatang dan ekosistem

planet tidak dapat dipisahkan, kerana ia membekalkan pelbagai sumber penting kepada manusia, katanya.

Beliau seterusnya menerangkan, antara kegiatan yang dikendalikan oleh Kementerian dan sekolah-sekolah termasuklah mengadakan kempen kebersihan terutama di kawasan pantai selain Perkhemahan Sains yang dianjurkan melalui Projek Usahasama Sains dan Teknologi serta Alam Sekitar (STEPS) di Kuala Balai baru-baru ini.

Selain dari itu, negara juga mempunyai Pusat Penyelidikan Kuala Belalong yang menyediakan pelbagai kemudahan bagi penuntut-penuntut menjalankan kajian mengenai flora dan fauna hutan tropika yang terdapat di negara ini dengan lebih terperinci.

Menurutnya, kerajaan juga mengambil langkah meluluskan undang-undang yang melarang pembunuhan spesies binatang yang sukar didapati seperti rusa dan penyu termasuk telurnya.

Bahan-bahan cetak yang diterima bertemakan 'Bio-diversities On a Changing Planet - The Health of Earth's Ecosystems' terbitan Pejabat Program Penerangan Antarabangsa di Jabatan Negara Amerika Syarikat meliputi pelbagai topik termasuk perhutanan, perubahan cuaca rantau Arctic, isu-isu sejagat dan spesies-spesies yang hampir pupus, sementara poster-poster pula memaparkan pelbagai kehidupan di bumi.

Esei-esai dalam risalah-risalah tersebut disumbangkan oleh Niles Eldredge dari Muzium Amerika, John Tuxill dari Institute Worldwatch dan Edward O. Wilson dari Harvard University, manakala ilustrasi poster dihasilkan oleh Joel Nakamura.

Hari Alam Sekitar Sedunia dan Hari Bumi diwujudkan semasa Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam tahun 1972.

500 sertai Peraduan Melukis dan Mewarna

Oleh Abu Bakar HAR

BANDAR SERI BEGAWAN, 10 Jun. - Seramai lebih 500 orang kanak-kanak yang berumur enam hingga 15 tahun telah mencuba kemahiran bakat mereka dalam Peraduan Melukis dan Mewarna Logo Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-17.

Dari awal-awal lagi, para peserta terdiri daripada kanak-kanak telah membantiri ke Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, di ibu negara untuk mengambil bahagian semata-mata mahu menguji kemahiran mereka agar peluang ikut serta di pertandingan itu tidak terlepas begitu sahaja.

Peraduan tersebut telah dibahagikan kepada tiga kategori iaitu mewarna logo mengkhususkan bagi penyertaan kanak-kanak yang berumur enam tahun ke bawah dan bagi peserta yang berumur tujuh hingga 10 tahun dikehendaki mewarna tema Hari Kebangsaan sementara bagi kategori melukis tema Hari Kebangsaan, pula adalah bagi kanak-kanak yang berumur 11 hingga 15 tahun.

Keputusan pertandingan melukis dan mewarna tersebut akan dimaklumkan kemudian oleh pihak penganjur.

Penyertaan kanak-kanak sangat menggalakkan dalam peraduan yang dianjurkan oleh Jabatan Muzium-Muzium Brunei yang disempenakan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-17.



PERADUAN Melukis dan Mewarna Logo Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-17 mendapat sambutan yang menggalakkan daripada kanak-kanak berumur enam hingga 15 tahun. - Gambar oleh Abdullah HAD.

PELITA BRUNEI Akhbar Rasmi Kerajaan,
Setiap hari Rabu diterbitkan,
Rajin membaca bertambah pengetahuan,
Silalah Alai pilih jawapan.

- Bilakah tarikh Majlis Perjumpaan Muhibah Penerangan Daerah Temburong ?
a). 1 Oktober, 2000.
b). 3 Oktober, 2000.
c). 5 Oktober, 2000.
- Bilakah tajuk cerpen 'Hanya Sekadar Implan' dikeluarkan dalam akhbar rasmi kerajaan PELITA BRUNEI?
a). 11 Oktober, 2000.
b). 14 Oktober, 2000.
c). 27 Oktober, 2000.
- Bilakah tarikh Majlis Penandatanganan Surat Persetujuan Bagi Laporan Mesyuarat Ke-9 Jawatankuasa Teknik Bersama Kefahaman Dalam Penyiaran dan Penerangan oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair dan Ketua Perwakilan Republik Indonesia, Otorisator Badan Informasi dan Komunikasi, Bapak I. GK Manila. Majlis berlangsung di Jabatan Penerangan Berakas.
a). 4 September, 2000.
b). 4 Oktober, 2000.
c). 4 November, 2000

PAT-PAT GULAMBIR

SYARAT PERADUAN

- Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
- Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
- Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

- Alai yang berjaya dihadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
- PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alat tulis atau buku-buku.

TARIKH TUTUP

- Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.
Jawapan Pat-Pat Gulambir keluaran 30 Mei, 2001.
1. A 2. C 3. B.

BORANG JAWAPAN PAT-PAT GULAMBIR 480

Nama :
Umur :
Alamat :
Telefon rumah (jika ada) :
Sekolah :
Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai,
Pat-Pat Gulambir, 480,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

TIDAK ADA PEMENANG SOALAN PAT-PAT GULAMBIR KELUARAN PELITA BRUNEI 30 MEI, 2001

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN



YANG Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Pengerusi Kumpulan QAF berkenan menyampaikan hadiah kepada seorang pemenang dalam Festival Drama QAF. - Gambar oleh Amat HM.

Sekolah Menengah Sufri Bolkiah juara Festival Drama QAF

Oleh Abd. Karim HAB

BERAKAS, 7 Mei. - Sekolah Menengah Sufri Bolkiah muncul juara dalam Festival Drama QAF Brunei melalui persembahan drama berjudul 'ICT' yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Pengerusi QAF berkenan menjadi tetamu kehormat dan seterusnya berkenan menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi, Timbalan Pengerusi Eksekutif dan Pengarah QAF Brunei juga berangkat di majlis itu.

Drama ICT yang menewaskan empat kumpulan drama yang lain merupakan sebuah drama yang bercorak komedi yang mengisahkan peranan dan kesan penggunaan komputer hari ini di kalangan remaja.

Nurul Husna binti Md. Salleh yang berperanan sebagai Noma telah dipilih sebagai Pelakon Pembantu Wanita Terbaik.

Kategori Pelakon Lelaki Terbaik dianugerahkan kepada Abdul Halim bin Haji Md. Jaafar dari Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin yang mempersembahkan drama 'The Letter'.

Manakala Siti Munirah binti Haji Sazali dari Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab yang memainkan watak Hajah Ambun dalam

drama 'Manis' terpilih sebagai Pelakon Wanita Terbaik.

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik pula dimenangi oleh Kasyifil Aziz bin Haji Jumat dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan yang membawakan drama 'Lesson In Life'.

Kategori Skrip Terbaik pula dimenangi oleh drama 'Manis' dari Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab, sebuah cerita rakyat Brunei yang diolah kembali dengan nilai-nilai semasa.

Manakala kategori Nilai Produksi Terbaik yang meliputi pencahayaan, bunyi dan pakaian dimenangi oleh drama 'Never Experiment With The Unknown', persembahan dari Sekolah Menengah Perdana Wazir.

Menurut pihak penganjur, festival itu bertujuan memberi nafas dalam kehidupan berdrama di negara ini di samping memberi ruang kepada para penuntut menyalurkan bakat mereka. Dalam masa yang sama mereka juga berpeluang menyertai pelbagai aktiviti yang boleh meningkatkan keyakinan diri dan kemahiran berbahasa Inggeris.

Sebanyak 17 buah sekolah menengah daripada seluruh negara menyertai festival kali pertama itu yang ditaja oleh Kumpulan QAF dan dikendalikan bersama oleh CIBT Education Service (B) Sendirian Berhad dan Kementerian Pendidikan.

PERTANDINGAN BERCUCUL

JABATAN Perkhidmatan Elektrik dan Jabatan Kerja Raya seperti di tahun-tahun yang sudah akan mengendalikannya satu acara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-55 bagi tahun 2001 iaitu Pertandingan Bercucul Rumah-rumah Kampong Ayer/Darat dan Bangunan Swasta serta Pintu-pintu Gerbang bagi Daerah Brunei dan Muara.

Borang permohonan untuk menyertai pertandingan tersebut boleh diperolehi daripada pihak penganjur di tempat-tempat seperti berikut :

PERTANDINGAN BERCUCUL BAGI RUMAH-RUMAH KAMPONG AYER/DARAT DAN BANGUNAN SWASTA

1. Bahagian Pentadbiran Tingkat 3, Ibu Pejabat Perkhidmatan Elektrik, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan Jabatan Kemajuan Perumahan.
2. Bahagian Lejar Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Bandar Seri Begawan.
3. Cawangan Elektrik, Sengkunong, atau
4. Cawangan Elektrik, Muara.

PERTANDINGAN PINTU-PINTU GERBANG

Setiausaha Peraduan Pintu Gerbang, Jabatan Perkhidmatan Bangunan, Bahagian Pengurusan Bangunan, Jabatan Kerja Raya, Jalan Lapangan Terbang Lama, Bandar Seri Begawan.

Tarikh penerimaan akhir borang-borang ialah pada hari Khamis, 12 Julai, 2001 jam 3.00 petang.

Sebarang pertanyaan mengenai pertandingan itu bolehlah berhubung terus ke Bahagian Pentadbiran, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, nombor telefon 382090 sambungan 407 dan 499 dan Bahagian Setiausaha Peraduan Pintu Gerbang, Jabatan Kerja Raya, nombor telefon 382920 sambungan 178 dan 260.



SEBUAH pasukan sekolah menengah yang menyertai Festival Drama QAF Brunei ketika mempersembahkan drama mereka. - Gambar oleh Amat HM.

Brunei tuan rumah Persidangan CONSAL tahun 2003

BERAKAS, 3 Jun. - Persatuan Perpustakaan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (PPKNBD) telah mengadakan mesyuarat agung tergempar iaitu bagi meluluskan perubahan kepada perlembagaan persatuan berkenaan.

Ke arah itu, sebuah ahli jawatankuasa telah pun ditubuhkan bagi sama-sama menilai semula perlembagaan agar ianya dapat disesuaikan dengan keperluan masa kini.

Justeru itu, dalam ucapan Yang Dipertua persatuan tersebut, Dayang Nellie binti Dato Paduka Haji Sunny menyeru agar semua ahli persatuan tersebut sentiasa bekerjasama, terutama sekali dalam

Oleh Abu Bakar HAR

menjayakan Kongres Pustakawan Asia Tenggara Ke-XII (CONSAL) yang bakal diadakan di negara ini pada tahun 2003.

Tambahnya, sebagai ahli kepada Persidangan Kongres Pustakawan Asia Tenggara (CONSAL) mestilah memastikan agar matlamat CONSAL tersebut tercapai, di samping dapat mempromosikan laman webnya yang memberi penekanan berita dan sebgainya.

CONSAL mula ditubuhkan pada tahun 1970 di Republik Singapura dan kini ianya dianggotai oleh kesepuluh buah negara-negara ASEAN.

Ahli-ahli CONSAL meliputi ahli-ahli perpustakaan, para akademik, guru-guru dan 'information profesional'.

Menyentuh mengenai sambutan ulang tahun penubuhan persatuan berkenaan ke-15, Dayang Nellie menjelaskan pelbagai program telah pun diatur termasuk mengadakan Kuiz Buku dan Cerita serta Anugerah Pustakawan Contoh.



قليتا بروني
Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP TIAP HARI RABU

TAHUN 46

BILANGAN 25

RABU 20 JUN, 2001

رابو 28 ربيع الأول، 1422

PERCUMA



JABATAN MUZIUM-MUZIUM KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN

Tawaran Bilangan : LIMA/JMB/2001

TAWARAN ADALAH DIPELAWA BAGI

**FIRE ALARM (AUTOMATION DETECTION SYSTEM/FIRE HOSEREEL
SYSTEM/SMOKE VENTILATION SYSTEM/PORTABLE FIRE
EXTINGUISHERS MAINTENANCE CONTRACT FOR ROYAL
REGALIA BUILDING BAGI TAHUN 2001/2003**

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peli Tawaran yang diletakkan kepada : Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710.
2. Tawaran-tawaran mestilah dihantar tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Isnin 9 Julai, 2001. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilaian.
3. Tender Fee sejumlah \$150.00 adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan. Pembayaran bolehlah dibuat di Bahagian Hasil Mahsul, Jabatan Muzium-Muzium, Jalan Kota Batu.
4. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi daripada Bahagian Pentadbiran, Jabatan Muzium-Muzium, Jalan Kota Batu semasa hari-hari bekerja kecuali hari-hari kelepasan awam.
5. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah.
6. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertutup rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk tawaran yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pembekal. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat ditunjukkan rujukan dan tarikh tutup tawaran seperti berikut :

Tawaran Bilangan : LIMA/JMB/2001. Tarikh tutup : hari Isnin 9 Julai, 2001 jam 2.00 petang - FIRE ALARM (AUTOMATION DETECTION SYSTEM/FIRE HOSEREEL SYSTEM/SMOKE VENTILATION SYSTEM/PORTABLE FIRE EXTINGUISHERS MAINTENANCE CONTRACT FOR ROYAL REGALIA BUILDING BAGI TAHUN 2001/2003.

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi menyewa dan mengurus cafeteria di Bangunan Alat Kebesaran Diraja.
 2. Tawaran hendaklah dibuat dengan borang khas yang disediakan dan boleh didapati daripada Bahagian Pentadbiran, Jabatan Muzium-Muzium.
 3. Borang tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah diserahkan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertutup tanpa menunjukkan identiti logo pembekal/pemborong dan ditulis dengan terang seperti berikut :
- Bilangan Iklan : ENAM/JMB/2001 - MENYEWAKAN DAN MENGURUS CAFETERIA DI BANGUNAN ALAT KEBESARAN DIRAJA.
Tarikh tutup : 9 Julai, 2001 (Hari Isnin).
4. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peli Tawaran dan ditujukan kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut harga, Jabatan Muzium-Muzium, Jalan Kota Batu BD 1510, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada hari Isnin 9 Julai, 2001 jam 2.00 petang.
 5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat dengan tawaran yang paling tinggi (maha).
 6. Penawar yang berjaya dipilih adalah dikehendaki menandatangani perjanjian yang akan disediakan sebaik sahaja keputusan dibuat.



JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN STOR NEGARA KEMENTERIAN KEWANGAN

Bilangan Tawaran : TMSN/8/6.2001

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi The Supply, Delivery And Installation Of Office Furniture For The Brunei Currency Board New Building, Negara Brunei Darussalam.
2. Dokumen-dokumen terperinci tawaran berharga \$200.00 (Ringgit Dua Ratus Sahaja) bolehlah diperolehi daripada Bahagian Tawaran dan Sebut harga, Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara, Kementerian Kewangan, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan BE 1110, Negara Brunei Darussalam.
3. Pembelian dokumen tawaran hendaklah dibuat di Bahagian Akaun, Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara, Kementerian



JABATAN BANDARAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

JAWATAN-JAWATAN KOSONG BERGAJI HARI

1. PEKERJA TINGKAT II (TUGAS KERANI)

- a. Mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Penduduk Tetap.
- b. Berumur 18 tahun ke atas.
- c. Lulus dengan kepujian atau kredit empat (4) mata Pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya. Pemohon yang mempunyai Sijil Perdagangan Menap dan berkebolehan untuk menggunakan PC Komputer adalah diberi keutamaan.

Gaji yang ditawarkan : Minimum \$23.20 sehari kadar F.

2. PEKERJA TINGKAT IV (TUGAS-TUGAS BURUH)

- a. Mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Penduduk Tetap. Keutamaan yang bermastautin di Daerah Brunei dan Muara sahaja.
- b. Berumur 18 tahun tidak lebih daripada 45 tahun (dikira dari tarikh surat permohonan).
- c. Mempunyai kelulusan minimum Darjah VI atau yang sebanding dengannya. Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dan berpengalaman dengan kerja-kerja berat dan kasar adalah diutamakan.

Gaji yang ditawarkan : Minimum \$16.20 sehari Kadar A atau Minimum \$16.80 sehari Kadar B (Tawaran gaji tertakluk menurut tugas-tugas yang diterangkan semasa temuduga).

Semua permohonan hendaklah mengisikan Borang Tawaran Kerja Kosong yang boleh didapati daripada Jabatan Bandaran, Bahagian Pentadbiran Gaji Hari, Bangunan Pusat Komersil dan Perdagangan Bumiputera, Tingkat 6, Jalan Cator, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan semula bersama-sama dengan salinan surat-surat akaun dan siji-siji persekolahan tidak lewat 30 Jun, 2001 jam 4.00 petang. Surat permohonan yang lewat diterima dari tarikh yang disebutkan tidak akan dilaian.



JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**PENJUALAN KAIN RENTANG SEMPERA SAMBUTAN PERAYAAN
HARI ULANG TAHUN KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG
MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG
DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG KE-55 TAHUN**

ADALAH dengan ini dimaklumkan kepada orang ramai khususnya kepada peniaga-peniaga seluruh daerah bahawa Jawatankuasa Khas Kain Rentang dan Logo Semperna Sambutan Perayaan Hari Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-55 Tahun telah memilih Syarikat Proccasta Printing & Trading Co, beralamat di No. 7, Tingkat Satu Kompleks Haji Tahir 2, Jalan Gadong BE 3519, Negara Brunei Darussalam untuk mencetak, membekal, mengedar, menjual, memasang dan seterusnya membuka kain Rentang Semperna Sambutan Perayaan yang akan diadakan pada bulan Julai. Syarikat tersebut telah melantik wakil-wakil penjual setiap daerah masing-masing yang beralamat serta nombor telefon seperti berikut :

1. Daerah Brunei dan Muara

Fotomas Studio & Lab Sendirian Berhad
No. 22, Tingkat Bawah,
Kompleks Haji Daud, Jalan Gadong BE 4119.
No. telefon : 02-422158.

Kewangan, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan BE 1110, Negara Brunei Darussalam setiap hari Isnin hingga Khamis dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi sahaja. Tarikh akhir pembelian dokumen tawaran pada 4 Julai, 2001.

4. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup rapat. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk seperti berikut : THE SUPPLY, DELIVERY AND INSTALLATION OF OFFICE FURNITURE FOR THE BRUNEI CURRENCY BOARD NEW BUILDING, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM tanpa menunjukkan nama syarikat pemborong, sampul surat itu hendaklah ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Isnin 30 Julai, 2001.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran difikirkan tidak munasabah.



JABATAN TELEKOM BRUNEI KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Bilangan Tawaran : JTB/SO/ST/015/2001

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi membekal dan menghantar barang-barang seperti yang tersebut di bawah ini kepada Stor Telekom, Simpang 815, Jalan Bengkurung Masin, Sinarubai, Negara Brunei Darussalam BF 1920.
2. Pembekal-pembekal bolehlah menghantar tawaran-tawaran mereka bagi kesemua atau separuh dari barang-barang yang disenaraikan seperti berikut :

DROPWIRE NO. 6

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup rapat dan bertandakan :

**MEMBEKAL DAN MENGHANTAR UNTUK TAWARAN
"DROPWIRE NO. 6"
JTB/SO/ST/015/2001**

Tanpa menunjukkan nama pembekal kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang hari Isnin 9 Julai, 2001. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilaian.

Perjumpaan mengenai dengan penerangan kepada penawar-penawar yang menyertai tawaran akan diadakan pada 5 Julai, 2001 jam 9.00 pagi di bilik perjumpaan Stor Telekom Sinarubai.

4. Dokumen-dokumen tawaran berharga \$100.00 (tidak dikembalikan) boleh dibayar sama ada dengan wang tunai atau cek tempatan. Dokumen tersebut boleh diperolehi dari Unit Pentadbiran Sumber-Sumber Tenaga Manusia, Bahagian Sumber-Sumber Tenaga Manusia dan Perhubungan Awam (HP), Tingkat 2, Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BS 3510.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran atau lain-lain tawaran. Pembayaran yang cagaran hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai atau dengan cek tempatan berserta bank guarantee.

2. Daerah Temburong

Syarikat Seri Purnama,
No. A2, Tingkat Bawah,
Kompleks Perniagaan Bumiputera, Bangar, Temburong.
No. telefon : 05-221979.

3. Daerah Belait

Nice Top Trading,
No. 36B-37B Tingkat Dua,
Plaza Seria, Jalan Sultan Omar Ali, Seria KB 2733.
No. telefon : 03-225167.

4. Daerah Tutong

Lee Ta Trading Company,
153, Kampong Sengkarai Tutong.
No. telefon : 04-222488.

Oleh yang demikian, orang ramai yang berminat untuk membeli kain rentang berkenaan bolehlah menghubungi syarikat berkenaan dan wakil-wakil penjual yang dilantik dengan harga \$19.80 sehelai. Walau bagaimanapun, sebelum membeli kain rentang orang ramai adalah dinasihatkan untuk memastikan kain rentang yang hendak dibeli itu telah dicap dan ditandatangani oleh Pengerusi Jawatankuasa Khas Bagi Kain Rentang dan Logo. Pembelian kain rentang dari syarikat-syarikat selain daripada syarikat dan wakil-wakil penjual yang disebutkan di atas adalah tidak dibenarkan.

Tarikh memasang kain rentang Semperna Sambutan Perayaan Hari Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-55 Tahun bermula pada 9 Julai, 2001 hingga 31 Julai, 2001.



JABATAN DAERAH BELAIT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

JAWATAN KOSONG SEBAGAI
KETUA KAMPONG BUKIT SAWAT

Tanggagaji : C. 1 EB. 2 iaitu \$1,280.00 hingga \$1,930.00 sebulan.

Kelayakan Calon Ketua Kampung :

ADALAH dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Belait mempelawa/menjemput pemohon-pemohon/penduduk-penduduk yang bermastautin di kawasan Kampung Bukit Sawat yang berkelayakan bagi mengisi jawatan Ketua Kampung Bukit Sawat, Mukim Bukit Sawat :

- Setiap calon Ketua Kampung hendaklah :
 - Seorang lelaki yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam;
 - Sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan pelajaran di peringkat Tingkatan III atau kelulusan yang sebanding dengannya;
 - Bermastautin di kampung yang akan diketuainya tidak kurang 2 tahun sebelum atau pada tarikh pencalonannya. Bermastautin adalah bermaksud bahawa calon Ketua Kampung hendaklah benar-benar tinggal di kampung yang berkenaan dalam tempoh yang dikehendaki di mana calon itu mempunyai tempat kediaman dan mendiami tempat tersebut;
 - Berumur tidak kurang 30 tahun dan tidak lebih 60 tahun pada tarikh pencalonannya;
 - Tidak menjadi ahli atau tidak terlibat sama ada secara langsung atau tidak di dalam sebarang pertubuhan sia-sia yang difikirkan boleh menjejaskan kepentingan atau keselamatan negara;
 - Mempunyai pengetahuan yang baik dalam agama Islam, kemasyarakatan dan adat resam setempat yang lazimnya diamalkan oleh masyarakat kampung berkenaan;
 - Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta bersikap pemedulian; dan
 - Tidak pernah disyiahkan mufils di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan di negara ini dalam tempoh 2 tahun sebelum pencalonannya, termasuk pada tarikh pencalonan melainkan sebelum itu pengisytiharan mufils telah dibatalkan oleh mahkamah.
- Calon yang terdiri daripada Pegawai Kerajaan akan dipersarakan jika dilantik sebagai Ketua Kampung dan akan menikmati faedah dari jawatannya seperti yang ditetapkan dalam Akta Pencen.
- Calon yang terdiri daripada ahli perniagaan atau pengusaha apabila dilantik menjadi Ketua Kampung boleh meneruskan perniagaan atau perusahaannya menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.
- Pencadang dan penyokong seorang calon Ketua Kampung hendaklah terdiri daripada warganegara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam dan tinggal bermastautin di kampung yang berkenaan.
- Lain-lain syarat adalah tertakluk kepada Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998 (Syarat-Syarat Lantikan dan Perkhidmatan Ketua Kampung).

CARA MEMOHON :

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati di Jabatan Daerah Belait pada waktu pejabat dibuka dan hendaklah diisi mengikut apa yang dikehendaki dalam borang tersebut dan borang yang tidak diisi dengan lengkap tidak akan diterima.

Borang pencalonan tersebut hendaklah dikembalikan kepada Pegawai Daerah Belait tidak lewat pada hari Sabtu 21 Julai, 2001 jam 4.00 petang.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2001/Z/3026 : FIRE EXTINGUISHER.
Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2001/Z/3029 : LIGHT RESCUE (FIRE-
LY) ACR/46.
Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang hari Isnin 2 Julai, 2001. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 2 Julai, 2001 hari Isnin jam 10.30 pagi.

- Wang bayaran Tawaran hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Blok 169, Kementerian Pertahanan, Bolikah Garison BB 3510, Negara Brunei Darussalam. Waktu bagi menerima bayaran : Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.30 pagi 2.00 petang - 3.30 petang dan Jumaat : 8.00 pagi - 10.30 pagi.
- Pembekal adalah dikehendaki membayar tawaran bagi semua tawaran seperti yang diiklankan.
- Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini sepertimana yang diiklankan.

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2001/Y/1099 : SUPPLY OF TRAINING
SYSTEM WORKBENCHES.
Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang hari Isnin 2 Julai, 2001. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan Kementerian Pertahanan seperti alamat yang disebutkan di perenggan (a) di atas


1. TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berkelayakan untuk menjalankan perniagaan berikut 'MEMBINA, MEMAJUKAN & MENJALANKAN URUSNIAGA 'MUSEUM SHOP' DI DEWAN LEGAR, JABATAN MUZIUM-MUZIUM, JALAN KOTA BATU'.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup ditulis dengan TAWARAN BAGI 'MEMBINA, MEMAJUKAN & MENJALANKAN URUSNIAGA 'MUSEUM SHOP' DI DEWAN LEGAR, JABATAN MUZIUM-MUZIUM, JALAN KOTA BATU' - Bilangan Tawaran : DUA/JMB/2001 kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut harga, Jabatan Muzium-Muzium, Jalan Kota Batu BD 1510, Negara Brunei Darussalam tanpa menunjukkan identiti atau logo syarikat.
3. Lawatan bagi maksud melihat kawasan berkenaan akan dibuat pada hari Isnin 18 Jun, 2001 jam 9.00 pagi. Semua wakil syarikat adalah diminta berkumpul di Jabatan Muzium-Muzium pada tarikh dan waktu yang ditetapkan.
4. Semua pemborong adalah dimestikan hadir bagi lawatan tersebut. Pemborong-pemborong yang tidak hadir pada tarikh lawatan tersebut adalah tidak dibenarkan ikut serta dalam tawaran tersebut.
5. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut harga Jabatan Muzium-Muzium tidak lewat dari jam 2.00 petang hari Isnin 2 Julai, 2001.
6. Salinan resit hendaklah disertakan bersama dokumen tawaran.
7. Dokumen-dokumen tawaran boleh diperolehi daripada Bahagian Hasil Mahsul, Jabatan Muzium-Muzium dengan wang cagaran \$100.00 tunai. Bayaran dokumen sebanyak \$25.00 tidak dikembalikan.
8. Wang cagaran akan dikembalikan kepada syarikat yang tidak berjaya sebaik sahaja pemilihan dibuat.
9. Penerangan yang lebih lanjut boleh didapati daripada Pengurus bagi Bangunan Muzium Brunei, Kota Batu.
10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
11. Masa menerima wang bayaran dokumen tawaran : Hari Isnin hingga Khamis - 8.00 pagi hingga 11.00 pagi. Sabtu - 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.



JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

Bilangan Tawaran : JPI/13/2001

TAWARAN BAGI MEMBEKAL 1 UNIT STATION WAGON LONG-WHEEL BASE FOUR (4) WHEEL DRIVE FIVE - NINE (5 - 9) SEATER

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang benar (bona-fide) bagi MEMBEKAL 1 UNIT STATION WAGON LONG-WHEEL BASE FOUR (4) WHEEL DRIVE FIVE - NINE (5 - 9) SEATER. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan di dalam sampul surat yang bertutup rapi (sealed) dengan menyatakan JPI/13/2001 - TAWARAN BAGI MEMBEKAL 1 UNIT STATION WAGON LONG-WHEEL BASE FOUR (4) WHEEL DRIVE FIVE - NINE (5 - 9) SEATER di bahagian atas sebelah kiri tanpa menyatakan identiti penender dan dihantar kepada alamat berikut : Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8,



JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Bilangan Tawaran : DCA/AFS/1/2001 dan DCA/AFS/2/2001

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berkelayakan dan berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
 2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan di dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada 25 Jun, 2001.
 3. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.
 4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk dan bilangan tawaran sepertimana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran itu tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
 5. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam setelah menjelaskan pembayaran yuran tawaran secara tunai sebanyak \$100.00 (tidak dikembalikan).
 6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
- Bilangan Tawaran : DCA/AFS/1/2001 - THE PROVISION, ACCEPTANCE TESTING AND COMMISSIONING OF AND TRAINING ON ONE UNIT 5000 LITRES, 4 X 4 RAPID INTERVENTION VEHICLE. Tarikh tutup : 25 Jun, 2001.**
- Bilangan Tawaran : DCA/AFS/2/2001 - THE PROVISION, ACCEPTANCE TESTING AND COMMISSIONING OF AND TRAINING ON ONE UNIT 5000 LITRES, 4 X 4 RESCUE TENDER. Tarikh tutup : 25 Jun, 2001.**

Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari hari Isnin 25 Jun, 2001 jam 2.00 petang.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut boleh didapati dari Jabatan Perikanan, Tingkat 3, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BS 3910, Negara Brunei Darussalam.
4. Cagaran tawaran sebanyak \$100.00 adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap tawaran yang benar (bona-fide) yang tidak berjaya.
5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



JABATAN TELEKOM BRUNEI KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Bilangan Tawaran : JTB/SO/ST/014/2001

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi membekal dan menghantar barang-barang seperti yang tersebut di bawah ini kepada Stor Telekom, Simpang 815, Jalan Bengkurong Masin, Sinarubai, Negara Brunei Darussalam BF 1920.
2. Pembekal-pembekal bolehlah menghantar tawaran-tawaran mereka bagi kesemua atau separuh dari barang-barang yang disenaraikan seperti berikut :
Keterangan jenis barang :

**PIPES PVC 100 MM SELF-SUPPORTING
AND PIPES PVC 38 MM**

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapat dan bertandakan :

**MEMBEKAL DAN MENGHANTAR UNTUK TAWARAN
"PIPES PVC 100 MM SELF-SUPPORTING
AND PIPES PVC 38 MM" JTB/SO/ST/014/2001**

Tanpa menunjukkan nama pembekal kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang hari Isnin 25 Jun, 2001. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Perjumpaan mengenai dengan penerangan kepada penawar-penawar yang menyertai tawaran akan diadakan pada 21 Jun, 2001 jam 9.00 pagi di bilik perjumpaan Stor Telekom Sinarubai.
4. Dokumen-dokumen tawaran berharga \$100.00 (tidak dikembalikan) boleh dibayar sama ada dengan wang tunai atau cek tempatan. Dokumen tersebut boleh diperolehi daripada Unit Pentadbiran Sumber-Sumber Tenaga Manusia, Bahagian Sumber-Sumber Tenaga Manusia dan Perhubungan Awam (HP), Tingkat 2, Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BS 3510.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

PERATURAN PENGIKLANAN DI PELITA BRUNEI

1. IKLAN hendaklah dalam bahasa Melayu dengan menggunakan ejaan baru.
2. Rang iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca. Saiz font yang digunakan ialah antara 9 hingga 12 point.
3. Penghantaran iklan dalam disket komputer adalah sangat dialu-alukan dan disyorkan menggunakan Microsoft Word. Disket yang sudah selesai penggunaannya boleh diambil semula.
4. Iklan hendaklah sampai ke alamat seperti dinyatakan di bawah ini sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum tarikh keluaran iklan yang dikehendaki (bagi yang tidak menggunakan disket).
5. Mana-mana kementerian atau jabatan yang menghantar iklan mereka dengan menggunakan disket, disket tersebut hendaklah sampai kepada alamat di bawah seminggu sebelum tarikh keluaran iklan yang dikehendaki.
6. Rang iklan hendaklah dialamatkan atau dihantar kepada : Ketua Bahagian Akhbar, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama, Berakas BS 3510, Negara Brunei Darussalam. Tel : 02-383804. Faks : 02-381004 atau 02-380507.
7. Walau bagaimanapun pengeluaran iklan yang diterima adalah tertakluk kepada kekosongan ruangan.
8. Iklan-iklan yang tidak mematuhi peraturan ini tidak akan dilayan.

- PENGARAH PENERANGAN.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Bilangan Tawaran : MINDEF/DPP/RC/46 (VOL I) (A) : JPPK/LTN/18/2001
(A) : THREE YEARS TERM CONTRACT FOR THE STATUTORY INSPECTIONS OF LIFTING EQUIPMENT AND PRESSURE VESSEL IN MILITARY ESTABLISHMENTS WITHIN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. Cagaran Tawaran : \$200.00. Bayaran Tawaran : \$20.00. Kelas : III. Kategori : Specialist.

Bilangan Tawaran : MINDEF/DPP/RC/52 (VOL I) (A) : JPPK/LTN/17/2001
(A) : THREE YEARS TERM CONTRACT FOR THE MAINTENANCE AND REPAIR OF 2 NOS MITSUBISHI PASSENGER LIFTS AT YUSSOF FLAT LOT 17846, MILE 1, JALAN TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. Cagaran Tawaran : \$100.00. Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan). Kelas : II. Kategori : 5(K).

Syarat-Syarat Tawaran :

- TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang hari Isnin 25 Jun, 2001. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi daripada Unit Tawaran, Jabatan Kewangan dan Perbekalan Kementerian Pertahanan seperti alamat yang disebutkan di perenggan (a) di atas semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 22 Jun, 2001 hari Jumaat jam 4.00 petang.
- b) Wang bayaran tawaran dan cagaran hendaklah dibayar secara tunai di Bahagian Kewangan, Jabatan Kewangan dan Perbekalan, Blok 169, Kementerian Pertahanan, Bolkhah Garison BB 3510, Negara Brunei Darussalam. Waktu bagi menerima bayaran : Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.30 pagi 2.00 petang - 3.30 petang dan Jumaat : 8.00 pagi - 10.30 pagi.
- c) Wang bayaran tawaran 'Tender Fees' pembekal adalah dikehendaki membayar tawaran bagi semua tawaran seperti yang dikehendaki.
- d) Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.
- e) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini seperti mana yang dikehendaki. Contoh-contoh atau katalog asal yang berkaitan dan bersesuaian dengan jenis tawaran yang dikehendaki mestilah dihantar ke Unit Tawaran, Jabatan Kewangan dan Perbekalan, Blok 150, Kementerian Pertahanan, Bolkhah Garison BB 3510, Negara Brunei Darussalam sehingga hari Jumaat tidak lewat jam 4.00 petang pada minggu yang sama.



DI DALAM MAHKAMAH WARIS BANDAR SERI BEGAWAN

No. 270/2000

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Mohd. Azery bin Haji Jalli kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Haji Jalli @ Daud bin Haji Omar yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 26 Jun, 2001 pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 30 Mei, 2001.

No. 59/2001

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Tengah bin Timbang kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Timbang bin Maharaja Angli yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 26 Jun, 2001 pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 30 Mei, 2001.

No. 75/2001

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Hajah Jinah binti Rais kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Hajah Radin bin Ahmad yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 26 Jun, 2001 pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 30 Mei, 2001.

No. 76/2001

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Nur Rahmat @ Nur Seri Intan binti Abdul Salam @ Salam kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Abdul Salam bin Abdullah Baruang yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 26 Jun, 2001 pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 30 Mei, 2001.

No. 126/2001

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Zaiton binti Mohamad Zain kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh A. Bakar bin Md. Tahir @ Md. Noor yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 26 Jun, 2001 pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 30 Mei, 2001.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan percikaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesela yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris Bandar Seri Begawan dan Tutong sebelum tarikh yang tersebut di atas.



JABATAN UKUR KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

JAWATAN KOSONG SEBAGAI KETUA JURUTEKNIK UKUR BERGAJI HARI

JAWATAN : KETUA JURUTEKNIK UKUR
BAHAGIAN/TANGGAGAJI : GAJI HARI/\$90.45 SEHARI
JABATAN/KEMENTERIAN : JABATAN UKUR, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Syarat-Syarat Kelayakan :

- Mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai pengetahuan tentang kerajinan agama Islam; adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai kelulusan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dalam bidang sains ukur tanah/pemetaan/geomatik atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan.
- Mempunyai pengalaman yang terbukti dalam salah satu bidang kerja-kerja ukur tanah/geomatik adalah satu kelebihan.

Syarat-Syarat Lain :

Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari masa kesemasa.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- Membantu juruukur dalam bidang-bidang kerja teknikal yang berhubung kait dengan bidang ukur tanah dan geomatik.

- Membantu unit kecil Ukur Tanah atau Pemetaan Informatik.
- Membantu Juruukur dalam memastikan tugas atau projek yang dirancang dilaksanakan.
- Memeriksa peralatan di unit-unit masing-masing berfungsi dan menepati spesifikasi.
- Memeriksa ketepatan kerja-kerja Pengukuran Tanah dan Pemetaan Informatik.
- Menyelia dan menyemak perjalanan kerja-kerja mengikut prosedur Sistem Pengurusan Berkualiti (ISO 9001).
- Bertanggungjawab dalam Pembahagian kerja-kerja ukur kepada kakitangan bawahan.
- Bertanggungjawab sebagai penyelar sumber tenaga kerja bawahan.
- Membimbing dalam mendorong kakitangan bawahan dalam pencapaian hasil kerja yang optima dan memantau kemajuan kerja setiap individu.
- Membuat penilaian kemahiran kakitangan bawahan dalam kerja teknikal masing-masing.
- Ahli jawatankuasa kecil 'Quality Control Circle' bagi Sistem Pengurusan berkualiti (ISO 9000) di jabatan ini.
- Tugas-tugas yang difikirkan perlu dari masa kesemasa.

Tempoh Perkhidmatan :

Tempoh perkhidmatan adalah untuk 1 tahun sahaja.

Kursus/Latihan :

Setiap kursus/latihan yang ditetapkan dari masa ke semasa.

Kenalanan Pangkat :

Kenaikan pangkat ke jawatan yang lebih tinggi boleh dipertimbangkan jika memenuhi syarat kelayakan dan tertakluk jua kepada kekosongan jawatan.

Tarikh Tutup Iklan :

Pada 25 Jun, 2001 (hari Isnin) jam 4.30 petang.

Semua pemohon hendaklah mengisikan borang SPA 1 yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akaun dan siji-siji kepada Bahagian Pentadbiran (Tingkat 4), Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan, Bandar Seri Begawan BB 3510, Negara Brunei Darussalam.



JABATAN DAERAH BELAIT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran : JDB/T/07/2001
MENINGGIKAN TARAF JALAN SUNGAI PETAI SIMPANG 485
JALAN BUKIT PUAN/LABI, MUKIM LABI

Bilangan Tawaran : JDB/T/08/2001
MENINGGIKAN TARAF JALAN SUNGAI GANA SIMPANG 1026
JALAN SERIA/TUTONG, MUKIM LIANG

Syarat-Syarat Tawaran :

- TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam dokumen tawaran kepada : Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada hari Isnin, 25 Jun 2001 jam 2.00 petang. **Bilangan Tawaran : JDB/T/07/2001 - MENINGGIKAN TARAF JALAN SUNGAI PETAI SIMPANG 485 JALAN BUKIT PUAN/LABI, MUKIM LABI.**



JABATAN DAERAH TEMBURONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

SEBUT HARGA BAGI MENJALANKAN PERNIAGAAN KANTIN
JABATAN-JABATAN KERAJAAN, DAERAH TEMBURONG

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon tempatan (penduduk Daerah Temburong sahaja) untuk menyewa dan menguruskan Kantin Jabatan-jabatan Kerajaan, Daerah Temburong dengan syarat-syarat berikut :-

- Tawaran adalah untuk 2 tahun mulai dari tarikh perjanjian ditandatangani.
- Tawaran-pawaran mestilah menyatakan kadar sewa bagi satu (1) bulan dengan menulis angka-angka diikuti dengan perkataan.
- Wang cagaran sebanyak \$200.00 (Dua Ratus Ringgit) adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada pemohon-pemohon yang tidak berjaya.
- Pemohon-pemohon adalah dinasihatkan supaya mengadakan lawatan dan pemeriksaan ke kantin tersebut untuk melihat sendiri peralatan dan perkakas dapur dan sebagainya yang ada disediakan di kantin itu sebelum mengadakan tawaran mereka.
- Pemohon yang berjaya dikehendaki menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan seperti berikut :-
 - Khidmat layanan dalam (Waiter-Service).
 - Khidmat layanan sendiri (Self-Service/Buffer-Type).
 - Khidmat pesanan luar (Outside Catering).
 - Menyediakan berbagai jenis makanan dan minuman termasuk makanan tengah hari dan malam yang halal mengikut hukum Islam.
- Pemohon yang berjaya hendaklah menyediakan bilangan pelayan dan pekerja yang beragama Islam yang mencukupi, berpakaian kemas dan bersih, mempunyai budi pekerti yang baik, bersopan-santun dan menghormati pelanggan, sihat dan tidak mengidap penyakit yang berjangkit dan lain-lain.

Bilangan Tawaran : JDB/T/08/2001 - MENINGGIKAN TARAF JALAN SUNGAI GANA SIMPANG 1026 JALAN SERIA/TUTONG, MUKIM LIANG.

- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama pemohon dan dihantarkan kepada alamat di para 1 menurut arahan yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.
- Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut bolehlah didapati di Bahagian Teknikal, Pejabat Daerah Belait semasa waktu bekerja.
- Cagaran Tawaran bagi JDB/T/07/2001 - \$100.00. JDB/T/08/2001 - \$100.00.
- Tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemohon yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran dengan jujur (bona-fide tender).
- Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang yang telah disediakan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
- Borang tawaran hendaklah disertakan dengan keterangan yang lengkap mengenai pengalaman menguruskan sebuah kantin serta senarai makanan, minuman dan jenis masakan yang akan dijual termasuk harganya. Salinan Sijil Pendaftaran Akta Nama-Nama Perniagaan Bab 16 - 17.
- Pemohon adalah bertanggungjawab untuk menyediakan sendiri peralatan dan keperluan-keperluan dapur, alat-alat pencuci piring, mangkuk dan lain-lain keperluan.
- Pemohon adalah dipertanggungjawabkan untuk memastikan makanan/minuman, alat-alat tempat memasak, kawasan kantin dan lain-lain yang berkaitan sentiasa dalam keadaan bersih.
- Pemohon adalah dipertanggungjawabkan menjaga keselamatan ke atas harta benda yang disediakan. Jika didapati terdapat kerosakan-kerosakan, pemohon dikehendaki untuk menggantinya.
- Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup rapi. Di luar sampul surat itu hendaklah ditulis nama tawaran atau bilangan tawaran (jika ada) seperti di atas tanpa menunjukkan sebarang pengenalan diri pengirim.
- Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang disediakan di Tingkat Bawah, Jabatan Daerah Temburong dan dalamatikan kepada : Pengerusi Jawatankuasa Sebut harga, Jabatan Daerah Temburong 'SEBUT HARGA BAGI MENJALANKAN PERNIAGAAN KANTIN JABATAN-JABATAN KERAJAAN, DAERAH TEMBURONG'.
- Borang dan keterangan lanjut bolehlah diperolehi di Bahagian Teknikal, Jabatan Daerah Temburong, dengan bayaran \$10.00 bagi 1 set dokumen.
- Tarikh tutup menghantar tawaran adalah pada hari Sabtu 30 Jun, 2001 jam 1.45 petang. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang tersebut di atas tidak akan dilayan.
- Sekiranya pemohon yang telah berjaya didapati gagal mematuhi syarat-syarat yang telah diberikan maka jabatan ini berhak untuk membatalkan kebenaran penyewaan yang telah diberikan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling tinggi atau sebarang tawaran.



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran. Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada tiap-tiap hari Selasa (seperti tarikh yang telah ditetapkan.)
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Satu, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bagi tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya Kuala Belait, dokumen itu bolehlah diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.
5. Cagaran tawaran bagi : i) Kelas VI - \$5,000.00/\$10,000.00 ii) Kelas V - \$1,000.00 iii) Kelas IV - \$500.00 iv) Kelas III - \$200.00; v) Kelas II - \$100.00; vi) Lukisan - \$100.00.
6. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender). Kadar cagaran adalah seperti yang ditetapkan di iklan tawaran.
7. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar dokumen tawaran itu seperti kadar yang ditetapkan di iklan tawaran.
8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas IV (III, IV & V) kategori 4(d) sahaja.

Hingga jam 2.00 petang hari Sabtu 23 Jun, 2001. Tarikh tutup : hari Isnin 25 Jun, 2001.

BIL : JKR/DDS 008/2001 (CDE) - T. IV : MEMBAIKI SISTEM SALIRAN BAGI KAWASAN SEPANJANG JALAN LAMUNIN (FASA 1) PEMBESARAN SUNGAI BULOH BALAI (DARI KAMPONG KIUDANG HINGGA SUNGAI TEPAM).

No. Projek : 01/DDS/CDE/3-07001. Cagaran Tawaran : \$500.00. Bayaran Dokumen Tawaran : \$125.00 (tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II, III & IV di kategori 5g sahaja.

Hingga jam 2.00 petang hari Sabtu 30 Jun, 2001. Tarikh tutup : hari Isnin 2 Julai, 2001.

BIL : JKR/DOD/9/2001 (ABS) T. III : KERJA-KERJA TAMBAHAN BAGI RUMAH KEDIAMAN MENTERI KESIHATAN, BERIBI GADONG.

No. Projek : AD 614-1512. Cagaran Tawaran : \$200.00. Bayaran Dokumen Tawaran : \$50.00 (tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II, III & IV di kategori 5g sahaja.

Hingga jam 2.00 petang hari Sabtu 30 Jun, 2001. Tarikh tutup : hari Isnin 2 Julai, 2001.

BIL : JKR/DOD/9/2001 (ABS) T. III : KERJA-KERJA TAMBAHAN BAGI RUMAH KEDIAMAN MENTERI KESIHATAN, BERIBI GADONG.

No. Projek : AD 614-1512. Cagaran Tawaran : \$200.00. Bayaran Dokumen Tawaran : \$50.00 (tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas III, IV dan V kategori 1.

Hingga jam 2.00 petang hari Khamis 5 Julai, 2001. Tarikh tutup : hari Isnin 9 Julai, 2001 (LEMBAGA TAWARAN NEGARA, KEMENTERIAN KEWANGAN).

BIL : JKR/DOR/SRM 046/2001 : PEMELIHARAAN DAN PENGUBAHSUAIAN STRUKTUR PERPARITAN DI DAERAH BRUNEI MUARA SELAMA DUA (2) TAHUN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Cagaran Tawaran : \$500.00. Bayaran Dokumen Tawaran : \$125.00 (tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas III dan IV kategori 1.

Hingga jam 2.00 petang hari Khamis 5 Julai, 2001. Tarikh tutup : hari Isnin 9 Julai, 2001 (LEMBAGA TAWARAN NEGARA, KEMENTERIAN KEWANGAN).

BIL : JKR/DOR/SRM 047/2001 : PEMELIHARAAN DAN PENGUBAHSUAIAN STRUKTUR PERPARITAN DI DAERAH TUTONG SELAMA DUA (2) TAHUN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Cagaran Tawaran : \$200.00. Bayaran Dokumen Tawaran : \$50.00 (tidak dikembalikan).



BADAN KEMAJUAN INDUSTRI BRUNEI (BINA)

**Bilangan Tawaran : BINA/SJK/LTK/KPB/2001
PENJAGA KESELAMATAN BANGUNAN DAN MEMBERSIHKAN
KOMPLEKS PERINDUSTRIAN BERIBI 1**

**Bilangan Tawaran : BINA/SJK/LTK/KPS/2001
PENJAGA KESELAMATAN BANGUNAN DAN MEMBERSIHKAN
KOMPLEKS PERINDUSTRIAN SEREMBANGUN**

**Bilangan Tawaran : BINA/SJK/LTK/KPPB/2001
PENJAGA KESELAMATAN BANGUNAN DAN MEMBERSIHKAN
KOMPLEKS PERINDUSTRIAN PEKAN BELAIT**

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengarah, Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA), Km. 8, Jalan Gadong, BE 1118, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat pada hari Rabu 27 Jun, 2001 jam 2.00 petang.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk tawaran yang berkenaan tanpa menyatakan nama pemborong dan dihantar kepada alamat di para 1 menurut arahan yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut bolehlah didapati di Bahagian Kaunter Masuk, Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) semasa waktu bekerja.
5. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
7. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan hendaklah disertakan bersama.



JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Bilangan Tawaran : JKP/18/2001

**TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong yang berdaftar kelas V atau VI sahaja kategori 1 dan 5b bagi :
Projek : KAMPONG MERAGANG HOUSING SCHEME EARTHEWORKS
STAGES 3 AND 4 - CONTRACT 2 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Projek No : JKP/18/2001.**

Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kemajuan Perumahan, Bahagian Pentadbiran Kontrak, Tingkat 1, Bangunan Jabatan Kemajuan Perumahan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 2.00 petang hari Isnin 7 Julai, 2001.

Tarikh buka : 20 Jun, 2001 (Rabu)

Tarikh tutup : 9 Julai, 2001 (Isnin) tidak lewat jam 2.00 petang.

Tempat tutup : Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam. Cagaran tawaran : \$5,000.00. Dokumen Tawaran : \$500.00 (tidak dikembalikan).

Syarat-Syarat Tawaran :

1. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran mengikut alamat yang dinyatakan di dalam iklan.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk dan bilangan projek serta alamat tempat menghantar, tanpa menunjukkan identiti penawar.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan serta keterangan-keterangan yang lanjut bolehlah diperolehi daripada Jabatan Kemajuan Perumahan, Tingkat 1, Bahagian Pentadbiran Kontrak, Negara Brunei Darussalam.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas dan kategori kerja yang ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
9. Tawaran akan dikira sah laku tempoh 90 hari daripada tarikh akhir menghantar tawaran.
10. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara rujukan : LTN/4 (39/1997).
11. Wakil syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh syarikat yang berkenaan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan dari syarikat dan pada kad pengenalan wakil untuk rujukan jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/RC/21 VOL 11 : REMOVAL OF WASTE OIL FOR ROYAL BRUNEI ARMED FORCES AND GURKHA RESEVE UNIT (3 YEAR CONTRACT). Wang Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2001/Z/3025 : CASE WOOD. Wang Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang hari Isnin 25 Jun, 2001. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi daripada Unit Tawaran, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan seperti alamat yang disebutkan di perenggan (a) di atas semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 25 Jun, 2001 hari Isnin jam 10.30 pagi.

b) Wang bayaran Tawaran dan Cagaran hendaklah dibayar secara tunai di Bahagian Kewangan, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Blok 169, Kementerian Pertahanan, Bolikah Garison BB 3510, Negara Brunei Darussalam.

Waktu bagi menerima bayaran : Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.30 pagi 2.00 petang - 3.30 petang dan Jumaat : 8.00 pagi - 10.30 pagi.

c) Wang bayaran tawaran 'Tender Fees' pembekal adalah dikehendaki bagi semua tawaran seperti yang diiklankan.

d) Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

f) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini sepertimana yang diiklankan. Contoh-contoh atau katalog asal yang berkaitan dan bersesuaian dengan jenis tawaran yang diiklankan mestilah dihantar ke Unit Tawaran, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Blok 150, Kementerian Pertahanan, Bolikah Garison BB 3510, Negara Brunei Darussalam sehingga hari Jumaat tidak lewat jam 4.00 petang pada minggu yang sama.

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2001/X/3023 : TYRE 7.50 X 16 -8 PR (TYRE MECHELIN XZL OR EQUIVALENT).

Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang hari Isnin 9 Julai, 2001. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan seperti alamat yang disebutkan di perenggan (a) di atas semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 9 Julai, 2001 hari Isnin jam 10.30 pagi.

a) Wang bayaran Tawaran hendaklah dibayar secara tunai di Bahagian Kewangan, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Blok 169, Kementerian Pertahanan, Bolikah Garison BB 3510, Negara Brunei Darussalam.

Waktu bagi menerima bayaran : Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.30 pagi 2.00 petang - 3.30 petang dan Jumaat : 8.00 pagi - 10.30 pagi.

b) Pembekal adalah dikehendaki membayar tawaran bagi semua tawaran seperti yang diiklankan.

c) Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

d) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini sepertimana yang diiklankan.



JANGAN MEMOTONG DI SELEKOH



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali menerima anak kunci kereta jenazah daripada wakil penderma, Awang Haji Mohd. Rauf (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Dimulikan menepung tawar kereta jenazah yang diwakafkan. - Gambar oleh Ramli Tengah.



SERUSOP, 4 Jun. - Masjid Mohamed Bolkiah menerima sumbangan wakaf yang berbentuk sebuah kereta jenazah yang disumbangkan oleh seorang hamba Allah yang tidak mahu dikenali.

Majlis Penyerahan Anak Kunci Kereta yang bernilai 34 ribu ringgit tersebut telah disempurnakan oleh wakil penderma, Awang Haji Mohd. Rauf bin Ahmad kepada tetamu kehormat majlis, Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali dan seterusnya menyerahkannya kepada Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Abdul Kadir yang kemudiannya menyerahkannya kepada imam masjid berkenaan.

Menurut wakil penderma,

Sumbangan wakaf kereta jenazah

Awang Haji Mohd. Rauf, kereta jenazah yang diwakaf itu adalah dihasratkan bagi kemudahan orang ramai terutama bagi mengangkut jenazah umat Islam terutama bagi mereka yang tinggal di kawasan sekitar masjid berkenaan dan kepada sesiapa sahaja yang memerlukan.

Majlis tersebut telah diselenggarakan dengan Majlis Penutup Dikir Maulidur Rasul yang diadakan semenjak awal bulan Rabiulawal lalu.

Menurut Imam Masjid Mohamed Bolkiah, Awang Haji

Oleh Abu Bakar HAR

Muslim dalam ucapan alu-aluannya, menyeru umat Islam mencontohi serta mengambil iktibar daripada peristiwa kehidupan Rasulullah kerana menurutnya, Baginda adalah contoh ikutan yang sebaiknya.

Menyentuh mengenai sumbangan wakaf yang baru diterima itu, beliau menjelaskan, satu

badan akan dibentuk yang dikenali sebagai Badan Khairat.

Majlis Penutup Dikir Maulidur Rasul diserikan lagi dengan persembahan dikir yang diwakafkan oleh gabungan pendikir-pendikir undangan dari kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan serta kampung-kampung.

Sebelum kedua-dua majlis tersebut diadakan, para jemaah masjid menunaikan sembahyang fardu Isyak berjemaah yang diimamkan oleh Awang Haji Muslim bin Haji Abdul Razak.

PERADUAN MENCIPTA LOGO SIDANG KEMUNCIAK ASEAN KE-7

Oleh Sahari Akim

BERAKAS, 29 Mei. - Komiti Kebangsaan ASEAN-COCI, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menganjurkan Peraduan Mencipta Logo bagi Sidang Kemuncak ASEAN Ke-7 yang akan berlangsung di negara ini pada 5 hingga 6 November, 2001.

Dato Paduka Awang Haji Mahmud bin Haji Bakyr, Pegawai Tugas-Tugas Khas II, Kementerian berkenaan yang juga selaku Pengerusi Kebangsaan ASEAN-COCI ketika memperkerusi mesyuarat bersama wakil-wakil dari sekolah-sekolah menengah, antara lain menerangkan bahawa peraduan itu dibukakan kepada penuntut-penuntut sekolah terutamanya pelajar di peringkat menengah di negara ini.

Beliau menambah, seperti lazimnya setiap negara yang menjadi tuan rumah kepada sidang kemuncak tersebut diminta mencipta logo yang akan digunakan untuk persidangan tersebut.

Dato Paduka seterusnya berharap, peraduan itu akan dapat menghasilkan logo-logo yang berkualiti sesuai dengan Sidang Kemuncak ASEAN yang penting dan berprestij itu.

Antara tujuan peraduan itu ialah untuk meningkatkan pengetahuan, kesedaran dan minat mengenai perkembangan hal-ehwal ASEAN selain melibatkan penuntut-penuntut yang terdiri daripada rakyat dan penduduk tetap negara ini dalam sama-sama menjayakan Sidang Kemuncak itu di samping menanamkan minat mereka dalam kerjasama ASEAN.

Antara syarat peraduan ialah memastikan logo mengandungi: 7th ASEAN SUMMIT (dalam bahasa Inggeris); Sidang Kemuncak ASEAN Ke-7 (dalam tulisan Jawi); Bandar Seri Begawan (tempat); 5 - 6 November, 2001 (tarikh) dan Logo ASEAN dengan menggunakan warna bebas dan hasil kerja berukuran A4 atau 210mm x 297mm.

Setiap peserta dibolehkan menghantar sebanyak dua reka bentuk logo hasil karya asli mereka, tetapi hanya sebuah sahaja yang akan dipilih untuk dihakimi ke peringkat akhir.

Reka bentuk logo yang dihantar untuk peraduan itu akan menjadi hak milik penganjur yang mana pihak penganjur berhak menggunakan, mencetak atau menerbitkan karya yang dipilih tanpa mendapatkan sebarang kebenaran atau memberikan sebarang bayaran kepada penciptanya.

Satu panel hakim akan dibentuk untuk menghakimi peraduan tersebut dan keputusan penghakiman adalah muktamad. Pihak penganjur akan mengumumkan nama-nama pemenang melalui media massa.

Pemenang pertama akan menerima wang tunai sebanyak \$1,000.00, pemenang kedua \$750.00 dan pemenang ketiga \$500.00 dan hadiah sagu hati sebanyak \$100.00 yang akan diberikan kepada lima peserta yang terpilih.

Semua penyertaan hendaklah dihantar tidak lewat pada hari Sabtu 30 Jun, 2001, jam 4.00 petang kepada: Penyelaras Peraduan Logo Sidang Kemuncak ASEAN Ke-7, Tingkat 4, Dewan Bahasa dan Pustaka, Lapangan Terbang Lama Berakas, BB 3510, Negara Brunei Darussalam.

Peraduan Fotografi ASEAN

BRUNEI HANTAR 20 KEPING GAMBAR

BERAKAS, 6 Jun. - Sebagai salah sebuah anggota ASEAN, Negara Brunei Darussalam turut menghantar 20 keping gambar ke Peraduan Fotografi ASEAN yang akan dihakimi di Sekretariat ASEAN di Jakarta pada bulan Julai depan.

Sehubungan dengan itu, para Ahli Jawatankuasa Kebudayaan dan Penerangan ASEAN Bagi Peringkat Kebangsaan telah menyenaraikan pemenang-pemenang yang terpilih dan berjaya merakamkan gambar-gambar terbaik dalam empat kategori peraduan.

Dalam pertemuan media di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di sini, Pegawai Tugas-Tugas Khas II, di Kementerian berkenaan, Dato Paduka Awang Haji Mahmud bin Haji Bakyr selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Bagi Kebudayaan dan Penerangan ASEAN (ASEAN-COCI) menjelaskan, bagi peringkat kebangsaan ini, para jurugambar yang tersenarai akan menerima wang tunai sejumlah US\$500.00 bagi setiap gambar yang terpilih di setiap kategori yang dipertandingkan.

Dalam kategori 'Konsert Asia Tenggara', lima pemenang yang dipilih terdiri daripada Awang Haji Mohd. Yusoff bin Haji Tengah, Awang Irewan bin Haji Muhammad, Awang Amat bin Haji Maksin, Awang Haji Md. Said bin Matarsad dan Awang Ahmad bin Damit.

Kategori yang bertajuk 'Perkongsian Dalam Kemajuan Dinamik' pula berjaya dimenangi oleh Awangku Ibtisam Pengiran bin Haji Hidup, Awang

Samle bin Haji Jait, Awang Irewan bin Haji Muhammad, Awang Haji Mohd. Yusoff bin Haji Tengah dan Awang Haji Mahmud bin Haji Sulaiman.

Sementara Awang Haji Md. Said bin Matarsad, Awang Ahmad bin Haji Yusoff, Awang Samle bin Haji Jait, Awang Hijum bin Yusoff dan Awang Metussin bin Haji Abdul Rahman berjaya merakamkan gambar-gambar terbaik dalam kategori yang bertajuk 'Komuniti Masyarakat Penyayang'.

Kategori keempat iaitu 'Pandangan Keluar ASEAN' pula berjaya dimenangi oleh Awang Hatnan bin Haji Buang, Awang Amat Haji Maksin, Awang Samle bin Haji Jait, Awang Mohd. Nazib bin Haji Jumat dan Awang Haji Muhammad bin Haji Ibrahim.

Peraduan Fotografi ASEAN itu nanti akan mengetengahkan sejumlah 200 keping gambar keseluruhannya yang disertai oleh setiap negara anggota ASEAN. Daripada jumlah tersebut, hanya 12 keping gambar iaitu tiga keping gambar daripada setiap kategori akan dipilih dan akan menerima hadiah sejumlah US\$1,000.00.

Pengumuman bagi pemenang-pemenang di kalangan anggota ASEAN itu nanti akan diumumkan di Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN yang akan diadakan di Hanoi, Viet Nam.

Menurut pihak penyelenggara di peringkat kebangsaan, sebanyak 104 keping gambar telah dihantar untuk dihakimi hasil daripada lebih 30 orang jurugambar tempatan.

Oleh Siti Muslihat HS



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas II, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Mahmud bin Haji Bakyr menjelaskan kepada para media, senarai para pemenang Peraduan Fotografi ASEAN bagi peringkat kebangsaan. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

MENYUSUR MUKIM DAN KAMPUNG



Lawatan kerja ke kampung-kampung

KUALA BELAIT, 30 Mei. - Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Harun bin Haji Ismail telah mengadakan lawatan kerja sehari ke beberapa buah kampung pedalaman di Daerah

Oleh Haji Nasip Rosli

Belait. Turut serta dalam rombongan lawatan kerja Pegawai Daerah ialah beberapa orang

ketua-ketua jabatan dan cawangan serta penghulu dan ketua kampung.

Antara tujuan lawatan adalah bagi melihat dengan lebih dekat lagi kemajuan serta perkembangan yang terdapat di kampung-kampung berkenaan iaitu Kampung Merangking di Mukim Bukit Sawat dan Kampung Buau di Mukim Sukang. Di samping untuk mengetahui apa jua permasalahan yang terdapat di kampung-kampung berkenaan, adalah diharapkan tindakan dapat diambil berhubung permasalahan tersebut.

Rombongan Pegawai Daerah telah juga melawat Sekolah Rendah Buau dan Rumah Panjang Buau. Di Sekolah Rendah Buau, Pegawai Daerah Belait telah juga melawat bilik-bilik darjah dan beramah mesra dengan para guru serta murid-murid sekolah.

Rombongan Pegawai Daerah telah mengakhiri lawatan kerja dengan singgah di rumah kediaman Penghulu Mukim Bukit Sawat, Awang Abdul Rahman bin Abdullah Sambang.



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Haji Harun bin Haji Ismail menerangkan sesuatu kepada seorang murid yang belajar di Sekolah Rendah Buau.



SALAH sebuah pasukan yang menyertai Peraduan Dikir Syarafil Anam Bagi Belia-belia Kawasan Brunel Zon IVB.

Kekalkan kejuaraan

SUNGAI BULOH, 10 Jun. - Pasukan Dikir Kampung Perpindahan Serasa berjaya mengekalkan kejuaraan tahun lepas di Peraduan Dikir Syarafil Anam Bagi Belia-Belia Kawasan Brunel Zon IV B, di Masjid Kampung Sungai Buloh.

Peraduan anjuran Jawatan-kuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Buloh itu juga menyaksikan dua pasukannya masing-masing berjaya di tempat kedua dan ketiga.

Pegawai Tugas-Tugas Khas di Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Yusof bin Haji Ismail hadir selaku tetamu kehormat majlis dan menyampaikan hadiah-

Oleh Samle HJ

hadiah kepada pasukan-pasukan yang berjaya.

Tahun ini, hanya empat pasukan belia yang menyertai peraduan yang dibukakan kepada pasukan-pasukan dikir bermula dari Masjid Kampung Mentiri sehingga Masjid Perpindahan Serasa termasuk Masjid Kampung Tanah Jambu.

Selain dihasratkan bagi melahirkan pedikir-pedikir di kalangan belia, peraduan itu juga bertujuan bagi memelihara lagi sambutan hari keputeraan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.



PENOLONG Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohd Abdoh ketika hadir di Majlis Dikir Maulud anjuran Persatuan Warga Emas Daerah Belait.



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Haji Harun bin Haji Ismail berbincang sesuatu mengenai permasalahan jalan raya Merangking/Buau.

Persatuan Warga Emas giat dalam aktiviti keagamaan

KUALA BELAIT, 2 Jun. - Persatuan Warga Emas Daerah Belait walaupun baru ditubuhkan, telah banyak bergiat dalam beberapa aktiviti terutama aktiviti keagamaan. Walaupun rata-

Oleh
Haji Nasip Rosli

rata usia mereka yang menjadi ahli dalam lingkungan 55 tahun,

tetapi mereka mempunyai keazaman dan cita-cita yang tinggi dan murni sebagai contoh kepada generasi belia masa kini.

Demikian dijelaskan oleh Yang Dipertua Persatuan Warga Emas Daerah Belait, Haji Abdul Salleh bin Samat ketika berucap di Majlis Dikir Maulud di bangunan persatuan tersebut Jalan Nakhoda Ragam, Kuala Belait.

Beliau bagi pihak Persatuan Warga Emas memohon daripada semua pihak agar dapat sama-sama memberikan sokongan dan dorongan bagi melaksanakan apa jua projek yang akan dilaksanakan oleh persatuan.

Majlis Dikir Maulud diselenggarakan dengan sembang Maghrib dan Isyak berjemaah yang diimamkan oleh Imam Masjid Kampung Pandan, Awang Said bin Haji Md. Yassin. Turut hadir di majlis tersebut ialah Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohd. Abdoh bin DSS Haji Abdul Salam.



ISLAMIC DEVELOPMENT BANK OF BRUNEI BERHAD *Teman Kewangan Biskita*

Kepada semua pelanggan Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB) yang mempunyai 'Akaun Konvensional' (bukan mengikut Konsep Islam).

Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB) telah sempurna ditukar kepada bank Islam sepenuhnya pada 1 Julai, 2000 dengan memberikan semua perkhidmatan dan produk-produk yang selaras dengan prinsip Islam berasaskan Syariah. Walau bagaimanapun, IDBB masih memerlukan kerjasama daripada para pelanggan yang budiman bagi memastikan proses di atas dapat berjalan lancar.

Untuk perhatian semua pelanggan Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB), yang mempunyai 'Akaun Konvensional' supaya dapat memberikan kerjasama bagi menukarkan semua akaun biskita (sama ada Akaun Simpanan, Semasa, Pelaburan atau Akaun Pinjaman) sebelum akhir bulan Ogos 2001. Ini adalah bagi membolehkan bank ini memberikan perkhidmatan dan produk-produk yang **berasaskan prinsip Islam**.

Sukacita memaklumkan kepada para pelanggan supaya akan dapat berhubung terus di cawangan-cawangan yang berkenaan.


Tarikh penukaran untuk Akaun Konvensional kepada Akaun Islam pada:

Tarikh akhir : 31 Ogos, 2001

Masa : Waktu Pejabat IDBB

Bertempat : Ibu Pejabat IDBB, Tingkat 1 Corporate Banking dan Cawangan IDBB Kuala Belait, Tingkat 1

Dalam Diam Aku Mencintaimu ...



OLEH
NONITAHANI
JOHAN

C
E
R
P
E
N

SUHAILA mengeluh lagi untuk kesekian kalinya, dia semakin resah dan keliru dengan keadaan. Detik dan ketika itu dia benar-benar ingin menangis agar apa yang selama ini tersimpan jauh di lubuk hatinya terlerai. Masih terbayang jelas di ruang matanya seraut wajah seorang lelaki yang amat disayangi dulu kini mungkin sampai bila-bila ... dia sendiri tidak pasti kenapa dia mesti menyayangi lelaki itu apa yang dia tahu lelaki itu terlalu istimewa untuknya.

Dia masih ingat pertama kali dia berjumpa dengan Haris, dia sudah mula menyukai lelaki itu ... baginya Haris terlalu istimewa ... kalaulah dia tahu pertemuannya dengan Haris hanya akan membawa luka dan pedih yang berpanjangan, dia lebih rela tidak pernah berjumpa dan mengenali seorang insan bernama Haris. Tapi dia terpaksa akur dengan ketentuan Ilahi, pasti ada hikmah di sebalik luka hatinya yang berpanjangan, dia tahu pasti ada sesuatu yang tersirat di sebalik yang tersurat. Bukannya dia sengaja ingin mengeluh atau menyesali takdir, hanya kadang-kadang dia tidak tahan menanggung sakit dan sebak di hatinya ... dia sedar dia hampir kalah oleh perasaan. Semakin hari, luka di hatinya semakin bertambah, kerana perasaannya terhadap Haris semakin mendalam, sedangkan lelaki itu sendiri tidak pernah pun mempunyai sedikit perasaan terhadapnya.

Segalanya bermula setahun yang lalu, ketika dia mula menyedari yang dia mempunyai perasaan terhadap Haris yang dijumpainya sepiintas lalu. Inilah untuk pertama kalinya dia menyimpan perasaan terhadap seseorang sedangkan dia langsung tidak tahu apa-apa mengenai lelaki itu. Benarlah kata orang, cinta itu buta. Rasanya tidak dapat diterima kalau dia menyimpan perasaan pada orang yang asing baginya, tapi hakikatnya terpaksa juga dia terima. Peritanya memendam perasaan hanya Tuhan yang tahu ... dia amat resah. Suhaila tahu kegelisahannya tidak akan berakhir selagi segala kemelut di dalam hatinya tidak diluahkan. Dia tidak sanggup untuk terus memendam rasa dan terluka seorang diri sedangkan Haris sendiri tidak tahu-menahu tentang hal ini. Untuk berterus terang dia terpaksa mengumpul segenap keberanian yang ada padanya ... Dia masih ingat betapa malunya dia ketika berhadapan dengan Haris ... Sesungguhnya dialah yang mengatur perjumpaan itu. Dia dapat merasakan betapa Haris sebenarnya tertanya-tanya tentang tujuan Suhaila untuk berjumpa itu. Lama Suhaila terdiam mengumpul kekuatan ... akhirnya terluah jua kata-kata itu ... dia berterus-terang tentang perasaannya ... mung-

kin Haris terkejut ... betapa tidak, sebelum ini dia langsung tidak mengenali Suhaila.

Detik dan ketika itu betapa dia rasakan harga diri dan egonya tercampak jauh ke tempat yang paling rendah. Tapi apa pun dia terpaksa menerima risiko, sekali dia membuat keputusan akan tetap dia teruskan, dia tidak akan berhenti separuh jalan, alang-alang sakit, biarlah orang yang membuatkan dia terluka tahu tentang perasaannya. Bagi Suhaila, kalau dia berani menyimpan perasaan, maka dia juga mesti berani untuk kecewa, apa pun risikonya dia sanggup menanggung.

Dia menghargai kejujuran Haris padanya, walaupun dia terluka dengan pengakuan jujur itu, paling tidak dia mengetahui perkara sebenarnya. Lelaki yang membuatkan Suhaila sampai menjatuhkan egonya memang seorang lelaki yang berani. Dia berterus terang yang dia sebenarnya menyimpan perasaan terhadap orang lain. Walau sakit, walau perit dia terima. Tidak terlintas langsung di hatinya untuk mempersalahkan Haris. Bukan salahnya kalau dia menyimpan perasaan terhadap orang lain dan bukan pula salah Suhaila, kalau dia menyimpan perasaan terhadap Haris. Tiada siapa yang

pinta keadaan ini.

Suhaila tetap teruskan hidup dengan tabah walaupun dia tidak lagi seriang dan seceria dulu. Dia tahu dia mesti melupakan Haris, walau apa pun caranya. Hanya mampukah Suhaila menghapuskan nama lelaki yang terlanjur mendapat tempat istimewa di hatinya?

Duka di hati hanya mampu diluahkan pada sahabat yang dipercayainya, Hadi. Tidak terdaya hendak ditanggungkan seorang diri. Setiap kali dia memerlukan, Hadilah yang selalu ada di sisinya. Betapa dia amat berterima kasih pada lelaki itu, yang sanggup mendengar luahan hatinya yang terluka itu.

Suhaila termenung mengimbas kembali percakapan-

nya dengan Hadi dulu. Katanya, satu masa nanti Haris akan datang padanya, tapi Suhaila tidak percaya. Dia tahu Hadi hanya ingin menyenangkan hatinya. Dalam setiap hal, Hadilah orang yang selalu memberinya semangat dan dorongan. Dia benar-benar menghargai setiap nasihat yang diberikan. Jauh di sudut hatinya, Suhaila menganggap Hadi sebagai seorang kawan karibnya.

"Suhaila, aku benar-benar kagum pada keberanianmu, dalam dunia ni berapa ramai perempuan yang berani berterus terang tentang perasaan mereka. Banyak orang yang lebih sanggup terluka seorang diri daripada berterus terang. Tapi kau benar-benar seorang yang berani. Kalau akulah yang jadi Haris, walaupun sebelum ini aku langsung tidak pernah mempunyai perasaan mungkin pada saat kau berterus terang itu pun aku boleh jatuh hati dan sukakan engkau," luah Hadi suatu masa dulu.

Waktu itu, Suhaila hanya mampu tersenyum pahit. Apa pun dia tahu yang Hadi bukan Haris. Tiada tempat untuknya di hati lelaki itu. Hadi selalu mendoakan semoga satu masa Suhaila akan bersama Haris. Entahlah dia sudah tidak berani berharap lagi....

Hadi memang ikhlas men-

doakan kebahagiaan Suhaila, orang yang diam-diam disayanginya. Tiada terlintas langsung di hatinya untuk mengambil kesempatan di saat ini, walaupun dia sedar yang ketika ini mereka amat rapat, namun tidak seekali dia cuba memikat hati gadis itu. Dia sedar dirinya siapa, apa yang dia mahu hanya agar suatu masa Suhaila bahagia bersama Haris. Dia faham betapa peritanya perasaan gadis itu, amat sakit menyimpan perasaan pada orang yang sedang menyimpan perasaan pada orang lain. Bagaimana sakit dan peritanya perasaan Suhaila, begitu jugalah perit dan seksanya perasaan Hadi yang terhiris mengenangkan gadis yang diam-diam disayangi menaruh hati pada orang lain. Mungkin Suhaila lebih beruntung kerana setiap kali dia memerlukan seseorang untuk meluahkan perasaan, setiap kali itu jugalah dia boleh menceritakan segala-galanya pada Hadi. Sedangkan Hadi, kepada siapalah dia dapat menyuarakan sebak dan pedihnya menyayangi seseorang yang selalu ada di sampingnya tetapi tidak pernah pun menyedari betapa sayangnya Hadi padanya. Apa yang Suhaila tahu, hanya Harilah lelaki yang mendapat tempat

di hatinya, sedangkan bagi Hadi pula hanya Suhailalah yang bertakhta di hatinya.

Suhaila tidak pernah mengetahui yang Hadi menyimpan perasaan padanya. Baginya Hadi hanyalah seorang teman yang memahami perasaannya yang terluka. Dia tidak sedar setiap kali dia menceritakan betapa sayang dan cintanya dia pada Haris, setiap kali itu jugalah perasaan Hadi terusik. Dia langsung tidak perasaan betapa sebak dan dukanya hati Hadi setiap kali dia menyebut nama lelaki itu.

Kadang-kadang Hadi terasa yang dirinya begitu bodoh. Kenapa mesti dia menipu dirinya sendiri, menasihati Suhaila agar bersabar dan menunggu Haris sedangkan dia memendam perasaan sendirian? Bukannya dia sengaja untuk menyembunyikan perasaannya selama ini, bukan pula dia tidak berani untuk berterus terang tapi apalah gunanya dia berterus terang sedangkan dia tahu hati dan perasaan Suhaila hanyalah untuk Haris. Dia tidak mahu dengan berterus terang hanya akan merosakkan persahabatannya dengan Suhaila. Dia tidak sanggup kehilangan Suhaila sebagai kawannya. Walau pedih, dia tetap tabah dan berharap satu masa luka di hatinya akan terubai jua. Entah bila, dia sendiri tidak pasti. Hadi sedar setiap kali dia berdepan dengan Suhaila, setiap kali itu jugalah dia tahu, betapa istimewanya gadis itu baginya. Betapa bodohnya Haris melepaskan orang yang benar-benar menyayanginya, satu masa dia pasti akan menyesal.

Lihat muka 13

SUHAILA tidak pernah mengetahui yang Hadi menyimpan perasaan padanya. Baginya Hadi hanyalah seorang teman yang memahami perasaannya yang terluka. Dia tidak sedar setiap kali dia menceritakan betapa sayang dan cintanya dia pada Haris, setiap kali itu jugalah perasaan Hadi terusik. Dia langsung tidak perasaan betapa sebak dan dukanya hati Hadi setiap kali dia menyebut nama lelaki itu.

PUISI PUISI PUISI

APA KHBAR ORANG KITA?

*Apa khabar orang kita?
baik, bagus semua
alhamdulillah
di sini orang kita selalu berkata
buat itu tidak mengapa asal tidak bahaya.*

*Orang kita
selalu meluahkan kata-kata
tapi ada juga terlupa untuk menjaga lidah
mereka
hingga diri terguris luka.*

*Orang kita selalu lupa
entah tak tahu sebab apa
yang asas menjadikan kita alpa
bukankah dari tanah melata
yang kita injak-injak belaka
walhal kita akan ditanya di dalamnya.*

*"Ma Rabbuka?"
"Ma Nabiiyuka?"
"Ma Imammuka?"
"Ma Dinnuka?"*

*Tiada teman bicara
tiada lagi kekasih untuk bermanja
tiada lagi guru untuk mengajar
tiada rakan untuk bersua muka
tiada anak untuk bersemenda.*

*Yang ada amal solih
yang dikerjakan di dunia
dialah teman
dialah sahabat
menerangi kubur kita.*

*Orang kita janganlah lupa
ingatlah masa muda sebelum tua
masa senang sebelum sibuk
masa kaya sebelum papa
masa sihat sebelum sakit
masa hidup sebelum ajal menjelma
itulah pesan junjungan Nabi kita.*

*Orang kita ubaya-ubaya
kita punya agama, raja wajib dijaga
jadilah hamba Allah pembela agama
agar di Syurga tempat kita semua
Aamin.*

Hilmi Halim

MENARI-NARI DI LAUTAN GELOLA!

*Kita masih saja
menari-nari di lautan gelora
mengikut irama laut
mengikut irama angin
dengan mata dan telinga tertutup
belajar dan menjadi semakin pintar.*

*Menari-nari di lautan gelora
hingga baju dan kain basah
dipanah matahari
ia kering semula
dan kita masih mahu
terus menari-nari di laut gelora
semakin asyik dan jauh
di tengah samudera
kita semakin dewasa!*

*Esok kita akan terus
menari-nari lagi
di lautan luas
atau tenggelam di bawah gelombang.*

Senja Kelabu

Dari muka 12

Semalam Hadi hampir tersentak bila tiba-tiba Suhaila mengatakan yang Haris datang menjumpainya. Hampir dia tidak percaya mendengarnya. Menurut Suhaila, Haris sememangnya sudah lama ingin bercakap dengannya tapi tiada kesempatan untuk itu. Hanya kali ini dia terserempak dengan Suhaila. Paling tidak disangka bila Haris berterus terang tentang perasaannya.

"Mungkin apa yang aku cakap ni dah terlambat tapi apa pun aku mahu kau tahu yang aku sukakan kau. Dulu memang benar aku suka orang lain, tapi itu semua dah berlalu. Siapa yang aku suka dulu tak penting lagi, yang penting siapa yang aku suka masa ni," Haris merenung wajah Suhaila yang terpaksi diam di depannya.

Sungguh, dulu dia memang langsung tidak pernah menyimpan perasaan pada Suhaila. Apa lagi ketika itu dia menyimpan perasaan pada orang lain. Tapi dia benar-benar kagum dengan keberanian Suhaila berterus terang padanya. Ketika itu barulah dia menyedari ada sesuatu yang begitu istimewa pada Suhaila yang tidak ada pada orang lain. Dia begitu jujur, begitu berani dan dia tidak ragu betapa dalam perasaan gadis itu padanya. Entah bila baru dia menyedari yang dia mula menyukai Suhaila, dia sendiri tidak pasti. Apa yang dia tahu, Suhaila begitu istimewa. Tidak terniat langsung di hatinya untuk memainkan perasaan gadis itu, tidak pula terlintas di hatinya untuk bersimpati pada Suhaila. Perasaan yang ada di hatinya amat murni dan tulus. Oleh itulah kini dia mengambil keputusan untuk berterus terang walaupun dengan mengorbankan egonya sendiri, dia tidak kisah lagi, walaupun dia terpaksa menanggung malu berterus terang pada orang yang pernah dikecewakannya dulu. Baginya ada yang lebih penting daripada mempertahankan egonya.

Suhaila termenung. Langsung tidak pernah terfikir di hatinya yang akhirnya Haris akan datang kepadanya. Hanya dia rasa sudah terlalu keliru, dia memang menyayangi Haris, tetapi terguris hatinya setiap kali dia ingat yang Haris pernah mengecewakan dirinya kerana perempuan lain. Ikutkan hatinya memang dia tidak mahu menerima Haris walau di hatinya masih terselit rasa sayang. Entahlah, dia sendiri tidak tahu kini.

"Sebelum kau buat keputusan, fikirkan dulu beberapa kali. Apa yang terjadi

dulu, anggap saja sebagai pengajaran. Untuk apalah dikenang kisah lalu, itu hanya akan mengeruhkan keadaan. Dulu, masa ini hanya Harislah orang yang kau sayang, apa lagi, teruskanlah," sebak di hati cuba dikawal agar tidak dikesani oleh Suhaila.

"Entahlah aku sudah bosan mengharap, kadang-kadang aku mahu Haris rasakan apa yang aku rasa. Aku mahu dia merasa betapa sakitnya perasaanku dulu ..."

"Kalau kau buat macam tu, satu masa engkau jugalah yang akan menyesal. Apa gunanya kau buat macam tu, nanti kamu juga yang merana. Janganlah cuba menipu perasaan sendiri, kau tahu kan yang sehingga kini kau masih tidak dapat melupakan Haris? Engkau mesti menghargai kejujuran Haris yang sanggup menjatuhkan egonya untuk berterus terang tentang perasaannya. Bukan senang nak buat macam tu ..."

"Mungkin sebenarnya Haris kasihkan aku atau dia hanya kecewa kerana tidak dapat bersama dengan orang yang disayanginya dulu."

"Suhaila, cubalah fikir dengan teliti, kalau dia hanya kasihkan engkau, dari dulu lagi dia sudah menerima engkau walaupun sebenarnya dia tiada perasaan. Tak payah tunggu sampai kini baru Haris nak berterus terang, mungkin benar dia kecewa kerana tidak dapat bersama dengan orang yang disayangi dulu, tapi seperti katanya, siapa yang disayanginya dulu dah tak penting lagi. Yang penting, masa ini dia hanya sayangkan engkau seorang saja," beria-ia benar Hadi menasihati agar Suhaila tidak terlalu ikutkan perasaan yang kelak akan dikesalnya seumur hidup.

Dia tidak sanggup membiarkan Suhaila merana hanya kerana terlalu kecewa dengan keadaan dulu, dia tahu Suhaila enggan melanggar kata-katanya sendiri, dia pernah berazam untuk melupakan Haris, tapi apalah gunanya dia merana hanya sekadar ingin mengotakan apa yang pernah dikatakannya dulu. Sesungguhnya ada yang lebih penting daripada ego dan memegang prinsip.

"Fikirkan sekali lagi, jangan sampai menyesal di kemudian hari. Apa gunanya mempertahankan ego dan memegang prinsip kalau kamu sama-sama merana dan memendam perasaan. Jangan kerana kisah dulu membuatkan kau terniat hendak membalas pada Haris, semua tu hanya akan melukakan hatimu sendiri. Aku cakap macam ni semata-mata kerana aku mahu lihat engkau bahagia, tak sanggup aku biarkan kau merana di kemudian hari," bergetar suara Hadi me-

"SEBELUM kau buat keputusan, fikirkan dulu beberapa kali.

Apa yang terjadi dulu, anggap saja sebagai pengajaran. Untuk apalah dikenang kisah lalu, itu hanya akan mengeruhkan keadaan. Dulu, masa ini hanya Harislah orang yang kau sayang, apa lagi, teruskanlah," sebak di hati cuba dikawal agar tidak dikesani oleh Suhaila.

nahan perasaan, sesungguhnya tiada yang lebih penting daripada melihat orang yang disayanginya bahagia, dia sanggup korbakan apa saja asal Suhaila bahagia. Biarlah hanya dia seorang yang tahu tentang perasaannya itu, biar segala-galanya tersembunyi dan terkubur jauh di lubuk hatinya yang sepi.

Suhaila benar-benar terharu, tidak diduganya begitu penting sekali kebahagiaan-nya buat Hadi. Dalam diam dia mendoakan agar Hadi nanti dapat bersama dan hidup bahagia dengan orang yang disayanginya. Entah siapalah orang yang begitu bertuah yang akan mendapat tempat di hati Hadi? Dia tidak pernah tahu. Hadi tidak pernah menyebut orang yang begitu bererti dalam hidupnya, malah jarang sekali bercerita tentang hal itu. Semuanya disimpan hanya untuk dirinya sendiri. Dulu pernah juga Suhaila bertanya siapa orang yang begitu disayangi oleh Hadi, tapi lelaki itu enggan menjawab. Entahlah, dia hanya berharap yang satu masa Hadi akan dapat bersama dengan gadis idamannya.

Suhaila semakin resah. Dia cuba menyelami hatinya sendiri, mungkinkah dia akan menemui bahagia kalau dia mengecewakan Haris hanya dengan alasan untuk mengotakan kata-katanya dulu? Sanggupkah dia melepaskan orang yang disayanginya hanya kerana luka semalam? Apa pun dia tahu kalau dia melukakan hati Haris, bererti dia juga melukakan hatinya sendiri, sayangnya sudah berakar umbi di dalam hati, tiada lagi tersisa ruang untuk orang lain di hatinya.

Hari ini adalah detik penentuan, ia sudah mengutar pertemuan dengan Haris, entah dia sendiri tidak pasti dengan dirinya sendiri. Lama dia terdiam di depan Haris yang setia menanti jawapan, Haris amat resah, namun dia cuba menguatkan semangat-

nya, dia sedia menerima apa saja jawapan Suhaila ... Mungkinkah dia sudah terlambat? Atau mungkin Suhaila sudah mempunyai pilihan hati ... Jawabannya hanya Suhaila yang tahu. Dia tahu Suhaila pernah terluka tapi bukan dia senghaja. Waktu itu dia lebih mementingkan perasaannya sendiri, dia sanggup melukakan hati Suhaila kerana orang lain. Tapi kini, dia mula sedar sebenarnya dia lebih menyukai dan menyenangi Suhaila daripada gadis itu sendiri. Walaupun dia tidak dapat bersama dengan gadis itu, Haris langsung tidak merasa kecewa. Entahlah. Kini dia amat takut untuk mendengar jawapan daripada orang yang dulu pernah dikecewakannya, alangkah terkilan dan pedihnya hati andainya sudah tiada lagi tempat untuknya di hati Suhaila

Suhaila masih terdiam, perasaannya bercampur aduk, debar di dadanya semakin kuat. Detik itu dia sedar tiada lelaki lain yang dapat menggantikan tempat Haris di dalam hatinya. Haris merenung dengan tajam, akhirnya Suhaila mengangguk. Dia tidak terdaya hendak bersuara. Bagi Haris itu sudah lebih daripada cukup. Dia mengukir senyuman bahagia, dan perlahan tangan Suhaila digenggamnya erat. Air mata Suhaila jatuh akhirnya.

Hadi tersenyum pahit. Namun dia puas hati, paling tidak dia tahu Suhaila pasti gembira bersama Haris. Ah, alangkah bertuahnya Haris. Tiada apa lagi yang tersisa untuknya sekarang ... dia menghela nafas, pedih dan sakit mendengar harapan Suhaila agar suatu masa dia akan dapat bersama dengan orang yang disayanginya selama ini. Suhaila hanya tahu Hadi menyimpan perasaan pada seseorang, langsung tidak terlintas di hatinya bahawa orang yang ada di hati Hadi adalah dirinya sendiri. Peritnya mencintai seseorang dalam diam hanya Tuhan yang tahu.

وَفِي سَبِيلِ بَلِيَا اِنْتَارِ اِنْسَا



Fostering Youth Solidarity
**INTERNATIONAL YOUTH CAMP
VISIT BRUNEI YEAR 2001**

5th August - 11th August 2001

INTERNATIONAL YOUTH CAMP VISIT BRUNEI YEAR 2001



SILVER JUBILEE ANDUKI RECREATION PARK

Fostering Youth Solidarity

5th August - 11th August 2001

Venue : Silver Jubilee Anduki Recreation Park
Anduki, Seria



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Haji Harun bin Haji Ismail menyampaikan hadiah kepada seorang pelajar cemerlang dalam peperiksaan tahun lalu. - Gambar oleh Dk. Hj. Saidah PHOA.



AWANG Ashfaq Hussain, pelajar prauniversiti yang mendapat pencapaian terbaik dalam mata pelajaran Kimia (kiri), sementara gambar kanan, Dayang Sophia Phang You Sen yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan GCE Peringkat 'A' tahun lalu dengan mendapat pangkat A dalam mata pelajaran Urusan Perdagangan dan Matematik dan B dalam mata pelajaran Akaun. - Gambar oleh Dk. Hj. Saidah PHOA.

Ibu bapa nadi penggerak maju, mundur pelajaran anak-anak

Oleh
Dk. Hj. Saidah PHOA

KUALA BELAIT, 28 Mei. - Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Harun bin Haji Ismail menyifatkan ibu bapa sebagai nadi penggerak kepada maju mundur pembelajaran dan pelajaran anak-anak mereka.

Dalam waktu yang sama, mereka juga memainkan peranan penting dalam mendisiplinkan anak-anak mereka kerana pendidikan asas pelajar-pelajar bermula dari rumah yang menjaga, mendidik, memelihara dan mengasuh mereka sejak daripada kecil lagi.

"Disiplin merupakan kriteria yang penting perlu dititai, dijaga dan dipelihara kerana ianya menentukan budaya hidup pelajar-pelajar yang akan mencerminkan imej bangsa dan negara," katanya di Majlis Penyampaian Anugerah Pelajar Cemerlang Sekolah Menengah Sayyidina Ali tahun 2000 yang

diadakan di dewan sekolah berkenaan.

Selubungan dengan itu, beliau menekankan kepada pelajar-pelajar supaya memantapkan disiplin diri bagi menghadapi cabaran dunia globalisasi ke arah mencapai kejayaan dengan bersikap proaktif dan berdaya saing.

Katanya lagi, jika pelajar-pelajar tidak dapat mengukuhkan jati diri, mereka akan mudah terlibat dengan perkara-perkara yang boleh merosakkan maruah diri, harapan negara akan pudar, kemajuan negara akan tergendala dan keamanan negara tidak akan terjamin.

Untuk itu katanya, peranan ibu bapa dalam memantau kegiatan anak-anak mereka secara total amat penting supaya anak-anak mereka tidak terlibat dalam gejala sosial yang bertentangan dengan undang-undang negara seperti yang tersiar dalam media-media tempatan.

Katanya, sebarang masalah persekolahan yang membabitkan anak-anak mereka termasuk masalah disiplin, masalah hubungan dengan guru dan perkara yang berkaitan dengan sekolah, hendaklah dilakukan dengan cara bermuzakarah dengan pihak sekolah seperti mana yang dituntut oleh agama Islam.

"Trend ibu bapa atau orang ramai ketika ini menggunakan media sebagai tempat mengadu masalah mereka tidak akan menyelesaikan masalah anak-anak mereka," jelasnya.

Menyentuh mengenai keputusan cemerlang yang diperolehi pelajar-pelajar itu katanya, tidak akan berhasil tanpa adanya sokongan padu dan keprihatinan ibu bapa dan penjaga mereka serta tanpa adanya dedikasi, kepakaran dan profesionalisme daripada guru-guru yang mencurahkan masa, tenaga dan ilmu pengetahuan mereka bagi memastikan pelajar-pelajar di bawah jagaan mereka mencapai kejayaan yang dihasratkan dan diidamkan.

Beliau seterusnya mengingatkan pelajar-pelajar supaya bersyukur dan berterima kasih kepada ibu bapa dan penjaga mereka, kerana tanpa mereka pelajar-pelajar berkenaan tidak akan memperolehi keputusan sedemikian.

"Apa yang penting, pelajar-pelajar tersebut akan terus mengekalkan kecemerlangan mereka supaya mereka tidak mempunyai perasaan goyah, terlalu yakin dan menanti mandat yang dihasratkan oleh ibu bapa dan penjaga mereka," nasihatnya.

Beliau seterusnya mengemukakan sumbangan orang ramai bagi meningkatkan taraf pendidikan di negara ini, terutama dalam meningkatkan bahan-bahan sumber untuk mengajar serta sumbangan buku-buku pelajaran.

Katanya, dengan cara sedemikian, orang ramai dan pihak sekolah menjadi rakan kongsi bagi sama-sama melabur aset negara yang amat berharga untuk kemakmuran dan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam.

Sikap proaktif mesti ada dalam diri pelajar

KUALA BELAIT, 28 Mei. - Pengetua Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Awang Koh Hong Puah berkata, bagi mencapai kejayaan, disiplin diri yang mantap, sikap proaktif dan kebolehan menilai yang positif juga di luar sekolah.

Selain itu katanya, sikap hormat-menghormati satu sama lain hendaklah dipraktikkan sebagai budaya kehidupan setiap masa, bukan hanya di dalam sekolah tetapi juga di luar sekolah.

Katanya, walaupun guru-guru berupaya membimbing semua pelajar ke arah kecemerlangan, tetapi sumber utama kejayaan seseorang pelajar itu bergantung rapat dengan disiplin diri pelajar.

Namun demikian katanya, tanpa adanya sokongan, dorongan dan pengorbanan ibu bapa dan penjaga pelajar, kejayaan pelajar-pelajar akan terhad dan mungkin juga tidak tercapai.

Oleh yang demikian, beliau berharap usaha ibu bapa berkenaan akan dapat dicontohi oleh ibu bapa dan penjaga pelajar yang lain bagi memastikan kejayaan anak-anak mereka yang dianggap sebagai aset negara.

Beliau seterusnya berkata, sebagai penghargaan pihak sekolah terhadap ibu bapa yang telah bekerja keras membantu anak-anak mereka sehingga berjaya, pihaknya akan melancarkan beberapa program khas bagi ibu bapa dan penjaga pelajar.

Selain itu, sesuai dengan statusnya sebagai sekolah menengah yang menyediakan pengajian ke peringkat universiti di Daerah Belait, beberapa program kemasyarakatan juga akan diunkayahkan mengikut kemampuan sekolahnya di masa akan datang.

Beliau mengemukakan perkara tersebut dalam ucapan alu-aluannya di Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang sekolahnya tahun 2000 yang diadakan di dewan sekolah tersebut.

Di majlis itu, tiga orang pelajar menerima Anugerah Skim Bantuan Kewangan Sekolah yang ditaja sepenuhnya

Oleh Dk. Hj. Saidah PHOA

nya oleh seorang usahawan di Daerah Belait, Awang Lai Foo Heng.

Menurut pengetua sekolah, skim berkenaan adalah usaha sama pihak sekolah dan orang awam yang berkesanggupan menaja persekolahan pelajar-pelajar yang tidak mampu membayar kos persekolahan mereka.

Katanya, program tersebut merupakan satu daripada Tekad Pemedulian Sekolah kepada pelajar-pelajar yang memenuhi syarat-syarat dan ciri-ciri yang diperlukan.

Beliau berpendapat, sumbangan yang diberikan oleh Awang Lai itu sebagai sokongan ke arah meningkatkan taraf pendidikan di kalangan rakyat di negara ini, sebagaimana hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Pendidikan untuk menjadikan pendidikan untuk semua.

Melalui bantuan itu juga katanya, ianya telah dapat membantu pelajar-pelajar berkenaan meneruskan pengajian mereka di peringkat prauniversiti di sekolah berkenaan.

Selubungan dengan itu, beliau berharap orang ramai terutama usahawan-usahawan akan dapat sama-sama memberikan sumbangan yang berkecukupan bagi membantu mereka yang memerlukan bantuan sepenuhnya.

Di majlis itu, seramai 14 pelajar yang memperolehi keputusan cemerlang dalam Peperiksaan Penilaian Menengah Bawah (PMB), BGCE Peringkat 'N', GCE Peringkat 'O' dan 'A' tahun lalu menerima hadiah yang disampaikan oleh tetamu kehormat, Pegawai Daerah Belait.

Manakala 33 pelajar menengah bawah, menengah atas dan prauniversiti yang mencapai keputusan terbaik dalam peperiksaan akhir tahun serta tiga orang pelajar yang bergiat aktif dalam bidang kokurikulum juga

menerima hadiah masing-masing.

Dalam temu bual wakil PELITA BRUNEI dengan seorang pelajar prauniversiti yang memperolehi pencapaian terbaik dalam mata pelajaran kimia, Awang Ashfaq Hussain menyifatkan kejayaannya itu merupakan hasil dorongan, galakan dan usaha positif ibu bapanya yang mengharapakan kejayaannya dalam pelajaran.

"Di rumah, selain mempunyai bilik pelajar yang dikhaskan, saya dan adik-adik sentiasa cabar-mencabar untuk mendapatkan keputusan yang terbaik dalam pelajaran. Sikap yang positif ini, kami tanamkan dalam diri masing-masing supaya kami mempunyai semangat untuk belajar dan maju dalam pelajaran," katanya.

Namun begitu, anak sulung daripada tiga orang adik-beradik ini tidak menyangkal dengan adanya gabungan empat elemen, usaha pelajar untuk maju, dorongan ibu bapa, penglibatan guru-guru dan sentiasa memohon doa kepada Allah Subhanahu Wataala tentu akan menghasilkan kejayaan.

Selain itu, pengambilan makanan yang seimbang dan berkhasiat juga perlu bagi setiap pelajar untuk menjaga kesihatan tubuh badan di samping melakukan beberapa senaman ringan.

Manakala Dayang Sophia Phang You Sen yang kini bertugas di sebuah syarikat swasta sementara menunggu keputusan melanjutkan pelajaran di Universiti Brunei Darussalam, tidak mempunyai sebarang rahsia untuk maju dalam pelajaran.

Bagaimanapun menurutnya, setiap pelajar hendaklah bijak membahagikan masa untuk berehat dan mengulang kaji pelajaran. Di samping itu katanya, makanan yang berkhasiat dan tidur secukupnya juga perlu bagi setiap pelajar supaya badan sentiasa sihat dan cergas.

Selain itu, ketika menjawab kertas soalan katanya, setiap pelajar perlu bersikap tenang dan faham maksud soalan yang diajukan. Dari itu ketenangan minda amat penting ketika menghadapi peperiksaan.

HARI PENERANGAN HARI PENERANGAN

Tugas guru tempatan dan guru kontrak sama

Oleh Abd. Karim HAB



SETIAUSAHA-SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pendidikan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abu Bakar dan Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama Pengiran Dato Paduka Haji Yusof (kanan) dan Timbalan Pengarah Kewangan, Awang Metasan bin Momin ketika memberikan penerangan tepat mengenai segala permasalahan yang timbul dan bersangkut paut dengan Kementerian-kementerian tersebut di Sesi Dialog dan Perbincangan bersama para penduduk Mukim Berakas 'A' dan 'B' sempena Hari Penerangan. - Gambar oleh Hamadi HM.

Perniagaan secara kecil-kecilan digalakkan

Oleh Abd. Karim HAB

BERAKAS, 9 Jun. - Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim berkata, pihak kerajaan melalui Jabatan Daerah Brunei dan Muara memang menggalakkan kegiatan perniagaan secara kecil-kecilan melalui pembinaan gerai-gerai di setiap mukim.

Menurut beliau, setakat ini sebanyak 11 mukim telah mempunyai gerai masing-masing termasuk di Mukim Berakas 'A' dan Mukim Berakas 'B'.

Di Mukim Berakas 'A', gerai-gerai berkenaan dibina di Kampung Lambak 'B'. Manakala di Mukim Berakas 'B', gerai-gerai itu dibina di Kampung Manggis.

Gerai-gerai yang dibina di Kampung Lambak sebanyak 15 petak tahun 1996 dan pernah disisakan untuk menjalankan perniagaan, tetapi tidak mendapat sambutan, jelas beliau, akan diusahakan untuk beroperasi semula pada 7 Julai depan.

"Jika ia tidak berjaya di masa lampau, tidak semestinya ia akan terus gagal. Sehubungan itu, Jabatan Daerah Brunei dan Muara akan mengambil maklum dan mengambil tindakan mengenai kekurangan dan keperluan yang masih belum ada di sana dan akan melihat kedudukan perkembangannya," jelas beliau.

Beliau menyatakan demikian bagi mengulas masalah yang dibangkitkan oleh Penghulu Mukim Berakas 'A', Awang Haji Ahmad bin Haji Hussain semasa Sesi Dialog dan Perbincangan bagi penduduk Mukim Berakas 'A' dan Mukim Berakas 'B' sempena Hari Penerangan di Jabatan Penerangan di sini.

Dato Paduka Awang Haji Dani berharap, para penduduk mukim berkenaan yang berminat untuk mengusahakan perniagaan di gerai-gerai berkenaan akan dapat menghadapi senarai mereka.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Md. Yusof; Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Haji Abdul Rahman; Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Dani dan Pegawai Tugas-Tugas Khas, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Metusan ketika hadir di Sesi Dialog dan Perbincangan bersama penduduk Mukim Berakas 'A' dan 'B'.

MASJID AKAN DIBINA DI SKIM TANAH KURNIA RAKYAT JATI LAMBAK KIRI

BERAKAS, 9 Jun. - Para Penduduk Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Lambak Kiri akan mempunyai sebuah masjid bagi kemudahan para penduduk yang kini mencapai kira-kira 5,000 orang.



SEORANG penduduk Mukim Berakas 'A' dan 'B' memberikan pandangan dan persoalan mengenai permasalahan yang timbul di mukimnya.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Paduka Haji Yusof bin Pengiran Kula berkata, pembinaan masjid berkenaan merupakan salah sebuah masjid yang termasuk dalam rancangan pembinaan masjid yang dicadangkan peruntukannya di bawah Majlis Ugama Islam dengan menggunakan zakat Asnaf Al-Gharimin.

"Pelan dan anggaran perbelanjaan telah siap dan dihidapkan kepada Majlis Ugama Islam untuk di pertimbangkan," jelas beliau ketika menjawab soalan yang diajukan oleh Ketua Kampung Lambak 'B', Mejar (B) Awang Haji Jair bin Haji Abd. Wahab, di Majlis Taklimat Penerangan bagi penduduk Mukim Berakas 'A' dan Mukim Berakas 'B' sempena Hari Penerangan di Jabatan Penerangan di sini.

Beliau dalam pada itu berharap agar apabila masjid itu siap, para penduduk berkenaan akan memakmurkannya dengan program-program takmir masjid.

Menyentuh mengenai sekolah agama di Kampung Lambak 'A' yang memerlukan pembaikan, Pengiran Dato Paduka Haji Yusof berkata, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah memohon memperbaiki perbelanjaan khas dan telah diluluskan bagi memperbaiki sekolah berkenaan termasuk Sekolah Ugama Madang. Ketika ini, pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam proses perundingan dengan Kementerian Pembangunan mengenai tender dan sebagainya.

BERAKAS, 9 Jun. - Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apang berkata, bidang tugas guru-guru tempatan dan guru kontrak adalah sama. Di segi kelayakan pula, guru-guru kontrak diambil berkhidmat berdasarkan kepakaran mereka masing-masing yang belum terdapat di kalangan anak-anak tempatan.

Bilangan guru-guru kontrak di sekolah-sekolah rendah juga adalah rendah hanya seramai 57 orang berbanding dengan guru-guru tempatan seramai 2,513 orang iaitu kira-kira 5.7 peratus.

Kementerian Pendidikan, jelas Yang Dimuliakan, amat mementingkan kualiti pendidikan. Sehubungan itu, guru-guru berijazah tidak hanya ditugaskan di sekolah-sekolah menengah tetapi juga di sekolah-sekolah rendah. Bahkan Universiti Brunei Darussalam sendiri telah mengeluarkan ramai guru-guru dalam bidang pendidikan rendah dan diarahkan untuk mengajar di sekolah-sekolah rendah.

"Kita mementingkan kualiti pendidikan. Di samping guru-guru yang mempunyai kelayakan sijil pendidikan sahaja, kita juga sudah menempatkan guru-guru yang berijazah dalam pendidikan. Jadi orang yang berijazah tidak semestinya hanya mengajar di sekolah menengah sahaja. Kita menempatkan selayaknya mengikut kelayakan orang itu," jelas Yang Dimuliakan.

Yang Dimuliakan menyatakan demikian sebagai mengulas saranan Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Haji Hitam yang menyarankan agar guru-guru kontrak ditugaskan hanya di sekolah

menengah sesuai dengan kelulusan mereka bukannya di tempatkan di sekolah-sekolah rendah.

Beliau mewakili para penduduk Mukim Berakas 'B' di Majlis Taklimat Penerangan bagi penduduk Mukim Berakas 'A' dan Mukim Berakas 'B' sempena Hari Penerangan di Jabatan Penerangan di sini.

Menurut Yang Dimuliakan, di samping guru-guru berkenaan, Kementerian Pendidikan juga mengambil khidmat guru-guru menerusi pusat pengajaran Bahasa Inggeris, CFBT yang khusus mengajar bahasa Inggeris yang menjadikan jumlah guru kontrak di sekolah rendah seramai 85 orang.

Menyentuh mengenai pertukaran guru-guru yang dikatakan dilakukan semasa para penuntut hendak menghadapi peperiksaan, Yang Dimuliakan menjelaskan bahawa perkara sedemikian sebolehnya dielakkan terutama sewaktu peperiksaan. Walau bagaimanapun dalam keadaan tertentu, langkah itu terpaksa dilakukan. Contohnya, apabila seseorang guru kontrak menamatkan perkhidmatannya dan terpaksa pula diganti oleh guru yang lain. Begitu juga bagi guru-guru baru lepasan United Kingdom, yang lazimnya tamat pengajian dalam bulan Jun akan mula bertugas dalam bulan Julai. Manakala bagi graduan Universiti Brunei Darussalam pula biasanya akan mula bertugas dalam bulan Jun sebaik sahaja selesai menduduki peperiksaan. Demikian juga bagi pasangan yang berlainan kerjaya dan jabatan apabila salah seorang daripada mereka (guru) dipindahkan menguruskan pertukaran ke tempatan yang sama yang memerlukan berurusan pula dengan jabatannya. Lazimnya urusan sedemikian akan dilakukan pada hujung tahun.

HARI PENERANGAN HARI PENERANGAN

Oleh Haji Ahat HI

BERAKAS, 9 Jun. - Pegawai dan kakitangan kerajaan yang bersara disarankan supaya sentiasa berdikari dalam menjalani kehidupan hari tua, dengan memanfaatkan faedah-faedah pendapatan yang diperoleh semasa berkhidmat tanpa bergantung kepada bantuan kerajaan.

Timbalan Pengarah Perkhidmatan Kewangan, Awang Haji Metassan bin Momin berkata, sikap berdikari itu perlu ada dan tidak boleh terus menerus mengharap pertolongan kepada kerajaan semata-mata.

Menyatakan perkara itu di Majlis Sesi Dialog dan Perbincangan dengan penduduk Mukim Berakas 'A' dan 'B' semasa Hari Penerangan anjuran Jabatan Penerangan beliau berkata, "Sikap sentiasa mengharap bantuan kerajaan hingga bersara tidak boleh diamalkan kerana kerajaan mempunyai banyak komitmen lain yang perlu dirancang untuk kemajuan negara."

"Dengan demikian, jangan membebaskan diri dengan hutang sebaliknya memanfaatkan pendapatan baksis dan bayaran pencen bulanan yang diterima itu bagi faedah hari tua," katanya.

Beliau selanjutnya menjelaskan bahawa tujuan pencen adalah untuk berehat menghadapi hari-hari tua tanpa dibebani dengan pelbagai masalah yang boleh menjejaskan kesihatan.

Semasa berkhidmat dalam kerajaan tambahnya, banyak faedah boleh diperolehi seperti skim-skim pinjaman rumah, kenderaan, dapat tambang ke luar negeri, cuti dan dapat bonus tahunan yang kesemua perkara itu merupakan yang terbaik dan tidak terdapat di kebanyakan negara.

Sehubungan itu katanya, faedah dan kemudahan tersebut patut disyukuri dan apabila sudah bersara pula mestilah sentiasa berdikari dan tidak sepenuhnya sentiasa bergantung kepada kerajaan terus-terusan.

Pesara perlu berdikari mensyukuri kemudahan yang diterima



SUASANA sesi dialog dan perbincangan dengan penduduk Mukim Berakas 'A' dan 'B' semasa Hari Penerangan anjuran Jabatan Penerangan yang dihadiri sama oleh Setiausaha-setiausaha Tetap pelbagai kementerian, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan ratusan penduduk Mukim Berakas. - Gambar oleh Hamadi HM.



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Adam bin Haji Ahmad menyampaikan sijil kepada seorang peserta yang mengikuti Kursus Tulisan Jawi bagi masyarakat Tionghoa Daerah Belait (kiri). Sementara gambar kanan, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, berinteraksi dengan seorang peserta kursus ketika beliau melawat kelas Kursus Tulisan Jawi yang sedang dijalankan. - Gambar Ihsan Miri Daily News.



AMALKAN SIKAP KERJA BERPASUKAN

Oleh Abu Bakar HAR

BERAKAS, 6 Jun. - Dayang Farahlim binti Abdul Baki telah dipilih sebagai Pegawai Kadet Terbaik Bomba setelah diumumkan di Majlis Upacara Perbarisan Tamat Latihan/Tamat Kursus yang berlangsung di Padang Kawad Pusat Latihan Jabatan Perkhidmatan Bomba, Lapangan Terbang lama di sini.

Hadir menyempurnakan majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pegawai kadet terbaik tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin.

Antara latihan dan kursus yang ditamatkan termasuklah Kursus Asas Pegawai Kadet Skwad 1/2001, Kursus Kawad dan Pentadbiran Teori 1/2001, Kursus Pancaragam, Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Kursus Asas Belantan PR24 SK-1/2001.

Menurut Komandan Pusat Latihan, Perkhidmatan Bomba, Penguasa Kanan Awang Mohd. Salleh yang tercatat dalam buku program, menasihatkan agar semua anggota yang menamatkan latihan dan kursus supaya mengamalkan sikap kerja berpasukan yang tinggi, dedikasi, berdisiplin, cekap, jujur dan amanah dalam menjalankan tugas-tugas harian.

Tambah beliau lagi, tanamkan sikap sentiasa berusaha dalam memperbaiki dan meningkatkan kebolehan serta prestasi kerja masing-masing demi mencapai kecemerlangan yang diharapkan demi memastikan jabatan tersebut berada di hadapan dari segi kemahiran dan kepakaran dalam menghadapi apa jua kecemasan dan bencana yang melanda.

Berbagai persembahan diadakan termasuklah persembahan pancaragam yang baru ditubuhkan dan pertunjukan kawad tongkat.

Dari padang kawad, majlis beralih ke dewan serbaguna jabatan tersebut bagi acara penyerahan pertauliah bagi pegawai-pegawai kadet dan kenaikan pangkat selaku Pemangku Timbalan Pegawai Balai.

Mula-mula bagi penyerahan pertauliah kepada pegawai kadet seramai 10 orang telah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Md. Yusof bin Haji Md. Hassan.

Sementara itu bagi kenaikan pangkat selaku Pemangku Timbalan Pegawai Balai seramai sembilan orang telah dikurniakan tanda pangkat dan penonongkat yang disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Mohiddin.

Pertahankan kewujudan tulisan jawi

KUALA BELAIT, 2 Jun. - Selaku rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam akan terus berusaha memelihara dan mempertahankan kewujudan tulisan jawi sebagai salah satu khazanah dan warisan bangsa yang amat berharga.

Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Adam bin Haji Ahmad seterusnya berkata walaupun kita hidup di zaman internet, zaman serba canggih dengan teknologi tinggi tetapi kita berkewajipan mengekal dan memelihara tulisan jawi dengan pelbagai cara.

Pandai menulis dan membaca tulisan jawi merupakan satu kelebihan apatah lagi bagi bukan Melayu, katanya di Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Pengakuan bagi peserta Kursus Tulisan Jawi (1) khusus bagi masyarakat Tionghoa Daerah Belait yang diadakan di Dewan Serbaguna Pejabat Dakwah di sini.

Perkara sedemikian menurutnya adalah bersesuaian dengan kedudukan Negara Brunei Darussalam yang mendaftarkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara dan mengamalkan konsep Melayu Islam Beraja.

"Kepandaian menulis jawi dengan baik boleh dijadikan mata pencarian yang menguntungkan khususnya di Negara Brunei Darussalam yang memastikan adanya tulisan jawi bagi kegunaan atau tempat-tempat tertentu," katanya.

Tambahan lagi katanya, kerajaan telah mewajibkan penggunaan tulisan jawi pada tanda-tanda bangunan kerajaan dan perniagaan, papan-papan nama, kepala surat, nama jalan dan sebagainya

Oleh Dk. Hajah Saidah PHOA

yang turut dikagumi oleh orang luar.

Katanya, kekaguman mereka bukan sahaja dari segi keupayaan kita membuat peraturan dan penguatkuasaan peraturan tersebut, tetapi yang lebih dikagumi masyarakat Brunei tanpa mengira bangsa dan agama boleh mematuhi dan menghormati dasar kerajaan mengenai penggunaan tulisan jawi dengan penuh bertanggungjawab tanpa mempertikaikan dasar tersebut.

Katanya lagi, walaupun tulisan jawi amat rapat hubungannya dengan agama Islam kerana kitab suci Al-Quran ditulis dengan huruf jawi (Arab) namun beliau berharap masyarakat Tionghoa tidak perlu bimbang mengenai bengkel tulisan jawi yang diselenggarakan bukan bertujuan memaksa mereka mempelajari tulisan berkenaan, apatah lagi memaksa mereka masuk agama Islam.

Oleh yang demikian beliau menegaskan bahawa agama Islam tidak pernah memaksa sesiapa pun memeluk agama Islam sebagai mana yang dinyatakan di dalam Al-Quran, tiada paksaan dalam agama, namun sebagai agama rasmi negara ini, pengembangan dan penyebaran ajaran agama Islam adalah wajar dilakukan dengan pelbagai cara.

"Penyebaran agama Islam ini adalah penting kepada semua lapisan masyarakat, sekurangnya untuk memperkenalkan agama Islam

sebagai agama yang mengajak manusia untuk saling hormat-menghormati, taat kepada raja atau pemerintah, bersatu padu pada menjaga ketenteraman dan keselamatan negara daripada sebarang anasir yang tidak diinginkan," jelasnya.

Menurutnya pertambahan umat Islam dari masa ke semasa bukanlah kerana orang bukan Islam dipaksa masuk Islam tetapi mereka sendiri dengan suka rela memeluk agama Islam setelah mempelajari agama Islam, bergaul dengan masyarakat Islam dan memerhati keindahan yang dibawa oleh Islam.

Di Negara Brunei Darussalam, lebih kurang 500 orang memeluk agama Islam setiap tahun. Mereka terdiri daripada pelbagai bangsa dan kepercayaan.

Wakil peserta kursus, Awang Louey William Ening berkata melalui kursus tersebut yang dilakukan secara sistematik telah dapat memberi faedah dan sumbangan yang amat besar terhadap hubungan dua hala antara masyarakat Melayu Islam dan masyarakat Tionghoa yang belum beragama Islam yang boleh merapatkan lagi perpaduan sesama rakyat dan penduduk tetap di negara ini amnya.

Beliau berharap usaha yang berwawasan tersebut akan dapat diteruskan kepada peserta lain di masa hadapan.

Seramai 15 peserta mengikuti kursus berkenaan yang dimulakan 7 April hingga 26 Mei lalu di Dewan Serbaguna Pejabat Dakwah di sini, diendalikannya oleh pegawai pusat berkenaan, Ustaz Kamal Leong Abdullah.

HARI PENERANGAN HARI PENERANGAN

Berhati-hati memilih kawan

LAMBAK KANAN, 9 Jun. - Remaja dan belia haruslah berhati-hati dalam memilih kawan terutama dalam mengharungi kehidupan di zaman dunia tanpa sempadan ini.

Isu ini merupakan antara isu yang sering melanda golongan remaja di negara ini, malahan di negara-negara luar terutama dalam permasalahan pergaulan bebas dan dadah.

Orang tua atau penjaga haruslah mengambil berat tentang pergaulan anak-anak mereka, terutama bersama siapa anak-anak mereka bergaul dan apa aktiviti-aktiviti mereka di luar rumah.

Tanpa pengawasan penjaga atau orang tua, anak-anak muda sekarang ini akan mudah terjerumus dan terpengaruh dengan aktiviti-aktiviti budaya kuning yang sekali gus akan menghancurkan masa depan anak-anak mereka.

Apa tidaknya, jika perkara ini berlaku dalam hidup mereka seperti pergaulan bebas yang menyebabkan anak-anak perempuan akan melahirkan anak di luar nikah dan akhirnya akan membuang anak yang dikandungnya, yang sekali gus meruntuhkan akhlak dan moral mereka.

Sementara itu bagi mereka yang terlibat dengan dadah, mereka bukan saja boleh merosakkan diri mereka sendiri, malahan juga boleh meruntuhkan rumah tangga dan negara.

Sebagai contoh, seorang suami akan lupa akan tanggungjawab kepada rumah tangga sehingga menyebabkan keretakan rumah tangga dan tidak kurang juga berlakunya penderaan terhadap isteri dan anak-anak.

Akibat daripada kedua-dua perbuatan yang tidak bermoral ini, mereka yang didapati bersalah akan menerima hukuman yang setimpal oleh pihak-pihak tertentu.

Sinopsis cerita tersebut merupakan gambaran daripada drama yang dipersembahkan di Malam PENTARAMA Penerangan yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan II, Kampong Lambak Kanan sempena Hari Penerangan 2001.

Antara yang hadir menyaksikan persembahan malam itu termasuklah Pengarah Penerangan, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin berserta penghulu dan para penduduk di Mukim Berakas A dan B.

Persembahan yang bercorak hiburan itu telah diserikan dengan persembahan nyanyian dan tarian serta drama yang dipersembahkan oleh artis-artis tempatan dengan diiringi oleh CAL's Entertainment Network, di samping dihiburkan dengan persembahan lawak jenaka yang disampaikan oleh pelawak

Oleh Abu Bakar HAR

veteran, Awang Zaini dan Awang Gillen.

Antara matlamat PENTARAMA tersebut diadakan ialah untuk memberi maklumat kepada orang ramai melalui persembahan hiburan yang disampaikan sesuai dengan maksud PENTARAMA itu sendiri iaitu

singkatan daripada perkataan nyanyian, tarian dan drama.

PENTARAMA merupakan persembahan pentas yang terpimpin yang berorientasikan penerangan, pendidikan dan hiburan, bagi menyampaikan mesej atau perutusan serta isu-isu semasa kerajaan kepada orang ramai yang berhubung kait dengan masalah sosial, etika kerja dan isu-isu lain.



PENGARAH Penerangan, Abd. Ghani, pegawai-pegawai dari Jabatan Penerangan berserta penghulu dan para penduduk Mukim Berakas 'A' dan 'B' ketika hadir menyaksikan persembahan Malam PENTARAMA Penerangan yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan II, Kampong Lambak Kanan. - Gambar oleh Ramli Tengah.



PENGARAH Penerangan, Abd. Ghani menyampaikan hadiah kepada seorang peserta Sukan Ria sempena Hari Penerangan (atas). Sementara gambar bawah, salah satu acara Sukan Ria yang disertai oleh orang ramai. - Gambar oleh Hamadi HM.



PERSEMBAHAN nyanyian dan tarian serta drama yang disampaikan oleh artis-artis tempatan di Malam PENTARAMA. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Sukan Ria sempena Hari Penerangan

Oleh Sahari Akim

BERAKAS, 9 Jun. - Pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan serta penduduk-penduduk Mukim Berakas 'A' dan Berakas 'B' mengadakan Sukan Ria sempena Hari Penerangan di Dewan Pengiran Setia Negara di sini.


Sukan Ria yang merupakan salah satu program sempena Hari Penerangan itu diharapkan akan dapat memupuk semangat perpaduan di samping mengeratkan tali silaturahmi serta meningkatkan lagi kemesraan antara kedua-dua belah pihak.

Penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang telah disempurnakan oleh Pengarah Penerangan, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin yang juga selaku Pengerusi Bersama Hari Penerangan, Daerah Brunei dan Muara.

Antara acara yang dipertandingkan ialah membalik cawan plastik, membalik bola ping pong ke dalam cawan plastik, memasukkan bulu tangkis ke dalam piring kertas, membalik dart serta meneka jumlah gula-gula dalam balang plastik.

Tujuan utama Hari Penerangan yang bertemakan 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat' itu ialah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai peranan dan kepentingan maklumat-maklumat penerangan yang betul, sahih dan berwibawa bagi kepentingan orang ramai untuk tujuan pembangunan dan kesejahteraan.

Acara utama pada sebelah pagi ialah Taklimat Bagi Penduduk Mukim Berakas 'A' dan Berakas 'B', manakala pada sebelah malamnya, persembahan PENTARAMA juga telah diadakan bertempat di Dewan Kemasyarakatan II, Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan.



MEMBALING dart antara acara Sukan Ria yang dipertandingkan sempena Hari Penerangan. - Gambar oleh Hamadi HM.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri merangkap Ketua Pengarah Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Awang Haji Abdul Wahab bin Juned ketika menyaksikan Majlis Menandatangani Kontrak antara Jabatan Kemajuan Perumahan yang diwakili oleh Pengarahnya, Awang Haji Jumin dengan sebuah syarikat yang terpilih melaksanakan tiga buah pakej pembinaan perumahan Kelas 'D' Skim Rancangan Perumahan Negara Kampong Lambak Kanan dan Kampong Rimba, Gadong. - Gambar oleh Masri Osman.

Rancangan Perumahan Negara : 221 unit perumahan dalam pembinaan

BERAKAS, 30 Mei. - Tiga buah syarikat tempatan telah dipilih untuk melaksanakan tiga buah pakej mengandungi 44 unit perumahan Kelas 'D' Skim Rancangan Perumahan Negara di Kampong Lambak Kanan dan Kampong Rimba, Gadong.

Ketiga-tiga syarikat yang terdiri dari Kontraktor Metrobina & Partners Sendirian Berhad, Borneo United Sendirian Berhad dan Sarufizal Construction Sendirian Berhad, telah menandatangani kontrak pembinaan perumahan tersebut dengan disaksikan oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri merangkap Ketua Pengarah Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Awang Haji Abdul Wahab bin Juned di Dewan Serbaguna, Jabatan Kemajuan Perumahan.

Menurut Pengarah Kemajuan Perumahan, Awang Haji Mohd. Jumin, kontrak pembinaan bagi tiga daripada 11 pakej projek pembinaan perumahan

Oleh Haji Ahat HI

an itu dikendalikan oleh Jabatan Kemajuan Perumahan di bawah Skim Projek Pemulihan Ekonomi, Majlis Ekonomi Negara Brunei Darussalam.

"Melalui projek ini, insya-Allah Jabatan Kemajuan Perumahan akan dapat menghasilkan sejumlah 211 unit perumahan yang terbahagi kepada tujuh projek yang akan menghasilkan 140 unit perumahan di Daerah Brunei dan Muara, termasuk tiga projek yang menghasilkan 44 unit perumahan dan empat projek yang akan menghasilkan 71 unit di Daerah Belait yang kesemuanya projek-projek ini akan dimulakan tahun ini," jelasnya.

Dengan adanya peluang dan bantuan yang diberikan kepada pemborong kecil dan sederhana melalui Skim Projek Pemulihan Ekonomi ini katanya, Jabatan Kemajuan Perumahan berharap

agar pemborong-pemborong yang berkenaan akan dapat memberikan komitmen sepenuhnya bagi menjayakan pembinaan perumahan tersebut.

"Para pemborong akan dapat melaksanakan pembinaan perumahan itu dengan jayanya, sempurna dan teratur mengikut apa yang ditetapkan dalam kontrak serta menyiapkan pada masa yang ditentukan dengan kualiti bermutu," tambahnya.

Pelajar diseru tingkatkan ilmu pengetahuan

SERIA, 6 Jun. - Bangsa Brunei perlu maju, digalati, berke-mahiran, memiliki ilmu pengetahuan yang menyeluruh dan menguasai pelbagai teknologi demi menjelmakan hasrat negara, agama, bangsa dan tanah air tercinta.

Sehubungan dengan itu, Pegawai Daerah Belait, Awang

Perwakilan WAGGGS diraikan

GADONG, 29 Mei. - Para anggota Persatuan Pandu Puteri dan Pengakap Perempuan Sedunia (WAGGGS) yang menghadiri Persidangan Serantau Asia Pasifik Ke-7 diraikan di Majlis Makan Malam yang diberikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain di Hotel River View di Gadong.

Persidangan yang bertemakan 'Tindakan Asia Pasifik Melangkah Ke Hadapan' telah dihadiri oleh lebih 200 delegasi dari Rantau Asia Pasifik yang mewakili lebih tiga juta ahli pergerakan Persatuan Pandu Puteri yang telah dibuka rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Oleh Aliddin HM

Negara Brunei Darussalam buat pertama kalinya menjadi tuan rumah kepada persidangan tiga tahun sekali yang bermula pada 27 Mei dan berakhir pada 2 Jun, 2001.

Negara-negara yang menyertai dalam persidangan itu ialah Australia, Bangladesh, Negara Brunei Darussalam, Kemboja, Cooks Island, Fiji, Hong Kong, India, Jepun, Republik Korea, Malaysia, Maldives, Mongolia, Nepal, New Zealand, Pakistan, Papua New Guinea, Republik Filipina, Republik Singapura, Sri Lanka, Taiwan, Thailand, Kesultanan Tonga, Vanuatu dan Western Samoa.



KELIHATAN sebahagian daripada delegasi Persatuan Pandu Puteri dan Pengakap Perempuan Sedunia (WAGGGS) ketika diraikan di Majlis Makan Malam yang diberikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain di Hotel River View, Gadong. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Oleh
Dk. Hjh. Saidah PHOA

bagi memberigakan pelajar-pelajar tentang peluang-peluang bagi mengikuti skim dermasiswa yang ditawarkan oleh Syarikat-syarikat Brunei Shell.

Dengan adanya majlis tersebut, para pelajar akan dapat mengetahui lebih terperinci tentang proses pemilihan serta pelbagai bentuk cabaran yang bakal dilalui dalam memilih kerjaya dengan syarikat-syarikat berkenaan.

Di samping itu, ianya juga menyemai minat dan minda pelajar bagi mempunyai matlamat dan sasaran dalam hidup terutama selepas menduduki Peperiksaan GCE Peringkat 'O' dan 'A'.

Wakil Brunei Shell, Awang Mohaimin bin Haji Abdul Latif berkata, pihaknya begitu prihatin mengenai masalah pengangguran yang dihadapi oleh para belia.

Katanya, kerjaya yang bersesuaian bagi pelajar-pelajar yang berkebolehan juga telah menjadi isu yang perlu ditangani.

Atas kesedaran itulah katanya, pihak Brunei Shell ingin menjadikan kempen tersebut sebagai daya usaha yang ber-

terusan bagi membimbing serta memberikan motivasi kepada para pelajar.

Beliau seterusnya berkata, kebanyakan para pelajar yang telah mengikuti skim tajaan yang disediakan telah pun memegang jawatan penting dalam Syarikat-syarikat Brunei Shell.

Katanya, faktor penyebab bagi kecemerlangan mereka yang telah banyak mengikuti skim berkenaan, kerana penglibatan para pendidik terutama guru-guru kaunseling yang bersepadu.

Dari itu beliau berharap, lebih banyak lagi anak-anak tempatan yang berkelulusan serta mempunyai potensi untuk mengambil alih jawatan-jawatan tertinggi.

"Kita memerlukan pelajar-pelajar yang berprestasi, berstamina dan yang paling asas mempunyai tahap akademik yang bersesuaian," katanya.

Beliau seterusnya berharap, para pelajar yang hadir di majlis tersebut akan mengambil kesempatan yang ada untuk memerhati segala bahan pameran, berinteraksi dengan perwakilan-perwakilan Brunei Shell, menimba sebanyak mungkin maklumat serta garis panduan sebagai persediaan untuk melayakkan diri dalam skim-skim tajaan yang ditawarkan.



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Haji Harun bin Haji Ismail menyaksikan Pameran Skim Dermasiswa Brunei Shell yang diadakan sempena Majlis Taklimat skim tersebut yang berlangsung di Dewan Maktab Anthony Abell, Seria. - Gambar ihsan Miri Daily News.

SUKAN SUKAN SUKAN SUKAN

Skuad negara duduki tempat ketiga

KEMENANGAN 3 - 1 ke atas Kelantan TNB dalam perlawanan terakhir pusingan pertama Liga Perdana II, berjaya meletakkan skuad negara di tangga ketiga selepas Johor F.C dan Sabah.

Bagaimanapun kedudukan tersebut belum lagi selamat memandangkan pencabar terdekat Kelantan JKR, Melaka Telekom, Kedah, Kelantan TNB dan Cempaka Negeri Sembilan dilihat mempunyai peluang

Oleh Haji Ahat HI

yang sama untuk merampas tempat tersebut apabila bermula pusingan kedua Julai depan.

Namun, melihat kepada prestasi dan corak permainan beberapa perlawanan yang lalu, skuad negara dijangka berupaya untuk mempertahankan kedudukan itu.

Dalam perlawanan terakhir bagi pusingan pertama ketika bertemu Kelantan TNB di Stadium Negara Hassanah Bolkiah lalu, barisan tuan rumah terlepas banyak peluang untuk menjanginkan gol.

Sebaliknya, pasukan pelawat itu pula melakukan kejutan di awal permainan melalui Nordin Mohd. Sukri, menjanginkan gol pertama dari seakan sudut Hamdi Ibrahim.

Tersentak dengan jaringan itu, skuad negara kemudiannya berjaya menyamakan kedudukan 1 - 1 apabila bola hantaran tinggi Awangku Sallehuddin Pengiran Haji Damit berjaya ditanduk masuk oleh Md. Shai-ful Aznee Zaini.

Jaringan penyamaan itu menyuntik terus semangat skuad negara dengan melancarkan banyak serangan yang kemudiannya membuahkan hasil jaringan kedua melalui gerakan tepi Muhd. Subhi Abdillah Bakir, merembat bola masuk dari tepi menjadikan kedudukan 2 - 1.

Corak permainan tuan rumah terus menyerlah di separuh masa kedua apabila Abang Nursillmy Abang Haji Taha melakukan serangan silih berganti bersama Riwardi Wahit, namun penjaga gol Kelantan TNB, Wan Kamaluzaman bertindak cemerlang menggagalkan kesemua percubaan tersebut.

Kecemerlangan penjaga gol itu bagaimanapun akhirnya berjaya juga dibolosi dengan jaringan ketiga oleh Irwan Mohammad selepas menerima hantaran kiri daripada Radiman Haji Abdul Rahman.



PENGARAH Politik dan Organisasi Kementerian Pertahanan, Awang Haji Haris bin POKPS Haji Manan menyampaikan hadiah kepada pemenang Kejohanan Tarik Kalat antara Jabatanarah-jabatanarah Awam, Kementerian Pertahanan. - Gambar oleh Hamadi HM.

Berakas & Muara juara Tarik Kalat

Oleh Haji Ahat HI

BERAKAS Garison dan Angkatan Tentera Laut Muara masing-masing menjuarai Kejohanan Tarik Kalat Antara Jabatanarah-jabatanarah Awam, Kementerian Pertahanan di Padang Perkhemahan Bolkiah.

Dalam pertandingan akhir bagi kategori 'A' (70 kilogram ke bawah), Berakas Garison menundukkan tuan rumah, Bolkiah Garison, manakala bagi kategori 'B' (bebas) Angkatan Tentera Laut Muara menumpaskan Bolkiah Garison.

Terdahulu pada pusingan awal kategori 'A', Berakas Garison menumpaskan Muara pada perlawanan separuh akhir pula menewaskan Tutong, sementara juara kategori 'B', Muara menewaskan Penanjong pada pusingan awal dan di separuh akhir menumpaskan Pasukan TEMD.

Sejumlah enam pasukan dalam kategori 'A' dan enam pasukan dalam kategori 'B' menyertai kejohanan tersebut dan hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Pengarah Politik dan Organisasi Kementerian Pertahanan, Awang Haji Haris bin POKPS Haji Manan.

Kejohanan tahunan itu antara lain bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara pegawai dan kakitangan Jabatanarah-jabatanarah Awam, Kementerian Pertahanan selain menggalakkan sukan untuk riadah bagi kesihatan.



MENGASAK — Mohd. Shai-ful Aznee Zaini mencabar penjaga gol Kelantan TNB, Wan Kamaluzaman merebut bola tinggi yang berkesudahan skuad negara menang 3 - 1. - Gambar oleh Masri Osman.

ATUDB juara renang, polo air ABDB 2001

Oleh Abdullah Asgar

ANGKATAN Tentera Udara Diraja Brunei (ATUDB) merampas kejuaraan Kejohanan Renang dan Polo Air Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) 2001 dari Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei (ATDDB) selaku juara tahun lalu.

Selain itu, Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (ATLDB) pula muncul juara dalam perlawanan polo air setelah me-

ngalahkan ATDDB dengan 6 - 2 di perlawanan akhir pada 15 Jun lalu di Kolam Renang Penanjong Garison, Tutong.

Di kejohanan itu, ATUDB juara dengan mengutip tiga emas, tiga perak dan empat gangsa, manakala ATDDB juga mengutip tiga emas, satu perak dan dua gangsa. Sementara Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei (ATPBDB) di tempat ketiga dengan dua emas, dua perak dan tiga gangsa.

Manakala itu, pasukan kedua ATDDB hanya berpuas hati di tempat ketiga setelah menewaskan ATPBDB dengan jaringan 8 - 3 dalam perlawanan polo air bagi merebut tempat ketiga dalam perlawanan yang diadakan terdahulu.

Kejohanan yang diadakan sejak Selasa lalu disertai oleh semua unit besar di ABDB termasuk Kementerian Pertahanan dan pengambilan rekrut.

Sebanyak 12 acara renang dipertandingkan bagi menguji kebolehan anggota-anggota ABDB dalam bidang sukan air sekali gus memperkukuhkan unsur-unsur ketahanan fizikal dan semangat kesukanan di

kalangan anggota ABDB di alaf baru.

Kali ini, Pusat Latihan ABDB diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah bagi mengukuhkan kejohanan tahunan ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan berkesudian menyampaikan hadiah ialah Pemangku Pemerintah ABDB, Kolonel Dato Paduka Awang Haji Jumat bin Haji Zakaria.

KEDUDUKAN KESELURUHAN PASUKAN-PASUKAN BAHAGIAN II LIGA PERDANA MALAYSIA SELEPAS PUSINGAN PERTAMA 2001

PASUKAN	P	M	S	K	J	B	MATA
JOHOR F.C	11	9	1	1	23	7	28
SABAH	11	8	0	3	20	9	24
NEGARA BRUNEI D	11	6	1	4	17	12	19
KELANTAN JKR	11	4	5	2	19	14	17
MELAKA TELEKOM	11	5	1	5	14	19	16
KEDAH	11	4	3	4	19	13	15
KELANTAN TNB	11	4	2	5	15	18	14
CEMPAKA NS	11	3	5	3	10	11	14
ANGKATAN TENTERA	11	2	4	5	12	15	10
KL MALAY MAIL	11	2	4	5	12	24	10
KEDAH JKR	11	2	2	7	16	25	8
POLIS	11	2	2	7	12	22	8



PERLAWANAN Tarik Kalat Antara Jabatanarah-jabatanarah Awam, Kementerian Pertahanan yang berlangsung di Padang Perkhemahan Bolkiah. - Gambar oleh Hamadi HM.

SUKAN SUKAN SUKAN SUKAN

Enam negara sertai Sepak Takraw Sekolah-sekolah ASEAN



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim diperkenalkan kepada Pasukan Republik Indonesia sejurus selepas membuka rasmi Kejohanan Sepak Takraw Sekolah-sekolah ASEAN Ke-15. - Gambar oleh Hamadi HM.

ENAM negara yang terdiri dari Malaysia, Republik Indonesia, Republik Singapura, Thailand, Laos dan tuan rumah Negara Brunei Darussalam menyertai Kejohanan Sepak Takraw Sekolah-sekolah ASEAN Ke-15 yang dirasmikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim bin Haji Mohd. Daud.

Dalam ucapan perasmian di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah di sini, Dato Paduka menyeru para belia agar memberikan perhatian sama di dalam bidang sukan dan pembelajaran.

Di samping itu tambah Dato Paduka, sebagai penuntut mereka juga diharapkan akan dapat menunaikan objektif dan cita-cita mereka untuk kepentingan kehidupan masa depan.

Pencapaian seimbang tambahnya, adalah sasaran utama yang ingin dinikmati oleh seseorang pelajar.

Selubungan itu Dato Paduka mengingatkan para pelajar bahawa dalam era serba bersaing,

Oleh Haji Ahat HI

pencapaian akademik dititikberatkan bagi memperoleh pekerjaan yang baik dan sesuai.

Sejurus selepas ucapan perasmian itu, Dato Paduka kemudian diperkenalkan kepada keenam-enam pasukan tersebut dan menyaksikan perlawanan pusingan awal pertama dan kedua berpasukan antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Indonesia Kumpulan 'A', manakala Kumpulan 'B' Thailand bertemu Malaysia.

Kejohanan tahunan kegiatan sekolah-sekolah ASEAN itu merupakan langkah ke arah membangun dan membentuk kemahiran para penuntut dalam sukan supaya pada masa akan datang mereka akan dapat menyumbang terhadap kemajuan sukan negara masing-masing.

Melalui penyertaan itu mereka juga akan dapat memperbaiki tahap dan mutu sukan di samping menjalin hubungan silaturahmi, setia kawan dan persefahaman di kalangan semua peserta.

THAILAND UNGGULI SEPAK TAKRAW SEKOLAH ASEAN

KUASA permainan sepak takraw dunia Thailand, berjaya mengekalkan keunggulan mereka menjuarai kejohanan berpasukan dan antara regu, di Kejohanan Sepak Takraw Sekolah-sekolah ASEAN Ke-15 yang berakhir di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Dalam kejohanan tersebut mereka dengan mudah menyingkirkan setiap pasukan dan hanya menerima tentangan dari Malaysia dalam pertandingan akhir berpasukan dan antara regu.

Dalam perlawanan akhir berpasukan, regu Thai pertama yang terdiri daripada Songsak Upareesri, Wiwat Sunthonprach dan Rangsirod Sirisamutsarn mengatasi regu Malaysia Mohd. Hafiz, Noor Azman dan Kamisan Samsudin dengan kiraan mata 21-20, 21-12.

Bagaimanapun, regu Thai kedua, Visava Shualee, Purich Pansila dan Sorakai Kumkoon menghadapi tentangan sengit dan tewas dalam pertandingan rubberset kepada gandingan regu Malaysia, Mohd. Masran, Sulaiman Salleh dan Mohd. Khairul Ismail, 20-21, 21-13 dan 15-14.

Selepas itu dalam perlawanan regu ketiga, cabaran Malaysia yang digalas oleh Mohd. Azlan Mohd. Fadzil dan Ariff Ramli terpaksa tunduk kepada gandingan regu Thailand, Pichit Rongpak, Tantikorn Pongsri dan Payu Daosava dengan kedudukan tipis 19-21, 18-21.

Sementara itu dalam perlawanan akhir antara regu, Thai juga tampil mengunggulinya

Oleh
Haji Ahat HI

apabila trio mereka Songsak Upareesri, Wiwat Sunthonprach dan Rangsirod Sirisamutsarn menang tipis ke atas regu Malaysia, Mohd. Khairul Ismail, Sulaiman Salleh dan Mohd. Masran 21-19, 21-20.

Di set pertama Malaysia hampir pasti mengatasi Thai selepas mendahului 19-14,

tetapi Thai berjaya mengejar hingga 19-21, manakala di perlawanan set kedua pertandingan kedua-dua pasukan lebih, genting dengan kedudukan mata sering berkejaran dan Thai berjaya memanfaatkan kesilapan pemain Malaysia untuk mengatasi 20-21.

Tempat ketiga antara regu disandang oleh regu Malaysia selepas menumpaskan regu Republik Indonesia 21-11, 15-21 dan 15-13.



JUARA... Regu Thailand menerima plaket rebutan yang disampaikan oleh Pemangku Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Johan. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

Barisan Brunei tidak menyerlah

BARISAN yang kurang mantap serta pengalaman yang terhad merupakan antara sebahagian daripada rumusan terhadap kegagalan Pasukan Sepak Takraw Negara Brunei Darussalam beraksi cemerlang di Kejohanan Sepak Takraw Sekolah-sekolah ASEAN Ke-15

minggu lalu.

Para pemain kelihatan gementar ketika turun ke gelanggang sehingga banyak melakukan kesilapan demi kesilapan. Hantaran,



MENARIK... Thailand dan Malaysia berentap ke perlawanan akhir Kejohanan Sepak Takraw Sekolah-sekolah ASEAN Ke-15 yang berkesudahan Thailand mengekalkan kejuaraan berpasukan dan antara regu.



GAGAL DISEKAT... Songsak Upareesri (jeri 7) melakukan rejaman dan cuba dihalang oleh Mohd. Masran, pemain apit kanan Malaysia, bagaimanapun bola terus menjunam ke gelanggang Malaysia. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

penerimaan bola mahupun reja-man tidak menentu dan pihak lawan memenangi perlawanan dengan mudah.

Justeru dalam pertemuan pertama perlawanan berpasukan, Republik Indonesia tidak perlu memerah banyak tenaga untuk mengatasi tuan rumah dan begitu juga dengan pasukan Laos.

Kelemahan yang terdapat dalam perlawanan berpasukan itu berlarutan hingga di perlawanan antara regu apabila regu 'A' kecundang kepada Republik Indonesia, sementara regu 'B' disingkirkan oleh Malaysia.

Meskipun tewas, regu 'A' tuan rumah berjaya memberikan saingan sengit hampir sejam sebelum disingkirkan oleh Republik Indonesia. Thailand muncul juara selepas menumpaskan Malaysia dalam perlawanan akhir 21-19, 21-10.

SUKAN SUKAN SUKAN SUKAN

TEMASYA SUKAN PUPUK SEMANGAT KERJASAMA

Oleh Aliddin HM

TEMASYA sukan sekolah-sekolah boleh melahirkan ahli-ahli sukan yang berpotensi dan berkaliber bagi mewakili negara ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Pengarah Penjara, Awang Haji Ahmad bin Haji Dullah berkata demikian di Majlis Perasmian Sukan Tahunan Sekolah Menengah Awang Semaun yang berlangsung di padang sekolah berkenaan pada 30 Mei lalu.

Beliau menjelaskan bahawa dengan adanya temasya sukan seperti itu dapat memupuk semangat kerjasama dan melahirkan perpaduan serta ikatan yang mesra di kalangan guru-guru dan penuntut-penuntut di sekolah berkenaan. Di samping itu juga ianya dapat menjaga kesihatan dan kecergasan diri.

Beliau menambah, temasya sukan tahunan yang diadakan itu adalah satu perkembangan yang sangat baik dan menunjukkan adanya kesedaran di kalangan guru-guru dan penuntut-penuntut bagi sama-sama mendukung cita-cita kerajaan dalam memajukan bidang sukan di negara ini.

"Dengan adanya para penuntut menyertai kegiatan-kegiatan sekolah dan aktiviti-aktiviti yang sihat seperti temasya sukan pada pagi ini, sedikit sebanyak akan membantu para penuntut menjauhi gejala-gejala sosial yang kurang sihat," katanya.

Beliau memperingatkan para penuntut, selain kecemerlangan dalam sukan, mereka juga jangan lupa terhadap tanggungjawab sebagai seorang penuntut, terutama dalam memperbaiki pelajaran, pergaulan, disiplin dan mempertahankan kedaulatan undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa masa kini.

Sejak akhir-akhir ini, jelasnya, kes-kes gejala sosial di negara ini telah semakin meningkat dari tahun ke setahun, terutama penglibatan dalam penyalahgunaan dadah, curi, rogol, mencabuli kehormatan dan lain-lain, di mana perkembangan negatif ini sudah sewajarnya menimbulkan kebingungan yang besar kepada kita semua, apa tah lagi bila mengambil kira bahawa hampir keseluruhan kes-kes tersebut melibatkan para belia di bawah umur 30-an dan tidak terkecuali para pelajar.

Beliau menyeru kepada para penuntut agar menghindarkan diri dari segala anasir yang negatif dan lakukanlah perkara yang positif dengan berpandukan undang-undang dan peraturan. Tumpukanlah perhatian kepada persekolahan dan pembelajaran, di mana satu masa nanti mereka akan menjadi warga yang berguna kepada bangsa dan negara.

Rumah Alak Betatar menduduki tempat teratas di antara kesemua rumah-rumah yang bertanding dengan mengutip 17 pingat emas, 11 perak dan sembilan gangsa. Tempat kedua dimenangi oleh Rumah Temenggong Dakula dengan mengutip 14 pingat emas, 18 perak dan 10 gangsa dan tempat ketiga Rumah Nakhoda Ragam mengutip 13 pingat emas, 10 perak dan 18 gangsa dan yang terakhir Rumah Patih Berbai dengan mengutip tiga pingat emas, lapan perak dan lapan gangsa.

Johan dalam perbarisan terbaik dimenangi oleh Rumah Temenggong Dakula dan dekorasi rumah terbaik, jatuh kepada rumah Nakhoda Ragam.

Acara sukan yang dipertandingkan dalam temasya sukan tahunan Sekolah Menengah Awang Semaun ini adalah acara-acara balapan dan padang.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang dalam temasya sukan itu telah disempurnakan oleh Pengarah Penjara, Awang Haji Ahmad bin Haji Dullah.



PENGARAH Penjara, Awang Haji Ahmad bin Haji Dullah ketika mengalungkan pingat kepada para pemenang dalam temasya Sukan Tahunan Sekolah Menengah Awang Semaun. - Gambar oleh Aliddin HM.

Basikal : Pasangan Sofri dan Hasnalwira muncul juara

Oleh Abdullah Asgar

PASANGAN Sofri bin Haji Sulaiman dan Hasnalwira bin Ibrahim muncul juara dalam Biatlon 'Berumah' Perlumbaan Berbasikal dan Berlari Kali Pertama 2001 dengan menewaskan 11 pasangan yang lain yang menyertai perlumbaan itu bagi Kategori Terbuka Lelaki (Kementerian Pembangunan, MOD).

Biatlon yang dianjurkan oleh Badan Sukan dan Kebajikan, Jabatan Kemajuan Perumahan (JKP) pada 10 Jun itu dibahagikan kepada tujuh kategori iaitu jemputan VIP, MOD, jemputan veteran lelaki MOD 40 ke atas, terbuka lelaki MOD, terbuka lelaki JKP, terbuka wanita MOD, terbuka campuran MOD dan terbuka junior keluarga JKP.

Bagi kategori terbuka lelaki MOD, peserta basikal dimestikan berbasikal sejauh 16 kilometer, manakala peserta berlari empat pusingan mengelilingi kompleks Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Kerja Raya.

Juara bagi kategori lain, masing-masing adalah seperti berikut, VIP, MOD, pasangan Haji Mohd. Jumin bin Haji Marsal dan Mohd. Zain bin Haji Mohamad; veteran lelaki terbuka MOD,

pasangan Pengiran Haji Matali bin Pengiran Haji Daud dan Haji Zainal bin Haji Sulaiman; terbuka lelaki JKP, pasangan Marhain bin Idris dan Syahrin bin Haji Abu Bakar.

Sementara bagi kategori terbuka wanita MOD, johan, pasangan Hajah Kalsum binti Latif dan Hajah Norhani binti Haji Sapor; kategori campuran MOD, ialah pasangan Alimustapa bin Haji Abdul Hamid dan Rahmah binti Dato Ranta Haji Sukor dan kategori junior keluarga JKP, pasangan Muhd. Al-Zaim bin Haji Aini dan Abdul Kahliq bin Roziman.

Hadiah kepada para pemenang disampaikan oleh tetamu kehormat Pengarah Kemajuan Perumahan, Awang Haji Mohd. Jumin bin Haji Marsal.

Menurut pihak penganjur, perlumbaan serupa akan diadakan dalam Julai ini kerana mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada peminat 'mountain bike' di negara ini.

200 sertai lumba basikal sempena 40 tahun ABDB

Oleh Abdullah Asgar

SUKAN lumba basikal antara acara sukan yang dipertandingkan oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) sempena meraikan 40 tahun penubuhannya.

Kejohanan Lumba Basikal Amal 'Mountain Bike' sempena Ulang Tahun ABDB Ke-40 ia bermula dan berakhir di Pangkalan Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (ATUDB) di Kampong Rimba pada 7 Jun lalu.

Seramai 200 pelumba menyertai kejohanan ini yang dibahagikan kepada empat kategori iaitu lelaki perseorangan anggota ABDB dan kakitangan awam, wanita, veteran 40 tahun ke atas dan VIP bagi mereka yang berpangkat leftenan kolonel ke atas.

Bagi peserta lelaki perseorangan dan veteran 40 tahun ke atas, mereka menggunakan laluan seperti Tungku Link, Lebuhraya Muara-Tutong berpatah balik melalui pusing keliling Muara dan seterusnya Jalan Perpindahan Rimba sebelum masuk ke Pangkalan ATUDB.

Sementara bagi VIP dan wanita, laluan agak dekat, para peserta hanya keluar dari pangkalan berpusing di Empire Hotel and Country Club dan terus menuju semula ke pangkalan untuk penamat.

Johan bagi lelaki perseorangan ialah Koperah Ali Mustafa; kedua, Jaidi bin Haji Adi (awam) dan ketiga, Koperah Pengiran Haji Shahbudin, manakala kategori veteran 40 tahun ke atas, juara ialah Haji Oslin bin Haji Muhd. Noor; kedua, Jafar bin Kanah dan ketiga, Mohd. Haji Aji.

Sementara keputusan bahagian wanita, johan, Diana Noor Susanti; kedua, Husnah dan ketiga, Sabariah, dan dalam kategori VIP, juara ialah Leftenan Kolonel (U) Haji Mohd. Taha bin Haji Mohd. Yusof; kedua, Leftenan Kolonel (U) Napih bin Haji Paijan dan ketiga, Leftenan Kolonel (U) Pengiran Haji Kamal Bashah bin Pengiran Haji Ahmad.

Hadiah yang berupa barangan elektrik, basikal dan kristal disampaikan oleh tetamu kehormat, Yang Dimulikan Pehin Datu Singamanteri Kolonel (L) Haji Awang Mohammad Yasmin bin Haji Umar.

FESTIVAL MOTOSIKAL BERKUASA TINGGI BORNEO

PERSATUAN Motor Darussalam (PEMODA) buat kali pertamanya akan mengadakan Festival Motosikal Berkuasa Tinggi Borneo pada 22 hingga 25 Jun ini sempena Tahun Melawat Brunei (TMB) 2001.

Dijangkakan lebih 400 buah motosikal pelbagai jenis akan mengambil bahagian dalam pesta empat hari yang akan dilangsungkan di kawasan letak kereta Bangunan Alat Kebesaran Diraja, Bandar Seri Begawan.

Selain peserta Negara Brunei Darussalam, peserta dari Sabah, Sarawak dan sebahagian dari Wilayah Kalimantan juga akan mengambil bahagian.

Oleh Abdullah Asgar

Di samping mengadakan pameran motosikal berkuasa tinggi, para peserta juga dijangka membuat lawatan ke Daerah Tutong dan Belait bagi memberi peluang peminat dan orang ramai di daerah berkenaan menyaksikan pelbagai jenis motosikal berkuasa tinggi yang digunakan di Kepulauan Borneo.

Sebagai kegiatan sampingan acara sukan seperti pertunjukan 'stunt' dan sukan persahabatan juga akan diadakan.



PERLUMBAAN Berbasikal dan Berlari kali pertama 2001 anjuran Badan Sukan dan Kebajikan, Jabatan Kemajuan Perumahan (JKP) yang diadakan pada 10 Jun lepas. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman ketika hadir merasmikan 'Seminar Konsep Perniagaan Dalam Islam' yang berlangsung di Universiti Brunei Darussalam (UBD). - Gambar oleh Halim HS. (Berita lanjut muka 1 dan 3).

Tembusi pasaran perdagangan global

Oleh Sahari Akim

TUNGKU, 16 Jun. - Masyarakat di negara ini diseru agar dapat menyerap dan menggunakan teknologi-teknologi yang serba canggih termasuk teknologi maklumat dan perhubungan (ICT) ke arah meningkatkan produktiviti dan kecekapan, di samping menembusi pasaran perdagangan global tanpa batas yang digelar ekonomi baru.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama membuat seruan itu ketika merasmikan 'Seminar Konsep Perniagaan Dalam Islam' berlangsung di Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Menurut Yang Berhormat, abad ke-21 yang sedang ditempuhi membawa bersama banyak cabaran baru yang perlu diatasi, di samping peluang-peluang dan kemanfaatan yang dapat diraih.

Apa yang sangat ketara, jelas Yang Berhormat ialah kesan daripada ledakan kemajuan dan penggunaan ICT dalam kehidupan seharian masyarakat.

Jelas Yang Berhormat, kemajuan dalam ICT telah mengubah budaya kerja, tatacara dan kepantasan untuk berhubung, belajar mahupun dalam mengendalikan perniagaan, selain membuka peluang pasaran dan penyampaian secara global yang tidak terbatas, bilamana internet dan laman web sudah mula menggantikan cara tradisi transaksi berjual beli.

Pada masa yang sama, tambah Yang Berhormat, abad ini juga membawa bersama keperluan untuk saling bergantung di antara satu sama lain (interdependency) dari sudut kepakaran, teknologi dan juga kapital.

Yang Berhormat berkata, sesebuah negara tidak lagi dapat bersendirian dan menumpukan perhatiannya untuk memajukan sesuatu industri secara efisien dan berterusan hanya bagi memenuhi pasaran dalam negeri.

Sehubungan dengan itu, masyarakat di negara ini, ujar Yang Berhormat, sedang menghadapi proses pembukaan pasaran dan pemudahan laluan perdagangan, pelaburan dan perkhidmatan secara meluas, menerusi perundingan pelbagai hala dalam kerjasama-kerjasama ekonomi serantau mahupun antarabangsa.

Proses globalisasi itu, kata Yang Berhormat, adalah bertujuan untuk memberikan peluang kepada para pengusaha berkenaan untuk menembusi pasaran di luar negara mereka.

Yang Berhormat menyatakan, penyertaan pihak kerajaan dalam perundingan tersebut adalah bagi memastikan tawaran pasaran yang diberikan selari dengan keadaan ekonomi masing-masing, selain untuk menjamin kepentingan mereka tidak diketepikan oleh negara-negara yang lebih maju.

Dalam majlis itu, Yang Berhormat juga menekankan beberapa perkara utama yang perlu diambil perhatian terutamanya mengenai sumber minyak mentah dan gas asli yang telah banyak menyumbang ke arah perkembangan ekonomi di negara ini yang merupakan sumber alam terhad dan akan pupus pada suatu masa akan datang.

Selain dari itu beliau juga menyentuh mengenai kedudukan negara ini yang mempunyai pasaran yang kecil berbanding dengan pasaran negara-negara lain, di mana keadaan itu tidak akan dapat memberi jaminan kepada pengusaha tempatan dalam memajukan industri komersial secara berdaya saing dan berterusan.

Juga disedari, tambah Yang Berhormat ialah industri-industri di negara ini adalah masih di peringkat kecil dan sederhana dan belum mampu untuk bersaing dengan industri besar dari luar negara yang menjadikan pendapatan utama dan pertukaran mata wang asing negara ini masih banyak bergantung kepada pengeksporan minyak mentah dan gas cecair.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sangat peka akan hakikat tersebut dan secara berterusan akan berusaha mempelbagaikan ekonomi agar tidak semata-mata terus bergantung kepada sumber-sumber asli tersebut.

"Kerajaan terus berusaha untuk meningkatkan keupayaan sektor swasta di negara ini bagi menggiat dan mengembangkannya industri-industri bukan minyak dan gas yang berdaya tahan dan boleh bersaing di dalam mahupun di luar negeri," jelas Yang Berhormat.

Sementara meningkatnya industri-industri tempatan ke tahap yang lebih kukuh dan berdaya saing, kerajaan secara aktif juga menyertai kerjasama-kerjasama ekonomi serantau dan antarabangsa seperti ASEAN, APEC dan juga WTO, bagi menyediakan infrastruktur dan membuka peluang kepada industri-industri penghasilan barangan di negara ini menembusi pasaran lebih besar di luar negeri dengan lebih mudah dan teratur di masa hadapan.

Penyertaan dalam kerjasama-kerjasama ekonomi serantau dan antarabangsa itu juga memberikan peluang bagi meningkatkan keupayaan sesebuah negara, umpamanya melalui syarat-syarat yang perlu dipatuhi dari segi piawaian barangan atau penurusan seperti penggunaan 'ISO Standard'.

Dengan memenuhi syarat yang dikenakan itu, pihak pengusaha akan meningkatkan lagi mutu barangan yang dikeluarkan dan secara tidak langsung akan dapat dijadikan sebagai sasaran (benchmark) perusahaan berkenaan dalam menjamin mutu yang seragam dalam industri tempatan.

BEKERJASAMA MENGAWAL MUTU ALAM SEKITAR

Oleh Sahari Akim

BERAKAS, 12 Jun. - Masyarakat awam termasuk warga korporat perlu bekerjasama dengan pihak kerajaan, dalam melaksanakan tanggungjawab mempertingkatkan pengetahuan dan kecekapan warga muda dan remaja terhadap pentingnya pengawalan dan pemeliharaan mutu alam sekitar.

Pemangku Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat membuat seruan itu di Majlis Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia yang disambut pada 5 Jun setiap tahun berlangsung di Kementerian Pembangunan di sini.

Dalam hubungan itu, Yang Berhormat memuji Unit Alam Sekitar, Kementerian Pembangunan dan Syarikat Q-Carrier di atas inisiatif mereka mewujudkan kerjasama dalam penjagaan alam sekitar melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman di bidang tersebut antara kedua-dua belah pihak.

Yang Berhormat berharap agar badan-badan korporat dan syarikat-syarikat tempatan yang lain juga akan mengambil kesempatan untuk sama-sama memainkan peranan dalam merealisasikan hasrat dan program yang berhubung kait dengan pengawalan dan pemeliharaan alam sekitar.

Terdahulu Yang Berhormat menyatakan, bahawa isu alam sekitar sudah lama diterapkan dalam kurikulum pendidikan rendah dan pendidikan peringkat menengah dan bukan hanya khusus dalam satu-satu mata pelajaran seperti geografi atau sains, tetapi ia juga banyak didekahkan kepada para pelajar melalui pelbagai projek dan kajian ilmiah termasuk dalam kegiatan tambahan sekolah ko-kurikulum.

Dengan cara sedemikian, tambah Yang Berhormat, ia bukan sahaja akan dapat mengukuhkan konsep alam sekitar sebagai isu yang menyeluruh, malah anak-anak juga akan dapat dipupuk secara tidak langsung untuk menghormati dan menjaga alam

daratan mutu alam sekitar. Jika alam sekitar terancam, kewujudan kita sendiri dan generasi-generasi akan datang juga turut terancam," tegas Yang Berhormat.

Menyentuh tema sambutan, 'Memupuk Pakatan Bagi Mengawal Alam Sekitar', Yang Berhormat menjelaskan pakatan membawa makna bahawa semua individu mahupun 'collective' mempunyai peranan dan tanggungjawab dalam mengawal mutu alam sekitar daripada ancaman pencemaran.

"Memupuk itu pula mengingatkan kita bahawa generasi akan datang iaitu warga muda dan remaja perlu diperingat akan kepentingan dan peranan mereka untuk memastikan mutu alam sekitar yang baik itu dipertahankan," jelas Yang Berhormat.

Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia, Pemangku Menteri Pembangunan juga melancarkan sebuah buku bertajuk

sekitar mereka.

Ketika berucap, Yang Berhormat juga menyebut bahawa kegiatan-kegiatan individu mempunyai kesan alam sekitar yang kecil, tetapi jika diteruskan tanpa had, kawalan atau pengurusan maka kesan keseluruhan secara 'collective' akan banyak mendatangkan kemudaratan kepada alam sekitar daripada kebaikan.

"Pembaziran penggunaan sumber seperti bahan api, pembaziran penggunaan kertas di pejabat, pembuangan sampah dan sisa industri merata-rata bukan sahaja menghabiskan sumber baru, bahkan pada masa yang sama menambatkan masalah pencemaran.

Dari itu, kita semua perlu mengambil tindakan untuk sama-sama memastikan kegiatan dan perbuatan kita tidak akan memu-



PEMANGKU Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat menyaksikan Pameran Poster dan Esei yang terpilih dalam Peraduan Menulis Karangan dan Melukis Poster Sempena Tahun Alam Sekitar ASEAN 2000 dan Hari Alam Sekitar 2000 di Majlis Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia yang berlangsung di Kementerian Pembangunan. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

BRUNEI
A Kingdom Of Unexpected Treasures

MEMUPUK PAKATAN BAGI MENGAWAL ALAM SEKITAR

دتریتکن اوله جباتن فترائن، جباتن فردان منتري دان دچيتق اوله جباتن فرجيتقن كراجان، نكارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.